



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 10

Rabu

8 Mei 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 32)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Sivill (Pindaan) 2018

(Halaman 33)

Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2019

(Halaman 52)

Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019

(Halaman 57)

Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019

(Halaman 81)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Rabu, 8 Mei 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen.

1. Datuk Lim Pay Hen minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan:

- (a) adakah Rang Undang-undang Perlindungan Alam Sekitar (EPA) yang dicadangkan pada tahun 2017 bakal menggantikan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 yang tidak mampu memberikan hukuman yang setimpal ke atas pihak yang mencemarkan alam sekitar; dan
- (b) apakah kementerian juga akan menetapkan dan memperluaskan pewartaan zon sumber bekalan air sama ada sungai, takungan air, air bawah tanah, kawasan tadahan air dan sebagainya daripada sebarang zon perkilangan atau pembuatan.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memenuhi keperluan semasa untuk mencegah dan mengawal pencemaran alam sekitar serta meningkatkan tahap kepatuhan dan penguatkuasaan, kementerian ini sedang dalam proses menggubal rang undang-undang baharu bagi menggantikan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974). RUU baharu ini bertujuan untuk memperkukuh, memantapkan dan memudah cara pelaksanaan kerja penguatkuasaan yang lebih efektif dengan memberikan penekanan terhadap perkara-perkara berikut:

- (i) peningkatan terhadap jumlah penalti selaras dengan kewujudan *green court* dengan denda tinggi sebagai menunjukkan kesalahan mencemarkan alam sekitar adalah merupakan satu kesalahan yang serius;
- (ii) memantapkan penguatkuasaan dan mengemas kini kuasa-kuasa Ketua Pengarah seperti meluluskan garis panduan pengurusan alam sekitar, dokumen aturan tetap operasi berkaitan pemeriksaan, penyiasatan, pemantauan prestasi, reka bentuk, penggunaan peralatan pengukuran *in-situ* dan sebagainya;
- (iii) pelaksanaan amalan industri hijau yang bertujuan sebagai preventif, mengambil kira pengurusan alam sekitar yang dinamik, perubahan iklim dan kehendak sosial dalam pengoperasian industri;
- (iv) kawalan terhadap pembuangan *e-waste* daripada isi rumah sebagai penyumbang terbesar pembuangan barang elektronik; dan
- (v) elektrik dan mengiktiraf kepakaran pegawai jabatan dan orang awam melalui lantikan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling bagi memantapkan kes-kes pendakwaan.

Untuk soalan yang kedua, ini adalah berdasarkan input daripada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Menurut rancangan fizikal negara yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, sumber air boleh diperolehi daripada empat punca iaitu lembangan sungai, air bumi, sungai dan badan air.

Dengan kepesatan pembangunan negara, terdapat pelbagai guna tanah ketika ini yang melibatkan keempat-empat sumber air yang dinyatakan di atas. Ada antaranya yang telah dibangunkan sebagai kawasan penempatan, kawasan perindustrian, kawasan pertanian dan sebahagian lagi masih kekal sebagai kawasan berhutan, terutamanya kawasan yang telah diwartakan sebagai hutan simpanan kekal (HSK).

Sehingga 31 Disember 2018, kawasan seluas 809,823 hektar daripada HSK telah diwartakan sebagai hutan tadahan air di bawah seksyen 10, Akta Perhutanan Negara 1984, di mana ia berada di bawah kawalan Jabatan Perhutanan Negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan soalan tambahan Yang Berhormat.

Datuk Lim Pay Hen: Saya ucap terima kasih kepada jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah juga pihak kementerian telah menambah baik draf undang-undang EPA ini seperti penguatkuasaan hukuman mati? Memandangkan

pada tahun 2017 telah dilaporkan bahawa undang-undang EPA yang akan diperkenalkan pada masa itu mengandungi lebih 90 seksyen iaitu hampir dua kali ganda jumlah peruntukan berbanding yang ada dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan melibatkan peruntukan baharu untuk menangani masalah pencemaran seperti tumpahan minyak di laut dan darat, perancangan tapak kilang serta peraturan mengenai kilang haram.

Seterusnya, apakah pihak kementerian turut mengambil kira pengamalan *polluter pays principle*, dengan izin, yang mewakili kos pencegahan kawalan pengurangan pencemaran yang disebabkan oleh individu yang melakukan pencemaran dalam penggubalan undang-undang EPA di dalam memastikan pihak pelaku dapat didakwa seberat-beratnya dan seadilnya di atas kesalahan yang mereka lakukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Kalau saya boleh petik kembali antara-antara yang memang kita ambil maklum kepada perubahan yang akan kita lakukan. Pertama, akta baharu ini yang akan menggantikan AKAS 1974, tidak ada hukuman mati.

Antara yang kita perkenalkan pengenalan konsep baharu seperti *environment protection, precautionary approach, sustainability*. Kalau dahulu orang beritahu *cradle to grave*, kini kita perkenalkan *cradle to cradle and extended producer responsibility*, dengan izin. Kita ada peruntukan denda yang tinggi. Lepas itu, kita mewujudkan denda minimum dan menaikkan nilai tawaran kompaun bagi menunjukkan kesalahan pencemaran alam sekitar ini satu kesalahan serius dan beberapa perkara yang saya telah sebutkan tadi.

■1010

Kita juga di MESTECC menjangkakan kita akan mengadakan *stakeholders* bersama dengan *public*. Kita harap *insya-Allah* dalam bulan Mei 2019 ini sebelum kita bantangan di Parlimen. Kita juga akan mengadakan *engagement* dengan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya minta pada waktu itu apabila kita panggil Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberi dan mencurah idea, saya harap waktu itu semua Ahli Yang Berhormat juga mengambil *participation*, dengan izin, *participate* dengan menyumbang idea untuk bersama-sama memberikan idea. Kita gubal satu undang-undang yang lebih baik daripada sebelum itu kerana sebelum-sebelum ini kita mengalami- apabila kita panggil dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, sangat-sangat rendah ya penglibatan daripada Ahli Yang Berhormat.

Jadi saya minta selepas ini apabila kita umumkan di mana *engagement* dengan *public*, *engagement* dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya harap semua Ahli Yang Berhormat mengambil *participation* kerana alam sekitar bukan terletak di bawah tanggungjawab MESTECC sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berkenaan dengan kos? Soalan nombor dua.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Kos ini kita tidak boleh terperinci sebab benda itu belum dibentangkan. Jadi itu yang mungkin pada waktu kita buat *engagement* nanti kita minta pandangan semua tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ini berkenaan dengan memanggil Ahli-ahli Yang Berhormat ini, saya berharap kementerian Yang Berhormat ini akan memanggil apabila Dewan bersidang kerana Ahli-ahli Yang Berhormat ini ada yang dari Sabah dan Sarawak serta seluruh pelosok negara. Jika kementerian Yang Berhormat sudi bayar elaun, dia boleh panggil bila-bila. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekarang kita tahu keadaan cuaca di negara kita agak panas, Kuala Lumpur di mana-mana sahaja agak panas. Jadi soalan saya, apakah langkah proaktif daripada pihak kerajaan untuk pencegahan awal yang telah ataupun akan diambil untuk mengawal sama ada untuk mengelakkan pencemaran udara dan juga pencemaran darat.

Soalan yang kedua, apakah langkah serta usaha pihak kementerian dalam memperkasakan lagi kesedaran terhadap penjagaan sungai? Ini kerana sungai merupakan punca kepada sumber kehidupan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jikalau boleh.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Saya cuba Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana dia terkeluar sikit.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Pertama tadi tentang langkah-langkah yang kita cuba beritahu, sekarang ini dalam keadaan cuaca panas dan kering dan saya kira- banyak saya rasa kita pun telah menguar-uarkan di media massa untuk kita elakkan pembakaran terbuka. Kita sarankan dengan masyarakat untuk kita elakkan pembakaran terbuka.

Begitu juga dalam masa yang sama, kita mempunyai Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka yang digerakkan dan diaktifkan daripada MESTECC melalui Jabatan Alam Sekitar. Cumanya saya minta apabila kita- walaupun kita ada Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka ini, janganlah pula masyarakat dan yang semua ini untuk melakukan pembakaran terbuka pula. Manakala mengenai sungai, sungai saya rasa tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Sungai ini sebenarnya di bawah seliaan- bukan *totally* daripada MESTECC. Cumanya kita daripada pihak MESTECC

kita hanya membuat analisis kalau diperlukan untuk pencemaran sungai melalui beberapa parameter dan kemudian kita berikan bacaan tersebut, analisis tersebut untuk tindakan pihak yang lain untuk membuat tindakan seterusnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying.

2. Puan Lim Hui Ying minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah tindakan kementerian untuk membantu masalah kebajikan bekas-bekas atlet yang pernah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon keizinan untuk membaca soalan bagi pihak Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua: Menjawab.

Puan Teo Nie Ching: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menghargai sumbangan bekas atlet kepada negara. Malah jasa serta pengorbanan mereka terhadap negara sentiasa dikenang dan terus dihargai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Februari 2019 telah bersetuju memanjangkan kemudahan perubatan dan kesihatan kepada atlet dan juga bekas atlet kebangsaan seperti mana yang dinikmati oleh penjawat-penjawat awam dengan beberapa limitasi kemudahan. Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah mewujudkan program *Malaysian Athlete Career and Education* (MACE), dengan izin, yang bertujuan bagi mengendalikan urusan pendidikan, kerjaya dan kebajikan setiap atlet yang berada di bawah program MACE.

Bagi memastikan masa depan atlet negara terjamin dalam aspek kerjayanya, Projek TRACK telah diperkenalkan pada 15 Mac 2019 di mana kerjasama dengan syarikat-syarikat swasta dan juga GLC telah diterokai. Inisiatif baharu yang diperkenalkan ini dijangka bermula pada pertengahan tahun ini. Anggaran seramai 50 orang atlet akan dihantar ke pasaran kerja serta dipantau nilai tambahnya bagi atlet mahupun majikan sama ada pekerjaan akan mengganggu prestasi mereka semasa latihan atau sebaliknya. Sehingga kini, sebanyak lapan buah syarikat telah menawarkan peluang pekerjaan iaitu *Decathlon Malaysia*, *CIMB Foundation*, BSN... [Rakaman kurang jelas] Telekom Malaysia, Mydin Mohamed Holdings Berhad, Lulu Group Retail dan MRCB.

Projek TRACK ini telah menerima permohonan dan resume daripada dua bekas atlet sukan hoki dan seorang bekas atlet Paralimpik olahraga. Permohonan-permohonan ini telah

pun dihantar kepada syarikat-syarikat yang dinyatakan tadi. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri mewakili KBS. Boleh minta Yang Berhormat Menteri juga menyatakan bilangan bekas-bekas atlet yang akan dimasukkan ke dalam program kebajikan yang disediakan jika ada. Begitu juga menyatakan, adakah kebajikan yang disediakan kepada bekas-bekas atlet termasuk perkhidmatan kesihatan dan perubatan percuma yang terbaik dalam negara? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Program-program yang saya sebut tadi seperti kemudahan perubatan ataupun Projek Track memang semua terbuka kepada bekas atlet. Jadi semua orang boleh hantar permohonan kalau ada permintaan. Akan tetapi pada masa yang sama, kita juga menggalakkan bekas-bekas atlet untuk menyertai Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB).

Setakat ini, YAKEB mempunyai ahli yang sebanyak 2,500 orang dan melalui YAKEB pelbagai kemudahan ataupun bantuan telah disediakan. Seperti bantuan tunai bencana, bantuan alat sokongan perubatan, pampasan kematian, bantuan melanjutkan pelajaran dan sebagainya. Tahun ini kerajaan baharu memberi geran sebanyak RM3 juta kepada YAKEB supaya kebajikan bekas atlet ini dapat dijaga dengan baik.

Selain daripada itu, kemudahan perubatan yang saya sebut tadi, yang telah dipersetujui dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Februari itu memang sekarang telah diperluaskan untuk merangkumi atlet dan juga bekas atlet. Akan tetapi ada beberapa limitasi seperti hanya atlet sendiri atau bekas atlet sendiri yang *cover*- terangkum dalam kemudahan ini dan berbeza dengan penjawat awam di mana *spouse*, isteri mereka, suami mereka, ibu-bapa ataupun anak-anak mereka juga *cover*. Untuk atlet ini memang tidak ada kemudahan seperti itu.

Selain daripada itu, apa-apa kemudahan perubatan yang disediakan untuk penjawat awam, sekarang memang telah dipersetujui untuk diperluaskan kepada atlet dan juga bekas atlet. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Nuing Jeluing: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ini bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan Yang Berhormat. Tidak apalah. Silakan, silakan [Ketawa] Silakan Yang Berhormat Dr. Nuing Jeluing.

■1020

Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya minta penjelasan, atlet mana yang layak untuk diberi pertolongan ini? Adakah di *national level*-kah atau *state level*? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Ini memang *national level*, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen.

3. Dato' Ong Chong Swen minta Menteri Pengangkutan menyatakan, bagaimana kementerian akan meningkatkan daya saingan pelabuhan di Malaysia selepas sekumpulan syarikat-syarikat perkapalan telah bergerak ke pelabuhan Singapura ekoran perjanjian *Ocean Alliance*.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen di atas soalan yang telah beliau kemukakan berkaitan dengan perkapalan di antara Singapura dan negara kita.

Untuk makluman Yang Berhormat, perpindahan hab pakatan syarikat perkapalan *Ocean Alliance* yang terdiri daripada syarikat-syarikat CMA CGM, COSCO Group, OOCL dan *Evergreen Marine* ke Singapura pada tahun 2017 telah menjejaskan prestasi pengendalian kontena di pelabuhan-pelabuhan Persekutuan. Di antaranya adalah kehilangan ataupun penurunan hampir sejuta kontena TEU pada tahun 2017.

Namun begitu, prestasi pengendalian kontena bagi pelabuhan-pelabuhan di Malaysia mula menunjukkan peningkatan positif berdasarkan kepada jumlah kendalian kargo pada suku tahun ketiga 2018 yang merekodkan pengendalian sebanyak 6,331,519 TEU dan keseluruhan jumlah kendalian kontena sepanjang tahun 2018 direkodkan sebanyak 25.015 TEU iaitu peningkatan daripada tahun 2017 kepada tahun 2018, peningkatan kepada 2.8 peratus.

Manakala bagi suku pertama tahun 2019, prestasi keseluruhan pengendalian kontena bagi pelabuhan-pelabuhan Malaysia direkodkan sebanyak 6,315,457 TEU iaitu peningkatan lebih kurang sembilan peratus pada suku tahun pertama 2019 berbanding dengan suku yang sama pada tahun 2018.

Sebagai usaha dan strategi di dalam menghadapi cabaran di dalam meningkatkan prestasi pengendalian kontena, langkah-langkah yang diambil oleh pelabuhan-pelabuhan persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) penambahan kapasiti pelabuhan;

- (ii) meningkatkan kecekapan kendalian dan *ship turnaround time*, dengan izin;
- (iii) mempromosikan pusat pengedaran serantau dan aktiviti tambah nilai di zon perdagangan bebas pelabuhan;
- (iv) melonggarkan sekatan peraturan bukan takrif bagi dagangan *transshipment*; dan
- (v) pendigitalan proses logistik dan pelabuhan.

Selaras dengan itu, pelabuhan-pelabuhan persekutuan seperti Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas telah pun merangka pelan induk perancangan pembangunan masing-masing yang merangkumi pembesaran pelabuhan serta pemodenan infrastruktur pelabuhan bagi tujuan meningkatkan produktiviti pelabuhan. Antaranya adalah projek *New Deep Water Terminal (NDWT)* di Pelabuhan Kuantan, projek pembesaran di Westports, Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, Fasa Tiga serta Pembangunan Pelabuhan Ketiga di Pulau Carey, Selangor.

Sebagai tambahan, kerajaan melalui *National Shipping and Port Council*, dengan izin, atau Majlis Kebangsaan Perkapalan dan Pelabuhan yang mengadakan mesyuarat terakhirnya pada 2 Mei yang lalu, sedang menggiatkan usaha untuk memperkukuhkan lagi hubungan strategik dalam industri maritim dengan mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat perkapalan utama dunia melalui lawatan kerja dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat?

Dato' Ong Chong Swen: Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya.

Pertama, apakah usaha yang dilaksanakan oleh kementerian bagi memastikan, dengan izin, *utilization* pelabuhan domestik dalam negara adalah di tahap maksimum apabila pandangan dikatakan pelabuhan Malaysia *oversupply*, dengan izin, dan bersaing sesama sendiri?

Kedua, dengan izin, *plastic smuggling has been going on for a while. The government seems not able to check on falsely declared container at port.* Apakah penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang penyeludupan plastik ke Malaysia melalui Pelabuhan Klang? Apakah hasil perbincangan antara Kementerian Pengangkutan Malaysia dengan MESTECC? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen.

Setakat yang saya tahu, berkaitan dengan soalan pertama sama ada kita memaksimumkan pelabuhan domestik dan pandangan bahawa sebenarnya ada pengurangan atau sebagainya penggunaan pelabuhan domestik, saya fikir pada kita, perkara seperti itu tidak sangat berbangkit. Pelabuhan-pelabuhan berkembang dan akan ada, sebagaimana saya maklumkan tadi, projek-projek pembesaran...

Tuan Yang di-Pertua: Peningkatan, peningkatan semula projek.

Dato' Kamarudin Jaffar: Peningkatan ada dan sebagainya. Ya berkaitan soalan yang kedua, memang perkara ini diberikan perhatian yang berat hasil daripada penemuan-penemuan bahawa kontena-kontena yang masuk khususnya melalui Pelabuhan Klang dan ada juga Pelabuhan Pulau Pinang mempunyai barangan yang tidak diizinkan iaitu plastik-plastik buangan. Ini sedang kita telitikan, tetapi dasar kita ialah untuk meneruskan lagi dan membuka lagi pelabuhan kita tetapi dengan kawalan yang lebih ketat ke atas barangan-barangan kontena yang masuk. Itu...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, ada kerjasama dengan alam...

Dato' Kamarudin Jaffar: Ada, dengan kementerian-kementerian lain termasuk MESTECC.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lebih kurang 10 tahun atau 11 tahun yang lepas, kita telah digegarkan dengan berita bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, pada ketika itu, yang menjadi Perdana Menteri mencadangkan genting ataupun *Kra Isthmus Canal*, Terusan Segenting Kra di antara Thailand dan Malaysia dan ini memberi manfaat yang cukup hebat sekiranya perkara ini berlaku.

Pada tahun 2017 juga, negara Thailand juga telah mengumumkan bahawa mereka akan mengkaji terusan yang sepanjang 102 kilometer itu dengan menghabiskan perbelanjaan lebih kurang RM112 bilion untuk *develop* kawasan itu, dengan izin.

Apakah kerajaan akan mengkaji semula cadangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Saya pun mengikuti berita-berita tersebut dan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator kerana mengambil berat atas hal itu.

Setakat yang kita tahu dan setakat perancangan kita, kita masih lagi menganggap bahawa pelabuhan-pelabuhan kita penting. Pelaburan untuk membina Terusan- Isthmus Kra itu melibatkan khususnya negara Thailand dengan tujuan-tujuan dan sebab-sebab tertentu yang mesti kita hormati tetapi kita anggarkan bahawa kesan negatifnya kepada pelabuhan-pelabuhan Malaysia tidak sangat besar. Mungkin kepada pelabuhan di negara jiran kita lebih besar kesan negatifnya. Akan tetapi, walau apa pun, kita mengikuti perkembangan tersebut dan akan mengambil tindakan jika ia benar-benar *confirm* atau sah akan dilaksanakan oleh pihak negara jiran di utara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengambil soalan tentang cermin gelap, Kementerian Pengangkutan Malaysia. Saya dapati bahawa semalam ada laporan di Harian Metro mengatakan polis tidak bersetuju dengan cadangan Kementerian Pengangkutan Malaysia tentang cermin gelap. Jadi, soalan saya, mengapa yang jadi sedemikian... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat luar dari soalan asal, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Ya, terima kasih.

■1030

Datuk Paul Igai: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. PAC *Singapore* memberi banyak peluang kepada operator swastanya untuk terlibat dalam pembangunan dan perkhidmatan pelaburan. Ini memberi galakan kepada operator bekerjasama dengan *Port of Singapore Authority* (PSA) demi untuk perkhidmatan pelabuhannya. Adakah kerajaan kita membuat langkah yang sama kepada operator dengan ciri-ciri yang sama?

Kedua, adakah ECRL nanti akan memberi *strategic advantage* kepada *Port Klang*, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan *port-port* yang lain di negara kita ini? Saya ingin mengatakan perkembangan kepada *shipping company* yang kita ada di Malaysia. Macam mana kita akan mengembangkan atau menggalakkan *shipping operator* di negara kita ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Insentif-insentif oleh kerajaan.

Dato' Kamarudin Jaffar: Saya akan cuba Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum saya menjawab saya suka mengambil peluang ini untuk mengalu-alukan kedatangan Persatuan India Jempol ke Dewan Negara kita yang mulia ini. Diharap lawatan yang tuan-tuan dan puan-puan lakukan ini memberi manfaat kepada tuan-tuan dan puan-

puan dan juga kepada kita untuk mereka memahami perjalanan Dewan yang mulia kita pada hari ini.

Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai berkaitan dengan Singapura. Memang kita mengikuti dan memang tanpa kita berlebih-lebihan menyebutkannya menganggap bahawa kita perlu tingkatkan prestasi perkhidmatan pelabuhan-pelabuhan kita dalam bidang-bidang yang telah dibincangkan dalam mesyuarat *National Shipping* dan *Port Council* minggu lepas pun untuk memberikan khidmat-khidmat yang terbaik seperti *bunkering* dan *ship-to-ship* (STS) dan sebagainya.

Manakala kos-kos yang kita tentukan seharusnya kompetitif supaya syarikat-syarikat dan operator-operator kapal seluruh dunia memilih pelabuhan kita dan bukan pelabuhan-pelabuhan negara-negara lain. Itu dalam perhatian kita dan terima kasih di atas pandangan berat dan minat oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

Berkaitan dengan ECRL, memang dalam pengumuman berkaitan dengan keputusan permulaan semula projek tersebut disebutkan dengan khusus bahawa ianya akan menyambungkan Pelabuhan Klang dengan Pelabuhan Kuantan. Ini merupakan suatu laluan yang penting untuk meningkatkan lagi aktiviti kedua-dua pelabuhan besar negara kita.

Berkaitan dengan galakkan untuk operator-operator perkapalan, ini juga satu daripada perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Perkapalan dan Pelabuhan yang bersidang kali akhirnya 2 Mei yang lalu.

Jadi, isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai itu memang dalam perhatian kita secara *detail* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 4.

4. Puan Bathmavathi Krishnan minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah pencapaian *zero reject policy* berkenaan kemasukan kanak-kanak OKU ke sekolah inklusif dan integrasi dari Januari 2019 hingga 31 Mac 2019. Berapakah aduan yang diterima daripada ibu bapa dalam tempoh tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan dasar sifar penolakan ataupun *zero reject policy*, dengan izin, secara menyeluruh bagi murid

berkeperluan khas (MBK). Hal ini bagi memastikan tiada murid dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) dinafikan daripada memasuki alam persekolahan. Langkah ini diambil bagi memastikan golongan ini mendapat hak pendidikan yang sama seperti murid yang lain dan mengelakkan isu keciciran pendidikan dalam kalangan OKU.

Menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Senator mengenai status pencapaian dasar ini, KPM ingin memaklumkan sehingga 8 April 2019 status pendaftaran MBK baharu di sekolah KPM adalah seramai 10,948 orang yang merangkumi 9,545 orang MBK di sekolah rendah dan 1,403 orang MBK di sekolah menengah. Ini pendaftaran tahun ini. Jumlah ini menunjukkan peningkatan seramai 9,462 orang murid dari 2 Januari hingga 8 April tahun ini.

KPM telah menyediakan dua platform penyaluran maklumat bagi membolehkan orang ramai terutama kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas untuk mengemukakan maklum balas dan aduan iaitu melalui aduan.bpkhas@moe.gov.my dan juga moe.spab.gov.my. Sekian jawapan saya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendapat sedikit maklumat daripada ibu bapa mengenai *reject policy*. Terdapat seorang anak yang mengalami *cerebral palsy* di sekolah khas yang memohon masuk sekolah khas di SJK Jalan Bintang, Miri tetapi di-*reject*.

Kedua, tiga orang kanak-kanak dengan autisme ditolak permohonan untuk menyertai program inklusif walaupun terdapat surat sokongan daripada doktor yg membuat penilaian. Di SJK(C) Sitiawan ada seorang kanak-kanak di-*reject* pada hari kedua dia masuk sekolah. SJK(C) Yu Ying, Mambang Diawan juga.

Jadi, sedikit maklum balas ini terdapat bahawa *reject policy* ini ada mengalami beberapa masalah dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun memberi jawapan bahawa ada saluran untuk ibu bapa *complain*. Jadi, soalan saya adalah apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menangani masalah ini dari segi penyediaan kemudahan bagi kanak-kanak yang fizikal dan juga autisme dan juga yang mengalami masalah pembelajaran. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Maklumat yang saya boleh kongsi di sini adalah seperti berikut. Pertamanya, saya rasa kes-kes yang disebut tadi oleh sebab saya tidak ada maklumat yang

terperinci tentang aduan tersebut jadi saya minta Yang Berhormat Senator kasi saya maklumat terperinci tersebut dan supaya siasatan boleh dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pastikan bahawa ia akan jadi *zero* dan bukannya *reject policy*.

Puan Teo Nie Ching: Ya. Supaya kita boleh memastikan keberkesanan *zero reject policy* ini di peringkat sekolah-sekolah dan juga di peringkat nasional. Selain daripada itu setakat ini, sebenarnya kita memang mempunyai 9,105 orang MBK di bawah kategori autisme di dalam sekolah-sekolah kerajaan. Maksudnya kita memang ada kapasiti untuk mengambil dan menerima golongan ini. Akan tetapi saya juga tidak dapat menafikan bahawa bukan semua sekolah adalah dilengkapi dengan kemudahan OKU. Oleh sebab itu...

Puan Bathmavathi Krishnan: Kalau saya ingin mencelah sedikit eh. Mengapa sekolah-sekolah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat. Ini bukan perbahasan.

Puan Bathmavathi Krishnan: Saya faham tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Sebentar, biar Menteri habis dulu. Silakan.

Puan Teo Nie Ching: Akan tetapi, KPM memang berhasrat untuk memberi ataupun melengkapkan sekolah-sekolah ini dengan kemudahan-kemudahan OKU. Jadi, tahun ini kita telah menyenaraikan 18 buah sekolah di mana kita akan memberi kemudahan-kemudahan OKU kepada sekolah-sekolah yang membekalkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) ini.

Selain daripada itu, kita juga bekerjasama dengan pihak swasta seperti NGO untuk bekerjasama untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan kepada golongan MBK ini. *Target* yang kita kerjasama sekarang termasuklah Yayasan UEM, Bank Rakyat dan juga MRCB. Supaya kita juga boleh mengguna dana dan juga usaha inisiatif daripada pihak swasta untuk sama-sama kita memastikan *zero reject policy* ini dapat dilaksanakan secara berjaya. Akan tetapi saya rasa setakat ini dari bilangan murid MBK yang masuk dalam sekolah kerajaan memang kita nampak satu peningkatan sebanyak 10,000 dalam tempoh masa empat bulan.

■1040

Jadi saya rasa kita akan terus berusaha untuk memperluaskan lagi supaya lebih banyak MBK boleh diterima dalam alam persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi jawapan bahawa isu-isu yang dibangkitkan adalah khusus kepada beberapa sekolah yang ada dalam pendapat Yang Berhormat, telah diberi dan dia akan menjawab secara bertulis. Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu.

Puan Raj Muni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, menjelang tahun 2025, kerajaan telah menyasarkan untuk menempatkan sejumlah 75 peratus kanak-kanak daripada pendidikan khas integrasi itu ke sekolah-sekolah arus perdana. Setakat ini saya difahamkan ada lebih kurang 87,000 kanak-kanak yang telah ditempatkan di kebanyakan sekolah untuk mengikuti pendidikan di sekolah harian biasa.

Cuma soalan saya ialah, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menyediakan peruntukan khusus bagi menyediakan infrastruktur kepada- untuk murid berkeperluan khas ini di sekolah-sekolah. Berapakah sebenarnya sekolah yang telah disasarkan untuk kita dapat mencapai sasaran 2025? Seterusnya projek *zero reject policy* ini. Kedua, soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah selain daripada itu, apakah langkah-langkah konstruktif yang telah diambil oleh kementerian pendidikan untuk menjayakan projek ini. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Setakat ini untuk pendidikan khas kita ada tiga jenis Tuan Yang di-Pertua. Salah satu adalah sekolah pendidikan khas di mana sekolah itu khasnya diwujudkan untuk golongan MBK. Selain daripada itu kita ada dua jenis program lagi yang kita laksanakan di sekolah harian biasa iaitu program PPI Arus Perdana ataupun program PPKI- *Integrated Program*. PPKI di dalam sekolah arus perdana tetapi kita wujudkan kelas yang khasnya untuk MBK supaya saiz kelas itu adalah kecil sedikit bukanlah sampai 35 orang tetapi kecil sedikit. Begitu juga, kita ada guru dan juga pembantu untuk menjaga golongan MBK ini.

Apabila golongan ini mereka sudah siap persediaan, jadi kita akan meletakkan mereka dalam program PPI Arus Perdana di mana murid-murid MBK dimasukkan dalam kelas arus perdana bersama dengan murid-murid yang biasa. Setakat ini murid-murid di sekolah pendidikan khas adalah sebanyak 2,530 orang. Murid-murid di program PPKI adalah sebanyak 65,120 orang dan murid-murid MBK di dalam program PPI adalah sebanyak 15,948 orang. Jadi ini adalah statistik terkini.

Hasrat kita memang adalah pada masa yang akan datang kita berhasrat untuk meletakkan lebih ramai budak di PPKI dalam kelas arus perdana iaitu PPI. Akan tetapi ini memang bergantung kepada persediaan seseorang murid MBK itu. Ini kerana apabila MBK ini masuk dalam arus perdana, kerana saiz kelasnya adalah lebih besar dan mereka perlu-sama ada mereka dapat fokus semasa dalam PDP, sama ada mereka akan jadi *violent, can they get aggressive*. Oleh sebab ini isu-isu yang kita perlu mengambil perhatian juga supaya apabila kita meletak MBK ini dalam kelas ataupun kelas arus perdana, mereka juga akan diterima dengan baik oleh murid-murid yang lain.

Akan tetapi kita percaya bahawa *men-main streaming* MBK ini dalam program PPI adalah terbaik bukan sahaja untuk MBK tetapi juga untuk budak-budak yang biasa. Ini kerana kita semua perlu faham dan sedar bahawa dalam masyarakat kita memang ada pelbagai insan yang mempunyai pelbagai keperluan khas. Jadi kita percaya bahawa melalui usaha ini, kita boleh mewujudkan suatu *society* yang lebih *compassion*.

Selain daripada itu, untuk memastikan *zero reject policy* ini boleh berjaya dari beberapa segi, satu adalah kemudahan seperti yang saya sebut tadi. Kedua adalah dari segi perguruan. Kami rasa bahawa adalah amat penting bahawa kita memberi *training* yang mencukupi, latihan yang mencukupi kepada guru-guru pendidikan khas ini. Jadi kita memang berhasrat untuk menambah guru interim untuk pendidikan khas. Selain daripada itu kita juga ada modul intervensi awal yang kita baru wujudkan kerjasama dengan Genius Kurnia untuk wujudkan modul intervensi awal untuk membantu guru-guru.

Ini kerana apabila murid-murid MBK masuk dalam program PPI, maksudnya guru-guru arus perdana juga perlu tahu bagaimana boleh mengenali MBK ini. Jadi mereka perlu ada maklumat dan juga pengetahuan ini. Jadi oleh sebab itu, kita tengah dalam usaha untuk wujudkan *online modul* supaya guru-guru di arus perdana, kalau dalam kelas mereka memang ada MBK, mereka juga boleh ada satu akses untuk dapat maklumat dan juga pengetahuan dan juga bantuan bagaimana boleh membantu mereka untuk mengenali kelas ataupun semasa dalam PDP. Jawapan saya setakat itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, berkenaan dengan bajet yang ditanya.

Puan Teo Nie Ching: Bajet memang ada. Tahun ini memang kita sudah tingkatkan bajet untuk elaun pendidikan khas, murid pendidikan khas dari tahun lalu RM100 juta, akan tetapi tahun ini telah meningkat kepada RM142 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Kedua itu Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah sasaran tempat-tempat yang hendak wujudkan sekolah tambahan.

Puan Teo Nie Ching: Hasrat kita sekarang adalah kita harap bahawa di setiap daerah, kita ada sekolah yang ada kelas PPKI. Ini kerana kelas PPKI ini adalah suatu tempat di mana kerana memang sukar untuk kita wujudkan sekolah pendidikan khas di setiap daerah. Jadi hasrat kita di setiap daerah kita ada sekolah yang ada kelas PPKI supaya selepas persediaan di peringkat PPKI kita boleh masukkan mereka ke dalam kelas PPI.

Tuan Yang di-Pertua: Itu adalah sasaran?

Puan Teo Nie Ching: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Cukup tak Yang Berhormat Senator, panjang lebar Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang sangat prihatin dan memberi peluang kepada saya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan yang begitu panjang. Saya rasa saya faham tetapi sehingga saya habis mendengar saya pun ada keliru sedikitlah. Akan tetapi tidak apa, tidak apa. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu *knowledgeable*, dengan izin.

Saya cuma ingin memohon satu jawapan bertulis mengenai senarai sekolah di setiap kawasan yang membekalkan kelas untuk MBK ini. Ini kerana saya difahamkan itu penting supaya kita dapat tahu kapasiti dan jumlah kelas yang disediakan dengan cikgu ataupun pengetua yang bertanggungjawab untuk kelas tersebut supaya di kalangan kita, kita boleh berkongsi maklumat kepada golongan mereka.

Kedua, saya rasa di Miri ini saya tahu ada empat sekolah rendah membuka kelas tersebut. Akan tetapi cuma ada dua sekolah menengah. So, itu tidak selari. Oleh sebab selepas kita habiskan sekolah rendah, kita kena masuk ke sekolah menengah. Akan tetapi di Miri dia ada empat sekolah rendah, tetapi cuma ada dua sekolah menengah. Saya harap ada permintaan untuk saya bangkitkan supaya kita boleh buka sekolah menengah di SMK Lutong dan SMK Merbau di Miri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Statistik Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri secara bertulis?

Puan Teo Nie Ching: Statistik memang ada tetapi sekarang ini memang tak adalah. Untuk PPKI jumlah sekolah yang ada program kelas PPKI adalah sebanyak 2,343. PPI adalah sebanyak 6,202. Ini termasuk sekolah rendah dan sekolah menengah. Akan tetapi senarai terperinci saya tak ada dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita pun dah tahu. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan bagi secara bertulis.

Puan Teo Nie Ching: [Ketawa] Boleh dan saya akan ambil maklum tentang...

Tuan Yang di-Pertua: Cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong ini untuk sekolah menengah akan diberi pertimbangan.

Puan Teo Nie Ching: Diteliti. Terima kasih.

5. Puan Asmak binti Husin minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan integrasi kaum di kalangan komuniti maya di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik]: Terima kasih. Tak apa Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada satu soalan yang cukup bernas.

■1050

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak mengecap kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara, pucuk pimpinan negara amat peka terhadap cabaran-cabaran dalam memupuk persefahaman dan keharmonian di dalam sesebuah negara majmuk yang kaya dengan kepelbagaian seperti Malaysia. Perpaduan dan integrasi nasional sememangnya menjadi agenda utama dalam memperkasakan keharmonian rakyat Malaysia.

Kemajuan teknologi yang ada pada masa kini melalui kepesatan pembangunan media sosial telah memudahkan perhubungan, memudahkan penyebaran maklumat dengan lebih pantas, lebih meluas tanpa sebarang sempadan. Kemudahan ini juga sering kali menjadi medium untuk segelintir individu dan kumpulan yang tidak bertanggungjawab untuk menyebarkan bahan-bahan yang berbaur hasutan dan juga berita palsu yang sering kali boleh mencetuskan kebimbangan serta ketidakharmonian di kalangan masyarakat. Namun, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional tetap meneruskan usaha untuk memupuk perpaduan di segenap lapisan masyarakat, mahupun di kalangan komuniti maya.

Golongan belia merupakan kumpulan terbesar pengguna media sosial dan mendominasi komuniti maya di negara ini. Oleh yang demikian, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional memberi fokus untuk menggalakkan dan memperkasakan penglibatan golongan muda di dalam program-program perpaduan agar integrasi di antara mereka dapat dipertingkatkan. Antara langkah-langkah perpaduan dalam memperkasakan golongan belia ini dapat dirumuskan seperti berikut:

- (i) melibatkan dan memperkasakan penglibatan generasi muda di dalam pelbagai program atau aktiviti perpaduan;
- (ii) memupuk semangat patriotisme dan juga jati diri yang kental di kalangan golongan muda;
- (iii) memperkukuhkan penghayatan dan kesedaran cintakan negara dan jati diri di kalangan generasi muda yang berbilang kaum; dan
- (iv) meningkatkan sebaran maklumat dan hebahan serta mempromosikan mesej-mesej perpaduan menggunakan medium-medium media sosial dengan meningkatkan lagi kerjasama strategik bersama pihak media dan rakan-rakan strategik yang lain.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional melalui perancangan kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat Malaysia melalui pendekatan mendamping dan didik ataupun, dengan izin, *to engage and to educate* melalui pelbagai program. Antara contoh-contoh program adalah seperti berikut:

- (i) *Moments of Unity* ataupun Program Detik-detik Perpaduan;
- (ii) Program Silang Budaya;
- (iii) program sambutan *World Interfaith Harmony Week, international day for tolerance* dan dialog harmoni;
- (iv) Program My Rukun Negara; dan
- (v) Program Latihan Industri Perpaduan.

Antara program yang dilaksanakan bagi meningkatkan integrasi di antara wilayah agar tidak meminggirkan mana-mana golongan masyarakat di Semenanjung, di Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan adalah seperti berikut:

- (i) Program Integrasi Komuniti;
- (ii) Program Orientasi Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam; dan
- (iii) Program Integrasi Pemimpin Masyarakat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan program-program yang menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi ini memberi kesan yang signifikan dalam mempercepatkan proses integrasi, meningkatkan persefahaman, semangat perpaduan dan semangat persaudaraan di kalangan masyarakat Semenanjung, Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan.

Dalam masa yang sama, jabatan juga mengadakan jaringan dan kerjasama strategik dengan pihak swasta, dengan pihak pertubuhan ataupun persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan ataupun NGO sebagai inisiatif untuk memperluaskan sinergi jaringan dan menyebarkan luas mesej-mesej perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat.

Tambahan pula, kerajaan juga akan meneruskan langkah-langkah dalam menyemai perpaduan di kalangan masyarakat umumnya terutamanya golongan belia melalui usaha-usaha seperti berikut:

- (i) sentiasa memegang teguh kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang;

- (ii) melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang supaya dapat menyusun semula masyarakat untuk menggalakkan penyertaan semua kaum di dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna; dan
- (iii) mewujudkan saluran dan mekanisme formal ataupun tidak formal di beberapa peringkat untuk menggalakkan wakil dari NGO saling mencapai persefahaman.

Kerajaan yakin dan percaya bahawa proses membina negara dan memupuk perpaduan serta mewujudkan integrasi nasional ke arah keharmonian negara sememangnya merupakan satu perjuangan berterusan yang memerlukan usaha-usaha dinamik bagi membuka minda dan sikap rakyat untuk meraikan dan menghargai kepelbagaian yang wujud. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan di dalam kepelbagaian ataupun *unity in diversity*, dengan izin, ini memerlukan penyertaan dan sumbangan daripada semua pihak terutamanya para pemimpin politik, para pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan dan juga sektor swasta. Sekian, terima kasih.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya dapati jawapan tersebut banyak lagi menyentuh tentang langkah-langkah yang dibuat dalam komuniti fizikal. Namun begitu, saya mohon perhatian pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk melihat khusus dalam komuniti maya. Ini sebab kalau kita tengok dalam kajian, komuniti maya ini adalah merupakan evolusi perkembangan komuniti mutakhir ini hasil daripada perkembangan teknologi.

Antara ciri khas yang ada dalam komuniti maya ini adalah dia rentas sempadan. Apabila tengok dari sudut integriti dan perpaduan, kita dapati masyarakat komuniti maya ini dia berdepan isu seperti *cyber risk war* dan juga ada gerakan *anti-racism* yang ada dalam komuniti maya. Namun begitu, saya dapati gerakan *anti-racism* ini dibaca sebaris dengan *sexism*, *anti-gay bigotry*, *unfairness* yang diterima oleh *disable*, *youngest*, *oldest*, *poorest*, *antisemitism*. Mereka ini dibaca secara sebaris walhal kalau kita tengok di Malaysia, kita mempunyai pandangan semesta, *world view* yang tersendiri kerana kita ada *culture*, kita ada agama yang berbeza.

Jadi soalan saya, apakah Malaysia bersedia dengan evolusi perkembangan komuniti maya sama ada dari sudut undang-undang, pengetahuan termasuk kajian? Ini kerana di Malaysia bila saya baca kajian, sangat sedikit tentang komuniti maya. Di peringkat luar sudah ada banyak kajian, tetapi di Malaysia masih tidak ada kajian. Juga, ketahanan budaya dan agama rakyat itu sendiri.

Kedua, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan pelan tindakan khusus perpaduan untuk komuniti maya? Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Satu pemangkinan yang cukup baik dan juga soalan yang ditujukan itu sebenarnya cukup baik sebenarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertama sekali, kita sebagai kerajaan memang sentiasa ingin meningkatkan kesediaan kita dalam memperbaiki persiapan kita untuk menangani isu-isu yang timbul di alam maya terutamanya. Kita lihat bagaimana dari segi kepesatan teknologi yang berlaku, sepertimana Ahli Yang Berhormat katakan tadi, kita masih lagi *a little bit behind in terms of what we are trying to achieve*, dengan izin. Jadi kita sentiasa memperbaiki proses libat urus terutamanya dengan golongan belia, dengan golongan *cyber trooper*.

Dalam memahami *complexity* yang ada di dalam alam maya ini, antara cabaran yang kita hadapi adalah dia merentasi sempadan. Sebagai contoh, kalau ada sebarang *posting* yang dikeluarkan sebagai contoh di *Facebook* dan sebagainya, kerap kali walaupun kita laporkan kepada pihak yang berkenaan, kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Penerangan, dibuat laporan polis, kita dapati bahawa *posting* tersebut mungkin daripada segi *IP address*-nya adalah daripada di luar lingkungan jangkauan kita punya *jurisdiction* ataupun daripada undang-undang kita, daripada antarabangsa.

Jadi, kita menggunakan proses libat urus yang cukup erat terutamanya kita adakan kerjasama yang erat di antara Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), dengan pihak Jabatan Penerangan dan juga dengan pihak polis dan sebagainya. Ini merupakan, sepertimana yang dikatakan tadi, bukan tanggungjawab daripada Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional *alone* dan ia memerlukan satu proses kerjasama yang erat di antara semua pihak.

■1100

Kita menggunakan peruntukan undang-undang-undang yang sedia ada. Cuma di sentuh tadi mungkin ada ingin melihat bagaimanakah kesediaan dan apakah pelan tindakan? Pada masa ini peruntukan undang-undang terutamanya dari segi Akta Hasutan 1948 dan juga Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 terdapat peruntukan-peruntukan yang ada di dalam kedua undang-undang ini boleh diguna pakai.

Dalam masa yang sama, kami di Jabatan Perpaduan juga melihat keperluan. Sebelum ini pernah kita membincangkan mengenai akta keharmonian nasional. Kita akan melihat balik kesesuaian ini mungkin daripada segi akta itu kita tidak perkenalkan tetapi mungkin

mewujudkan satu benda yang lain yang mana ia boleh memberi kuasa pada satu pihak untuk menjaga keharmonian.

Kita sebenarnya seperti mana yang dikatakan tadi, dari segi kepesatan perkembangan ekonomi ini dan dalam masa yang sama kita ingin memberi kebebasan bersuara kepada semua pihak, kebebasan untuk memberikan pandangan, kebebasan untuk memberikan kritikan, terutamanya pada ahli-ahli politik, itu tidak salah.

Akan tetapi ada pihak yang menyalahgunakan kebebasan tersebut untuk menyebarkan isu-isu yang boleh menggugatkan perpaduan dan juga keharmonian di antara kaum yang telah lama kita kecapai di Malaysia. Jadi, perkara ini kita kena lihat. Satu, dengan adanya akta-akta tersebut dan mungkin dengan melihat balik Akta Keharmonian Nasional itu kita berharap, *insya-Allah* perkara yang berlaku dengan unsur-unsur yang disebarkan ke dalam alam maya ini akan dapat kita kawal dengan lebih baik.

Jadi, saya ulang balik jawapan tadi. Pertama, kami di Jabatan Perpaduan mengadakan proses libat urus dengan pihak-pihak yang terbabit dengan belia, dengan golongan *cyber troopers* dan seterusnya dengan agensi-agensi yang lain, kerjasama yang erat itu adalah amat penting. SKMM, pihak Polis, Kementerian Penerangan dan sebagainya. Kita akan lihat bagaimana peruntukan undang-undang yang ada itu kita boleh perbaiki, kita boleh perhalusi untuk memastikan bahawa satu kebebasan bersuara yang diberikan dan terutama di bawah kerajaan sekarang ini tidak disalah guna untuk memecahbelahkan perpaduan yang ada di kalangan masyarakat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari.

Dr. Yaakob bin Sapari: Saya dapati antara program berkesan ialah melalui pendidikan sama ada di peringkat sekolah mahupun universiti. Akan tetapi bila adanya sekolah-sekolah berasrama penuh di peringkat negeri masing-masing dan universiti-universiti masing-masing di peringkat negeri, proses integrasi itu jadi terhalang. Umpamanya, sudah berkurangan pelajar-pelajar daripada Sabah dan Sarawak di hantar ke Semenanjung kerana sudah ada pelajar asrama penuh sendiri di Sabah dan Sarawak. Apa pandangan Yang Berhormat supaya *cross-* umpamanya pelajar Semenanjung di hantar ke Sabah, Sarawak atau Sabah, Sarawak hantar ke sini? Begitu juga di universiti supaya ada program terancang di pihak kerajaan supaya interaksi antara kaum ini berlaku dan juga meningkatkan pelajar-pelajar India di asrama penuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, seperti Program PLKN di mana Sabah dan Sarawak juga...

Dr. Yaakob bin Sapari: PLKN sangat singkat. Kalau dapat lima tahun daripada *Form 1* sampai ke *Form 5*. Contohnya, meningkatkan pelajar-pelajar India di asrama penuh supaya

interaksi antara pelajar-pelajar India dengan pelajar-pelajar Melayu lebih ramai supaya ada peningkatan jumlah pelajar-pelajar India di asrama penuh begitu juga di universiti supaya dirancang secara teratur *cross program*. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan di bawah kuasa bidang Yang Berhormat pun.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Terima kasih. Satu soalan yang menarik sebenarnya. Saya pun daripada asrama penuh dan apa pandangan yang diberikan bila kami dahulu di asrama penuh ini budak-budak kampung diletakkan di sekolah jauh daripada ini dan bila ada integrasi ataupun penglibatan pelajar-pelajar daripada Sabah dan Sarawak, itulah sebenarnya masa yang pertama *we get the exposure*.

Kita mendapatkan satu *exposure* kepada pelajar-pelajar daripada luar kawasan masing-masing. Itulah satu cara bagaimana kita boleh memahami budaya, memahami perbezaan agama dan sebagainya. Pandangan tersebut adalah satu pandangan yang baik. Saya rasa cukup prihatin dan kita lihat bila asrama penuh ini berada di setiap negeri, terdapat kecenderungan yang mana kita tak dihantar lagi ke asrama yang jauh. Kadang kalau dihantar jauh pun terdapat permintaan daripada ibu bapa untuk ditukarkan di antara tempat yang lebih dekat.

Akan tetapi saya rasa perkara ini, *insya-Allah* boleh diperbincangkan lagi, terutamanya dengan pihak Kementerian Pendidikan, Timbalan nya pun ada di sini dan mendengar. Satu perkara yang boleh memang semestinya untuk memupuk kan perpaduan ini bermula daripada bangku sekolah lagi.

Kami di Jabatan Perpaduan, kita boleh cakap kita ada sebagai contoh, Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara tetapi keberkesanan perkara ini sebenarnya tak dapat kita hendak letakkan dengan satu indeks atau satu nilai. Ia perlu dipupuk secara berterusan dan kerja untuk memupuk perpaduan ini memang tak habis *it's a never ending process, insya-Allah*. Jadi, cadangan tersebut kita ambil maklum dan kita akan perhalusi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Yusop.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana kami satu barisan semua dapat soalan hari ini [*Ketawa*]

6. Tuan Ismail bin Yusop minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah ada perancangan kementerian untuk mengkaji semula keberkesanan subjek pendidikan sivik sedia ada dalam usaha memupuk nilai-nilai murni serta rasional terutamanya untuk mencapai matlamat Pembelajaran Abad Ke-21 yang memerlukan penekanan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Menteri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini tidak kena mengena dengan saya... [*Dewan ketawa*] Silakan.

Puan Teo Nie Ching: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang dalam proses memperkasakan semula pendidikan sivik dan kewarganegaraan (PSK) dengan menekankan kepada literasi sivik bagi memastikan murid dapat membudayakan sivik melalui pengetahuan sivik, sosial emosi sivik dan tindakan sivik.

Pemeriksaan semula PSK dibuat secara bersepadu merentas pelbagai mata pelajaran seperti Sejarah, Pendidikan Moral, Pendidikan Agama Islam, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Selain itu, dalam pendidikan sivik yang sedang di perkasakan ini turut memberi penekanan terhadap tindakan sivik dalam aktiviti kokurikulum, perhimpunan mingguan sekolah dan aktiviti di sekolah.

Pemeriksaan semula mata pelajaran PSK ini merupakan satu langkah untuk memupuk nilai-nilai murni dan membentuk keperibadian dalam usaha membendung dan menangani keruntuhan akhlak dan moral dalam kalangan generasi anak-anak muda serta menimbulkan rasa tanggungjawab dan cinta terhadap negara. Mengambil kira perubahan dan keperluan semasa, KPM sentiasa memastikan pendidikan yang disediakan adalah terkehadapan dan selari dengan Pendidikan Abad Ke-21. Kurikulum semua mata pelajaran mengeksplisitkan pemupukan Kemahiran Berfikiran Aras Tinggi (KBAT) bagi memastikan murid menerima pengalaman, pembelajaran yang menarik, mencabar minda dan bersifat kreatif dan inovatif yang seterusnya menjadikan pembelajaran lebih bermakna kepada murid.

KBAT memberi fokus kepada pembelajaran berasaskan *inquiry*, penyelesaian masalah, pembelajaran *contextual*, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran berasaskan projek dan pendekatan *science, technology, engineering and mathematics* (STEM). KBAT diterapkan dalam kurikulum persekolahan bertujuan supaya murid tidak hanya menghafal tetapi juga memahami dan tahu apa yang telah dipelajari serta dapat menggunakan akal fikiran yang tinggi dengan menguasai kemahiran menilai, mengaplikasikan, menganalisis dan mencipta. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat, soalan tambahan.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya percaya pihak kementerian komited dalam menerapkan nilai dan budaya di mana hala tuju pendidikan untuk melahirkan anak bangsa yang teguh dalam *nation building*.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah sebab saya kaitkan *syllabus* Sivik, bagaimana ia boleh di sinergi kan dengan KBAT dan kemahiran berfikir. Oleh kerana saya ingin tahu, kalau boleh dapat pencerahan dari pihak Yang Berhormat Menteri iaitu apakah strategi program dan perancangan kementerian untuk menerapkan semangat kenegaraan ataupun kebangsaan Malaysia, memandangkan isu-isu perkauman *especially*, khususnya berkait dengan politik identiti masih lagi dilihat menjadi faktor penghalang dalam konteks *nation building*, dengan izin. Mohon pencerahan dari pihak Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1110

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Beberapa nilai yang telah kita akan kita fokuskan nilai teras yang kita akan fokuskan pada bulan Jun yang akan datang ini sehingga hujung tahun adalah termasuk sayangi diri ini untuk sekolah rendah sayangi diri, belas kasihan, sayangi komuniti sekolah, cintakan negara, penjimatan sumber dan juga untuk sekolah menengah kita ada jauhi buli, kepedulian jiran tetangga, insan, menghargai alam sekitar dan memanfaatkan sumber asli.

Apa yang modul kita akan mengguna pakai sekarang adalah oleh sebab pendidikan sivik ini dia bukan satu mata pelajaran yang asing. Jadi sekarang kita akan cara yang kita *design* ialah nilai itu akan terserap dalam lima mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Agama Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah. Kita wajibkan sekolah bahawa perlu gunakan satu jam bagi satu setiap mata pelajaran pada minggu keempat pada setiap bulan. Melalui satu jam itu dalam masuknya dalam bilik darjah kita ada lebih kurang 60 jam untuklah guru-guru kita untuk dengan pelbagai aktiviti untuk menerapkan nilai yang kita hendak fokuskan kepada bulan tersebut.

Ini merangkumi aktiviti dari pra sekolah, sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Kita percaya bahawa ini hanya melibatkan literasi sivik tetapi juga banyak lagi adalah amali sivik di mana kita harap boleh melalui aktiviti kokurikulum, perhimpunan sekolah, kerjasama dengan PIBG, aktiviti sekolah seperti rancangan integrasi murid ataupun sambutan kemerdekaan dan pelbagai kita bekerjasama dengan NGO ataupun pihak swasta juga untuk memastikan kita boleh dalam bulan tersebut kita memang boleh menerapkan nilai ataupun memastikan nilai itu adalah dipupuk dalam jiwa seseorang murid itu.

Jadi ini memang satu program yang baharu kita setakat ini telah melatih 165 orang jurulatih di seluruh Malaysia dan kita harap bahawa kita akan menampakkan kesannya dan juga kita boleh tambah baik selepas ini dilancarkan pada bulan Jun yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas penjelasan yang diberikan berkenaan dengan pelajaran Sivik. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, tahun ini, kerajaan telah memperkenalkan satu Sistem Pentaksiran Bilik Darjah yang dimulakan pada tahun ini yang mana ianya menggantikan Pentaksiran Sekolah yang saya difahamkan.

Saya hendak bertanya, bagaimanakah kerajaan melihat Pentaksiran Bilik Darjah ini dapat membantu meningkatkan kesedaran sivik di kalangan pelajar-pelajar. Sejauh manakah guru-guru ini di latih sebab apabila ada Pentaksiran Bilik Darjah ini penilaian yang dibuat oleh guru-guru adalah berdasarkan kepada pertimbangan profesional guru itu sendiri. Maknanya kalau guru itu kata pelajar ini bagus, baguslah kalau pelajar itu tak bagus, tak baguslah. Maknanya penilaian dibuat oleh guru, maka soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah pertama peranan sivik ini dapat diterapkan oleh pelajar-pelajar dengan guru-guru.

Kedua, bagaimanakah pentaksiran guru-guru dalam bilik darjah ini diberikan latihan dan pemahaman kepada guru-guru? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Sebenarnya Pentaksiran Bilik Darjah ini bukan diguna pakai untuk ganti Pentaksiran Berasas Sekolah, ini satu lanjutan daripada Pentaksiran Berasas Sekolah. Pentaksiran bilik darjah ini sebenarnya tujuan kita adalah untuk mengganti peperiksaan setaraf yang dilaksanakan di tahap satu iaitu Tahun 1 sehingga Tahun 3 di sekolah rendah. Bagi kita adalah guru-guru sebenarnya lebih daripada 85 peratus punya guru telah dilatih tentang ataupun telah diberi pendedahan tentang pentadbiran bilik darjah.

Kita percaya bahawa kita memang ada sedia itu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang mana kita mewujudkan dokumen DSKP ini untuk membantu guru-guru ini untuk apabila mereka hendak memberi penilaian kepada murid-murid tersebut. Kenapa kita hendak fokus kepada penaksiran bilik darjah dan kita tidak mahu hendak mansuhkan peperiksaan setaraf kerana kita percaya kemenjadian murid lebih penting daripada markah yang mereka dapat dalam peperiksaan.

Oleh sebab kita sistem pendidikan Malaysia setakat ini terlalu- kita rasa *exam-oriented*. Maksudnya apabila guru masuk ke bilik darjah, fokus mereka adalah melatih dan

membantu murid-murid mereka untuk mendapat markah cemerlang dalam peperiksaan. Saya rasa itu kalau itu tidak boleh menjadi hasrat pendidikan kita. Hasrat pendidikan kita adalah perlu memberi lebih banyak fokus kepada kemenjadian murid dan oleh sebab itu kita hendak *switch* fokus kita kepada penaksiran bilik darjah di mana guru-guru boleh memberi lebih banyak perhatian kepada kemenjadian seseorang murid dan termasuklah nilai-nilai yang kita hendak teraskan tersebut seperti kasih sayang, saling menghormati dan juga *happiness*.

Jadi ini adalah salah satu inisiatif yang telah diperkenalkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan kita harap bahawa pada masa yang akan datang kita boleh nampak perubahan dalam sistem pendidikan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya Yang Berhormat Timbalan Menteri saya teringat semasa saya *my favorite subject* di sekolah dulu adalah Sivik. Sebabnya bila guru masuk dia minta kita buat pantun. So duduk buat pantun 15 minit selepas itu kita keluar kutip sampah di luar sekolah. Itu yang kita minat sangat itu sebab boleh keluar. Kemudian cikgu perempuan duduk di depan, kita di belakang. Jadi waktu itu pula saya ingat saya ada satu buku sahaja. Kalau pergi di *library* pun tak ada buku bab sivik ini.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat sekarang ini bila saya dengar Yang Berhormat menceritakan berhubung dengan ketatanegaraan apa semua ini, berapa banyak buku bahan-bahan bacaan yang ada berhubung dengan sivik ini dan juga, apakah *stakeholders* seperti SUHAKAM, AADK, *stakeholders* untuk sivik ini. Apakah peranan yang dimainkan oleh mereka buat ketika ini Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bahan-bahan bacaan.

Puan Teo Nie Ching: Okey, daripada segi buku teks memang tak ada kerana Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan akan *phase out* dalam tempoh masa dua tahun lagi. Maksudnya sekarang hanya Tingkatan 4 dan juga Tingkatan 5 ada satu mata pelajaran yang dipanggil mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Akan tetapi ini memang akan *phase out* dalam tempoh masa dua tahun lagi. Sebab itu modul yang kita memperkenalkan yang kita guna pakai sekarang adalah merentas lima mata pelajaran yang saya sebut tadi jadi saya tak ulang di sini.

Jadi dari segi buku teks untuk pendidikan sivik tidak ada tetapi saya rasa bahan-bahan bacaan kalau kita rujuk kepada bahan-bahan bacaan di perpustakaan, saya rasa memang sekolah sudah ada dan saya percaya buku-buku yang kita letak di dalam perpustakaan

memang menggalakkan pelbagai nilai yang murni, nilai yang bagus yang sebab itu kalau buku itu tidak ada nilai yang baik saya rasa sekolah tidak akan letak dalam perpustakaan.

Jadi dari segi bahan bacaan itu, itu jawapan saya dan dari segi NGO-NGO seperti SUHAKAM kita memang ada buat *engagement* dengan NGO dan kita juga banyak terima cadangan daripada NGO. Ada yang minta kita letak elemen *human rights* seperti SUHAKAM ataupun Perlembagaan Persekutuan seperti elemen tentang *environment* dan sebagainya. Kita akan cuba sedaya upaya untuk memastikan bahawa mungkin dia bukan teras yang kita fokuskan pada minggu itu tetapi dalam aktiviti kita boleh *design* dan masukkan elemen-elemen seperti berikut.

Ini kerana unsur-unsur yang memang dicadangkan banyak tetapi di dalam sekolah kita satu bulan kalau kita hendak fokus kepada satu nilai, tak mungkin kita hendak masukkan semua. Akan tetapi kita akan cuba bukan sahaja dari perhimpunan mingguan dalam buku ataupun aktiviti luar bilik darjah, dalam bilik darjah, kita akan cuba untuk masukkan elemen-elemen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 7.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7. Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah jumlah pegawai lantikan politik Gred 41 dan ke atas yang sedang bertugas di Pejabat Menteri serta Timbalan Menteri yang bukan merupakan pegawai dari sektor awam dan berapakah nisbah di antara pegawai lantikan politik dan pegawai dalam sektor awam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat yang bertanya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelantikan secara kontrak pegawai N41 dan ke atas sehingga 15 April 2019 adalah seramai 165 orang ataupun 41 peratus daripada perjawatan yang wujud di pejabat Menteri dan pejabat Timbalan Menteri di pelbagai kementerian yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan, Bilangan 2, Tahun 2018.

■1120

Jumlah keseluruhan perjawatan perkhidmatan awam kini, sepertimana yang kita tahu, adalah sebanyak 1.7 juta perjawatan dengan peratus pengisian 48 peratus bersamaan dengan 1.6 juta orang. Ini merangkumi perkhidmatan awam persekutuan, badan berkanun persekutuan, perkhidmatan awam negeri, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa

tempatan. Nisbah pegawai lantikan politik kepada pegawai awam dalam perkhidmatan awam adalah sekitar satu bagi setiap 9,697.

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan, Bilangan 2, Tahun 2018, penetapan gred jawatan pegawai-pegawai di pejabat Menteri dan pejabat Timbalan Menteri dilaksanakan dengan mengikut kira aspek fungsi dan skop akauntabiliti, struktur dan juga hierarki, perbandingan, *relativity* antara gred dan prioriti antara fungsi, kadar upah untuk kerja serta beban dan juga kompleksiti tugas.

Melalui Pekeliling Perkhidmatan ini, pegawai tugas-tugas khas (PTTK) dan setiausaha akhbar adalah merupakan jawatan terbuka. Keutamaan pengisian hendaklah dibuat di dalam kalangan pegawai awam daripada mana-mana skim perkhidmatan melalui kaedah pelantikan secara peminjaman atau penukaran sementara. Sekiranya calon dipilih dalam kalangan bukan pegawai awam, pengisian perjawatan itu hendaklah dibuat mengikut kaedah pelantikan secara kontrak ataupun *Contract of Service*.

Keutamaan pengisian bagi jawatan Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) dan Setiausaha Sulit hendaklah dibuat di kalangan pegawai awam dalam skim perkhidmatan yang ditetapkan secara peminjaman, pertukaran sementara ataupun penempatan khas mengikut tempoh yang ditetapkan. Sekiranya calon yang dipilih daripada kalangan bukan pegawai awam, pengisian jawatan itu hendaklah dibuat melalui kaedah pelantikan secara kontrak.

Penempatan pegawai awam di jawatan SUSK, jawatan PTTK, SUA dan SUS secara penempatan khas, penukaran sementara ataupun peminjaman tidak akan mengubah skim perkhidmatan dan gred hakiki pegawai di jawatan asal. Sebaliknya, urusan perkhidmatan pegawai di jabatan hakiki masih tertakluk di bawah bidang kuasa ketua perkhidmatan masing-masing. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Dato'.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan.

Soalan tambahan saya, adakah pegawai lantikan politik menerima gaji permulaan mengikut skim lantikan yang ditetapkan oleh JPA? Atau mereka ditawarkan gaji permulaan pada tangga gaji yang lebih tinggi ataupun pada kadar maksimum? Adakah tawaran gaji yang dibayar kepada mereka bergantung kepada kepakaran yang dimiliki oleh mereka? Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya jelaskan tadi bahawa proses pelantikan- tadi kita bagi contoh terdapat empat perjawatan iaitu SUSK, SUS, PTTK dan juga Setiausaha Akhbar (SUA).

Jadi keutamaan untuk terutamanya pada SUSK dan SUS ini, keutamaan diberikan kepada penjawat-penjawat awam yang sedia ada. Akan tetapi untuk PTTK dan juga SUA, ia jawatan terbuka yang mana anggota pentadbiran yang terlibat sama ada Menteri ataupun Timbalan Menteri mempunyai ruang untuk memilih pegawai bersesuaian yang dapat bekerja dengan mereka.

Sekiranya dicadangkan oleh anggota pentadbiran, proses pelantikan baik daripada segi saringan dan juga daripada segi untuk melihat kelayakan dan sebagainya dijalankan oleh pihak JPA dan juga pihak SPA. Jadi saringan dijalankan daripada segi akademik, daripada segi kelayakan, daripada segi pengalaman dan sebagainya, dan mereka akan menyarankan tangga gaji yang bersesuaian dengan pegawai tersebut. Akan tetapi, ada juga ruang di situ daripada tangga yang diberikan kerana ia diberikan sekadar- *sorry*, daripada kadar yang terendah dan kadar yang tertinggi bersesuaian untuk pegawai tersebut.

Terdapat ruang yang mana anggota pentadbiran boleh memohon untuk meletakkan satu tangga gaji yang mereka rasakan bersesuaian tetapi di dalam lingkungan yang diberikan.

Daripada 165 pegawai yang diberikan tadi yang mana ianya dilantik secara kontrak, saya boleh memberikan secara bertulis kerana dalam mungkin 40 peratus ke 50 peratus di mana tangga gaji permulaan mereka itu terdapat permintaan daripada anggota pentadbiran yang terbabit untuk memberikan tangga gaji yang lebih tinggi daripada apa yang ditetapkan. Maklumat itu saya boleh berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

8. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, inisiatif-inisiatif dan program-program yang telah dijalankan bagi menggalakkan pembelian barangan buatan tempatan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian telah merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menggalakkan pembelian barangan buatan tempatan dan merangsang pertumbuhan ekonomi domestik bagi membantu pengusaha-pengusaha tempatan terutamanya industri kecil dan sederhana di negara ini.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah membangunkan dan mempromosikan produk-produk keluaran pengusaha-pengusaha tempatan menerusi kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam sektor peruncitan di Malaysia terutamanya melalui program-program seperti Program Citarasa Malaysia, kempen Jualan Terus dari Kilang, Karnival Jualan Mega dan Ekspo serta karnival jualan yang lain.

Program-program ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kualiti produk dan mewujudkan platform untuk mengangkat jenama tempatan ke peringkat yang lebih tinggi serta membantu merancakkan ekonomi domestik. Selain mampu mengetengahkan barangan tempatan, program ini turut menjadi platform untuk membantu pengguna di Malaysia mendapatkan barangan keperluan asas dan keperluan harian pada harga yang lebih rendah.

Bagi meneruskan usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat untuk mengutamakan produk-produk buatan Malaysia serta meningkatkan pembelian barangan tempatan di kalangan para pengguna di negara ini, kementerian pada tahun ini akan memperkenalkan pelbagai inisiatif strategik yang baharu melalui Kempen Beli Barangan Malaysia.

Selaras dengan kempen ini, strategi-strategi yang telah digariskan dalam ucapan Belanjawan 2019 yang memperuntukkan sejumlah RM20 juta bagi menyokong produk-produk dan perkhidmatan tempatan akan dilakukan dengan mewujudkan platform kepada pengilang dan penyedia perkhidmatan tempatan untuk mendapatkan akses ke *hypermarket*, pasar raya, gedung membeli belah dan ekspo-ekspo perdagangan.

Kementerian akan memastikan pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia ini dilaksanakan secara komprehensif, *inclusive* dan berimpak tinggi melalui pelaksanaan inisiatif seperti penembusan produk-produk tempatan ke dalam sektor peruncitan melalui penajaan yuran penyenaaran- *listing fee*, jualan dan pemasaran produk buatan Malaysia melalui media digital, pelaksanaan ekspo dan karnival jualan dan misi perdagangan luar negara. Matlamat akhir bagi kempen ini adalah untuk meningkatkan penggunaan barangan tempatan di kalangan rakyat Malaysia dan penembusan produk-produk jenama tempatan ke luar negara.

Bagi mencapai matlamat tersebut, kementerian akan bekerjasama erat dengan semua kementerian, jabatan, agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang berkaitan dengan pembangunan usahawan dan produk bagi memastikan supaya lebih banyak produk buatan Malaysia yang berpotensi dapat dikenal pasti dan diketengahkan kepada orang ramai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita patut mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian dan juga terima kasih kepada pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana kerana telah menyahut seruan kerajaan untuk memperbanyakkan lagi barangan-barangan buatan negara kita sendiri.

■1030

Saya ada beberapa soalan. Saya perhatikan barangan-barangan kita, ia dikeluarkan melalui usaha-usaha yang dilakukan oleh industri kecil sederhana. Tidak sampai ke tahap yang kita harapkan. Contohnya persoalan saya adakah langkah-langkah N-BOS yang telah dibuat bersama-sama dengan kementerian-kementerian lain untuk memastikan barangan-barangan kita ini dapat dipasarkan di pasaran antarabangsa secara tersusun dan agresif. Itu yang pertama.

Kedua, di peringkat lokal pula, saya perhatikan kita bahkan telah mengimport barangan dari luar lebih kurang 1.9 bilion. Cukup tinggi iaitu barangan kita sendiri masih belum mendapat sambutan yang hangat di kalangan kita sendiri. Ini juga persoalan saya.

Apakah langkah-langkah yang sepatutnya dilakukan secara lebih agresif oleh pihak kementerian melalui N-BOS tadi supaya barangan kita ini melekat di hati pengguna-pengguna di peringkat lokal.

Soalan yang ketiga, di dalam suasana IT yang begitu hebat pada hari ini, apakah langkah-langkah kerajaan ataupun bagaimanakah kerajaan melihat penggunaan IT-Teknologi maklumat seperti kemudahan *Facebook*, *Instagram* dan lain-lain untuk membantu pihak pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk menjawab soalan pertamanya yang mengenai bagaimana kita hendak memasarkan produk tempatan kita di antarabangsa. Kita selain daripada menjalankan ekspo-ekspo antarabangsa, kita juga ada membuat *partnership* dengan syarikat seperti *AirAsia*. Di mana kita melalui *AirAsia* kita akan mempromosikan barangan produk-produk SME tempatan itu ke antarabangsa.

Mengenai untuk mempromosikan di kalangan tempatan, ini memang menjadi satu persepsi di kalangan masyarakat tempatan kita bahawa lokal produk itu mutunya tidak setanding atau adalah kurang daripada barangan import.

Oleh itu, kita hendak ada satu cadangan untuk *revamp* persepsi di kalangan masyarakat dan setakat ini kita ada satu *request for proposal* telah dicadangkan supaya syarikat *consultant* akan dilantik, supaya satu *revamp* bagaimana kita hendak promosikan kempen beli barangan Malaysia ini supaya boleh kita memberi satu *impression* yang lebih baik kepada kalangan pengguna tempatan terhadap produk-produk Malaysia. Memang produk-produk tempatan ini mutunya baik. Akan tetapi, pemasarannya dan promosinya adalah kurang sedikit. *So, it's a matter of how to- the marketing strategy.*

Oleh itu yang kita akan buat adalah untuk melantik satu syarikat *consultant* supaya menjalankan promosi kempen beli barangan Malaysia dengan menyeluruh melalui sosial media atau iklan-iklan dan juga TV.

Untuk menjawab soalan ketiga iaitu penggunaan IT untuk mempromosikan barangan tempatan kita. Ia memang merupakan satu inisiatif baharu kementerian tahun ini. Di mana saya ada sebut tadi iaitu *new media marketing* iaitu jualan dan pemasaran produk buatan Malaysia melalui media digital. Peranan kita adalah berunding dengan platform-platform yang sedia ada iaitu *Shopee*, *11street* dan juga *Lazada* supaya kita akan pilih barangan SME tempatan itu dan juga berunding dengan platform media supaya mereka boleh memberi lebih tumpuan kepada mempromosikan barangan tempatan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan-soalan bagi jawab lisan selesai. Setiausaha.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.36 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan Rang Undang-undang Sivill (Pindaan) 2018; Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2019; Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019; dan Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019 seperti mana yang tertera sebagai nombor 1, 2, 3, dan 4 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 9 Mei 2019.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SIVIL (PINDAAN) 2018

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.37 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Sivill 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, Akta Undang-undang Sivill 1956 [Akta 67] merupakan satu akta berhubung dengan pelaksanaan undang-undang sivill di Malaysia. Seksyen 7 dan 28A, Akta 67 mengenakan had mandatori bagi ganti rugi yang boleh dituntut oleh tanggungan si mati dalam kes kemalangan maut dan oleh perintis ketiadaan diri.

Sejak digubal, akta ini hanya dipinda sekali sahaja pada tahun 1984 melalui Akta Undang-undang Sivill (Pindaan) 1984 [Akta A602], untuk memasukkan peruntukkan mengenai pengiraan dan pemberian ganti rugi kemalangan maut dan kecederaan diri yang bertujuan untuk memenuhi keperluan semasa pada waktu tersebut. Pada tahun 2010, kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah mengambil inisiatif untuk memulakan penyelidikan dan menilai semula prinsip undang-undang mengenai pemberian dan pengiraan ganti rugi bagi kecederaan diri dan kemalangan maut di bawah Akta 67 supaya selari dengan keadaan ekonomi dan sosial pada masa ini.

Objektif kajian yang dijalankan adalah untuk menentukan sama ada terdapat keperluan untuk meminda peruntukkan dalam Akta 67 berhubung dengan had mandatori yang dikenakan bagi ganti rugi yang boleh dituntut oleh plaintif dalam tindakan kecederaan diri dan tanggungan mangsa yang meninggal dunia dalam kemalangan maut. Antara perkara yang diperhalusi semasa menjalankan kajian adalah seperti yang berikut.

Pertama, meluaskan kategori tanggungan kepada orang kurang upaya yang berada di bawah jagaan si mati mengikut pengertian di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 iaitu Akta 685 bagi tuntutan kehilangan penanggung.

Kedua, menaikkan had umur *statutory* kepada 60 tahun.

■1140

Ketiga, kesesuaian kaedah pengiraan jumlah ganti rugi kemalangan maut dan kecederaan diri.

Keempat, menaikkan jumlah ganti rugi kesedihan.

Dan kelima, meluaskan kategori orang yang layak menuntut ganti rugi kesedihan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sebentar. Tukar giliran.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Sivil (Pindaan) 2018 ini wajar digubal untuk menangani perubahan ekonomi dan sosial di Malaysia terutamanya peningkatan kos sara hidup, keperluan rumah tangga, penjagaan kesihatan, pendidikan dan pengangkutan. Pindaan ini sangat penting untuk mengimbangi antara keperluan masyarakat yang sentiasa berubah dengan peruntukan perundangan negara.

Rang undang-undang ini akan mengambil kira kepentingan orang kurang upaya yang kehilangan penanggung yang kematiannya disebabkan oleh perbuatan salah, pengabaian atau peninggalan untuk membuat tuntutan ganti rugi. Rang undang-undang ini juga akan menggantikan formula jangka kali pendarab ataupun *multiplier* yang dihasilkan 33 tahun yang lalu kerana ia sudah ketinggalan zaman dan tidak mengambil kira perubahan ekonomi dan keadaan sosial rakyat pada masa ini. Ini kerana had umur statutori bagi tujuan pengiraan jangka kali ataupun pendarab di bawah sub perenggan 7(3)(iv)(b) dan sub perenggan 28A(2)(d)(ii) Akta 67 ditetapkan pada 55 tahun selepas menimbang umur persaraan yang biasa pada ketika itu.

Walau bagaimanapun, memandangkan had umur persaraan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam telah dilanjutkan ke 60 tahun dengan penggubalan Akta Pencen (Pindaan) 2011 [*Akta 1409*], dan umur persaraan minimum bagi pekerja di bawah kontrak perkhidmatan dengan majikan telah ditetapkan pada umur 60 tahun dengan penggubalan

Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [*Akta 753*], pindaan kepada peruntukan yang berkenaan perlu dibuat agar selaras dengan kedua-dua undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang-undang ini juga digubal agar ia selaras dengan had umur persaraan yang telah dilanjutkan dalam menentukan kaedah penaksiran ganti rugi dalam kes kemalangan maut bagi kehilangan pendapatan ataupun *loss income*, atau dalam kes kecederaan diri bagi kehilangan pendapatan masa hadapan, *loss of future earnings*, dengan izin.

Penaksiran ganti rugi tersebut diperoleh dengan mendarab *multiplicand* dengan jangka kali iaitu *multiplier* ataupun pendarab. *Multiplicand* adalah kehilangan pendapatan tahunan si mati atau plaintif ketika kemalangan berlaku yang meliputi gaji, elaun, caruman KWSP oleh majikan, kerja lebih masa dan pendapatan sampingan ditolak dengan perbelanjaan kehidupan si mati atau plaintif dan cukai pendapatan.

Dalam menentukan *multiplicand*, pengiraan dibuat dengan mengambil kira pendapatan si mati semasa kematian atau pendapatan plaintif semasa kecederaan berlaku. Jangka kali ataupun pendarab mula dirujuk sebagai *years of purchase* sebagai mana yang diperuntukkan dalam sub-perenggan 7(3)(iv)(d) dan 28A(2)(d)(ii) Akta 67.

Jika si mati atau plaintif berumur 30 tahun atau ke bawah semasa kematian atau kecederaan berlaku, jangka kali ataupun pendarab adalah 16 tahun. Pada masa ini jika si mati atau plaintif berumur antara 31 hingga 54 tahun semasa kematian atau kecederaan berlaku jangka kali pendarab dikira seperti yang berikut iaitu 55 tolak umur ketika kematian atau kecederaan dan dibahagikan dengan dua.

Melalui pindaan yang dicadangkan, jika si mati atau plaintif berumur antara 31 hingga 59 tahun semasa kematian atau kecederaan berlaku, ia jangka kali atau pendarab yang baharu seperti yang berikut iaitu 60 tolak umur semasa kematian atau kecederaan dibahagikan dengan dua.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan jangka kali atau pendarab pada masa kini terdapat jurang perbezaan yang besar antara si mati atau plaintif yang berumur 30 tahun dengan si mati atau plaintif yang berumur 31 tahun. Jangka kali pendarab si mati atau plaintif yang berumur 30 tahun ialah 16 tahun. Manakala bagi berumur 31 tahun ialah 12 tahun.

Oleh yang demikian, pengiraan bagi jangka kali sedia ada menunjukkan terdapatnya jurang perbezaan, *discontinuity* sebanyak empat tahun. Si mati atau plaintif yang berumur 31 tahun akan mendapat jumlah ganti rugi yang lebih rendah.

Dengan pindaan ini jurang perbezaan dapat dikecilkan dengan hanya 1.5 tahun untuk menyelaraskan peralihan yang konsisten antara penaksiran ganti rugi bagi si mati atau plaintif yang berumur 30 tahun dan 31 tahun kerana mengikut formula yang dicadangkan jangka kali

atau pendarab bagi pengiraan ganti rugi kehilangan pendapatan mereka yang berumur 31 tahun ialah 14.5 tahun. Justeru, melalui cadangan pindaan ini, jumlah ganti rugi yang lebih tinggi dapat diberikan dalam hal keadaan si mati atau plaintif yang berumur 31 tahun.

Sebagai contoh, sebelum pindaan yang dicadangkan ini bagi seorang yang berusia 30 tahun yang berpendapatan bulanan sebanyak RM5,000 iaitu RM60,000 setahun. Maka, ganti rugi yang akan diterima adalah sebanyak RM960,000 sahaja iaitu 16 kali RM60,000 sama dengan RM960,000.

Sementara itu, bagi seorang yang berumur 31 tahun yang berpendapatan bulanan yang sama iaitu sebanyak RM5,000 iaitu RM60,000 setahun maka akan menerima ganti rugi sebanyak RM720,000 sahaja, iaitu 12 kali RM60,000 sama dengan RM720,000. Pada masa ini, perbezaan jumlah ganti rugi bagi seorang yang berumur 31 tahun adalah RM240,000. Melalui pindaan ini, jumlah ganti rugi yang akan diperolehi oleh seorang yang berumur 31 tahun akan berbeza. Penaksiran ganti rugi baru bagi seorang yang berusia 31 tahun yang berpendapatan bulanan sebanyak RM5,000 ialah RM60,000 setahun...

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Mohon saya mencelah sedikit. Di sini, di depan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Mana boleh celah lagi, ini baru bentang, sabar dulu. Saya minta maaf ya Yang Berhormat Senator, ini saya bentang dulu, nanti boleh bahas. Kita ikut peraturan ya.

Melalui pindaan ini, jumlah ganti rugi yang akan diperolehi oleh seorang yang berumur 31 tahun akan berbeza. Penaksiran ganti rugi baharu bagi seorang yang berumur 31 tahun yang berpendapatan bulanan sebanyak RM5,000 iaitu RM 60,000 setahun adalah sebanyak RM870,000 berbanding RM720,000 sebelum pindaan.

Dengan pindaan ini, perbezaan jumlah ganti rugi bagi seorang yang berusia 30 tahun dan 31 tahun adalah RM90,000 berbanding dengan RM240,000 sekarang. Kita tidak boleh elak perbezaan tersebut kerana jangka kali pendarabnya berbeza. Walau bagaimanapun, dengan pindaan ini, kita berjaya mengecilkan perbezaan amaun yang bakal diterima.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini turut menggugurkan keperluan keadaan kesihatan yang baik dalam membuat pengiraan award bagi kehilangan pendapatan. Pada masa ini, perkembangan teknologi dalam bidang perubatan dan rawatan perubatan telah menjadikan elemen kesihatan yang baik tidak lagi menjadi relevan dalam pengiraan award ini. Sebagai contoh, walaupun si mati atau plaintif menghidap penyakit kronik sebelum kematian atau kecederaan berlaku, si mati atau plaintif masih boleh lagi bekerja secara produktif dengan bantuan ubat-ubatan dan rawatan perubatan yang terdapat pada masa kini.

Seterusnya, rang undang-undang ini juga bertujuan untuk menaikkan jumlah ganti rugi kesedihan memandangkan jumlah ganti rugi kesedihan sebanyak RM10,000 adalah terlalu rendah serta tidak sesuai dengan keadaan ekonomi dan sosial pada masa ini. Tambahan pula, jumlah ini perlu dikongsi sama rata oleh orang yang layak untuk membuat tuntutan ganti rugi tersebut.

Rang undang-undang ini turut meluaskan kategori orang yang berhak untuk menuntut ganti rugi kesedihan, dalam bahasa Inggerisnya *bereavement* kerana kategori sedia ada tidak mencerminkan nilai ikatan kekeluargaan yang wujud di Malaysia. Semua ahli keluarga terdekat semestinya akan terkesan atas kehilangan salah seorang ahli keluarga. Pindaan ini yang dicadangkan akan membolehkan pasangan si mati, anak si mati dan ibu bapa si mati berhak mendapat ganti rugi kesedihan atau *bereavement* atas kehilangan si mati, *deceased*.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan cadangan dan asas pertimbangan tersebut adalah wajar pindaan di buat terhadap Akta 67 untuk menangani perubahan ekonomi dan sosial di Malaysia terutamanya peningkatan kos sara hidup, keperluan rumah tangga, penjagaan kesihatan, pendidikan dan pengangkutan.

■1150

Pindaan ini sangat penting untuk mengimbangi antara keperluan masyarakat yang sentiasa berubah dengan kekangan peruntukan perundangan negara. Pindaan ini juga untuk memastikan pihak yang terkesan dengan kehilangan pencari nafkah keluarga terutamanya ibu bapa, pasangan, anak-anak dan orang-orang kurang upaya yang berada di bawah jagaan si mati akan mendapat ganti rugi dari sudut kewangan.

Selain itu, pindaan ini juga akan menaikkan kadar ganti rugi kesedihan serta memberikan hak bukan sahaja kepada isteri atau suami dan juga ibu bapa kepada si mati tetapi hak kepada anak-anak si mati juga. Pindaan ini adalah wajar untuk memberikan hak kepada si mati dalam kes kemalangan maut- *fatal accident* atau plaintif dalam kes kecederaan diri yang bekerja hingga usia 60 tahun seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pencen 1980 dan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 untuk membuat tuntutan ganti rugi bagi kemalangan maut dan kecederaan diri yang disebabkan oleh perbuatan salah, pengabaian atau peninggalan.

Tuntutan ganti rugi bagi si mati akan dituntut oleh waris. Ini memandangkan pada masa ini Akta 67 meletakkan had umur 55 tahun sahaja sebagai jangka kali ataupun pendarab dalam membuat tuntutan bagi mereka yang berusia 31 tahun ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga dapat memberikan impak yang besar kepada semua lapisan masyarakat dalam tuntutan ganti rugi bagi melibatkan kemalangan maut dan kecederaan diri. Pindaan ini juga dapat membantu pihak yang terkesan dengan kes

kemalangan maut atau kecederaan diri untuk mendapat pembelaan yang sewajarnya daripada segi kewangan untuk meneruskan kelangsungan kehidupan selepas ditimpa musibah.

Rang Undang-undang Sivil (Pindaan) 2018 telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam, Parlimen Ketiga Belas pada 26 Mac 2018. Walau bagaimanapun, rang undang-undang tersebut yang telah dijadualkan untuk bacaan kali kedua dan kali ketiga telah ditarik balik menurut Peraturan Mesyuarat 62 Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat pada 4 April 2018 oleh kerajaan dahulu untuk penambahbaikan.

Rang undang-undang tersebut telah ditarik balik kerana Bank Negara Malaysia dan Persatuan Insurans Am Malaysia melalui surat yang dikemukakan kepada Menteri Kewangan tidak bersetuju dengan kadar ganti rugi kesedihan atau *bereavement* yang dinaikkan daripada jumlah RM10,000 kepada RM50,000 dan juga cadangan perluasan kategori tanggungan kepada orang kurang upaya yang berada di bawah jagaan si mati mengikut pengertian di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 untuk membuat tuntutan ganti rugi kehilangan penanggung.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Peguam Negara telah mengadakan perbincangan bersama-sama dengan pihak Bank Negara Malaysia dan Persatuan Insurans Am Malaysia pada 23 Mei 2018 untuk membincangkan perkara tersebut. Persatuan Insurans Am Malaysia juga telah memohon Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji semula fasal pengecualian untuk mengeluarkan klausa tindakan yang terakru sebelum tarikh kuat kuasa akta daripada mendapat manfaat pindaan yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini kerana premium yang telah dibayar adalah berdasarkan liabiliti di bawah akta sedia ada.

Rang undang-undang ini juga mengandungi pindaan berbangkit pada Akta Had Masa (Pindaan) 2018, *Limitation Act* yang telah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam, Parlimen Ketiga Belas.

Akta Had Masa (Pindaan) 2018 tersebut telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 27 April 2018 dan telah diwartakan sebagai Akta A1566 pada 4 Mei 2018. Walau bagaimanapun, Akta A1566 tidak boleh dikuatkuasakan sehinggalah rang undang-undang ini dibentangkan dan diluluskan di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, terdapat sebanyak empat seksyen telah dipinda melalui rang undang-undang ini seperti yang berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan takrif "*persons with disabilities*".

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 7, Akta 67.

Subfasal 3(a) bertujuan untuk meminda nota bahu kepada seksyen 7, Akta 67 untuk menyatakan orang yang boleh membuat tuntutan ganti rugi bagi kehilangan penanggung.

Subfasal 3(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 7(2) Akta 67 untuk meluaskan kategori orang yang boleh membuat tuntutan ganti rugi bagi kehilangan penanggung kepada orang kurang upaya di bawah jagaan orang yang kematiannya disebabkan oleh perbuatan salah, pengabaian atau peninggalan.

Dengan pindaan ini, orang yang bukan isteri, suami, ibu atau bapa atau anak boleh menuntut ganti rugi bagi kehilangan penanggung jika orang itu ialah orang kurang upaya mengikut pengertian Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang di bawah jagaan orang yang mati itu.

Subperenggan 3(c)(i)(A) bertujuan untuk meminda subperenggan (iv)(a) proviso kepada subseksyen 7(3) Akta 67 untuk melanjutkan had umur bagi maksud menaksir kehilangan pendapatan dalam tuntutan ganti rugi bagi kehilangan penanggung.

Sebelum pindaan ini, kehilangan pendapatan tidak akan dipertimbangkan jika orang yang mati itu telah mencapai umur 55 tahun pada masa kematiannya. Walau bagaimanapun, memandangkan umur persaraan bagi pegawai perkhidmatan awam telah dilanjutkan ke umur 60 tahun dengan penggubalan Akta Pencen (Pindaan) 2011 [Akta A1409], dan umur persaraan minimum bagi pekerja di bawah kontrak perkhidmatan dengan majikan telah ditetapkan pada umur 60 tahun semasa penggubalan Akta Umur Persaraan Minimum 2012, pindaan kepada peruntukan itu adalah selaras dengan kedua undang-undang tersebut memandangkan kini seseorang itu boleh bekerja sehingga umur 60 tahun.

Subperenggan 3(c)(i)(B) bertujuan untuk meminda subperenggan (iv)(a) proviso kepada subseksyen 7(3) Akta 67 untuk memotong kehendak "*kesihatan yang baik*" sebelum kematian si mati. Ini kerana dengan perkembangan teknologi dalam bidang perubatan dan rawatan perubatan, seseorang masih boleh bekerja dengan produktif. Dengan pindaan ini, faktor kesihatan akan hanya dijadikan asas untuk mengurangkan *award* bagi kehilangan pendapatan.

Perenggan 3(c)(ii) bertujuan untuk meminda subperenggan (iv)(d) proviso kepada subseksyen 7(3) Akta 67 berkenaan dengan pengiraan pendarab bagi pentaksiran kehilangan pendapatan.

Subfasal 3(d) bertujuan untuk meminda subseksyen 7(3A) Akta 67 untuk menaikkan amaun ganti rugi bagi kesedihan daripada RM10,000 yang sedia ada kepada RM30,000.

Subfasal 3(e) bertujuan untuk meminda subseksyen 7(3B) Akta 67 untuk meluaskan kategori orang yang berhak untuk menuntut ganti rugi bagi kesedihan. Sebelum pindaan ini,

hanya pasangan kepada si mati dan ibu bapa kepada si mati yang merupakan orang yang belum dewasa dan tidak pernah berkahwin yang boleh membuat tuntutan bagi kesalahan di bawah subseksyen 7(3A) Akta 67.

Subfasal 3(f) bertujuan untuk meminda subseksyen 7(3C) Akta 67 untuk diselaraskan dengan pindaan kepada subseksyen 7(3B).

Subfasal 3(g) bertujuan untuk meminda subseksyen 7(4) Akta 67 untuk diselaraskan dengan pindaan kepada subseksyen 7(3B).

Tuan Yang di-Pertua, fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 11 Akta 67 sebagai pindaan berbangkit kepada kemasukan seksyen baharu 6A ke dalam Akta Had Masa 1953 [Akta 254]. Subseksyen baharu 6A Akta 254 membolehkan seseorang untuk mengambil tindakan ke atas kecuiaan yang melibatkan kerosakan pendam dalam kes pembinaan yang ditemukan di luar tempoh had masa enam tahun dari tarikh klausa tindakan itu terakru.

Disebabkan terdapat suatu pelanjutan tempoh had masa di bawah seksyen baharu itu, maka pindaan ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa bunga- *interest*, yang diberikan oleh mahkamah untuk mendapatkan ganti rugi di bawah seksyen baharu 6A Akta 254 hendaklah bagi semua atau sebahagian daripada tempoh antara penemuan kerosakan itu dengan tarikh penghakiman dan bukannya daripada tarikh kuasa tindakan itu terakru.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 28A Akta 67. Perenggan 5(a)(i) bertujuan untuk meminda subperenggan 28A(2)(c)(i) Akta 67 untuk melanjutkan had umur bagi maksud mentaksirkan kehilangan pendapatan masa hadapan dalam tuntutan ganti rugi bagi kecederaan diri yang tidak menyebabkan kematian. Sebelum pindaan ini, kehilangan pendapatan masa hadapan tidak akan diambil kira jika plaintif telah mencapai umur 55 tahun pada masa kecederaannya.

Walau bagaimanapun, memandangkan umur persaraan bagi pegawai perkhidmatan telah dilanjutkan ke umur 60 tahun dengan penggubalan Akta Pencen, had umur persaraan minimum bagi pekerja di bawah kontrak perkhidmatan dengan majikan telah ditetapkan pada umur 60 tahun dengan penggubalan Akta Umur Persaraan Minimum 2012, maka pindaan kepada peruntukan ini selaras dengan kedua-dua undang-undang tersebut memandangkan kini seseorang itu boleh bekerja sehingga umur 60 tahun.

■1200

Perenggan 5(a)(ii) bertujuan untuk meminda subperenggan 28A(2)(c)(i) Akta 67 untuk memotong kehendak "*kesihatan yang baik*" sebelum kecederaan plaintif. Ini kerana dengan perkembangan teknologi dalam bidang perubatan dan rawatan perubatan, seseorang yang mempunyai penyakit masih boleh bekerja dengan produktif. Dengan pindaan ini, faktor

kesihatan akan hanya dijadikan asas untuk mengurangkan *award* bagi kehilangan pendapatan masa hadapan.

Subfasal 5(b) bertujuan untuk meminda subperenggan 28A(2)(d)(ii) Akta 67 berkenaan dengan pengiraan pendarab bagi pentaksiran kehilangan pendapatan masa hadapan.

Fasal 6 mengadakan peruntukan kecualian.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita jemput – ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Undang-undang Sivil 1956 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka dibahas.

Mengikut senarai saya sini, pembahas pertama ialah Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair. Dipersilakan.

12.01 tgh.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sudah lebih daripada tiga dekad sudah berlalu, tiada sebarang pindaan terhadap Akta Undang-undang Sivil 1956, akta ibunya Akta 67. Sekarang sudah tiba masanya untuk akta ini nampak cahaya di hujung terowong. *That is the light at the end of the tunnel.*

Pindaan tertentu dalam rang undang-undang DR 35/2018 berkenaan dengan seksyen 2, seksyen 7, seksyen 28A dan seksyen 11. Semuanya nampak cantik belaka, cuma satu penjelasan sahaja.

Dengan kemasukan di seksyen 7, pindaan seksyen 7, fasal 3, dengan kemasukan perkataan "*any persons with disabilities under the care*". Apa yang saya dan ramai rakan peguam yang membuat tuntutan plaintif, ada banyak *WhatsApp* yang saya terima, mereka kurang faham apa kategori yang boleh membawa tuntutan ini. Adakah si tuntutan atau plaintif, dalam kelas, "*any persons with disabilities under the care*" semestinya menunjukkan hubungan silaturahim?

Kalau tidak ada penerangan, ini akan membuka- izinkan saya menggunakan perkataan *floodgate claim*. Misalnya, saya pernah ada kes di mana bujang meninggal, tidak ada ibu bapa. Bujang ini umurnya 40 tahun, tiada ibu bapa, tiada anak. So sekarang apa yang akan boleh berlaku ialah pihak-pihak boleh cuma cari satu si tuntutan dalam kelas *disabilities* ini

and bawa tuntutan and say that, "Yes, I am looking after him". I mean, people around who say yes, si mati itu memang jaga mangsa itu atau Orang Kurang Upaya. Itu satu penjelasan yang perlu dijelaskan di sini Yang Berhormat.

Then seksyen 7(3) dan seksyen 28A iaitu dalam fasal 5 sudah lama tertunggak, *long overdue* sebab umur persaraan di negara kita yang termaktub di dalam Akta Pekerja dan di bawah *Minimum Retirement Age Act 2012* yang dikuatkuasakan pada 1 Julai 2013 adalah 60 tahun. Ini bermakna enam tahun ke belakang ini, plaintiff-plaintiff atau si tuntutan telah mengalami kurang keadilan, *having short change* sebab sehingga hari ini umur persaraan adalah 55 tahun. So ini adalah satu tindakan yang sepatutnya diambil untuk keadilan mangsa-mangsa kemalangan dan juga ahli keluarga si mati.

Dengan pendek kata, saya memang menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini yang berada di hadapan Dewan ini. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Ada?... Tiada. Ada lagi?

Puan Bathmavathi Krishnan: [Mengangkat tangan]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Puan Asmak binti Husin: Mohon...

12.06 tgh.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk menyertai perbahasan rang undang-undang untuk meminda Akta Undang-undang Sivil 1956. Saya ingin menumpukan perhatian kepada ganti rugi bagi plaintiff iaitu dalam kes kecederaan diri ataupun *personal injury*. Didapati bahawa dalam pindaan yang disyorkan ada banyak perkara yang tidak memuaskan daripada segi ganti rugi kepada seorang plaintiff yang mengalami *personal injury*.

Pertama, kos sara hidup seseorang yang mengalami kecederaan yang terpaksa hidup sebagai seorang kurang upaya, kos sara hidup adalah amat tinggi berbanding dengan orang biasa. Jadi kos ini selalunya kita ada satu formula untuk mengira berapa ganti rugi yang boleh dikira, tetapi apa yang tidak dimasukkan ialah semasa dia menjalani rawatan. Apabila dia keluar daripada hospital dan balik ke rumah, perubahan yang perlu dilakukan di persekitaran rumah, kos *renovation*.

Kedua, alat yang dia perlu gunakan. Mungkin kerusi roda, kerusi roda manual, kerusi roda bermotor ataupun alat-alat bantuan yang lain. Ketiga, kos pengangkutan untuk pergi ke tempat menjalani pemulihan dan mungkin dia perlu juga menggaji seorang penjaga untuk mengiringinya. Jadi, kos-kos ini adalah amat tinggi dan ini harus dimasukkan juga.

Satu lagi aspek yang tidak diberi perhatian yang sepatutnya ialah berkenaan dengan tempoh dia boleh bekerja. Tempoh pekerjaan bergantung dengan apa yang kita dengar tadi penjelasan oleh Menteri ialah had umur itu digunakan had umur persaraan kerajaan. Akan tetapi ini amat tidak bermanfaat kepada seorang yang mengalami *personal injury* sebab dengan rawatan yang ada sekarang dan cara-cara pemulihan yang telah meningkat, hayat seorang yang menjadi OKU adalah lebih lama. Dia mungkin boleh hidup sampai 70 tahun, 80 tahun, malah mungkin 90 tahun juga.

■1210

Jadi, tidaklah memadai kalau kita kira dia punya *working life* sampai umur 60 tahun sahaja. Oleh sebab kalau kita ambil contoh seorang yang bukan bekerja dengan kerajaan, seorang peniaga, seorang usahawan sendiri, dia akan kerja sampai akhir hayatnya. Jadi, kos ganti rugi itu harus dikira untuk satu tempoh yang lebih lama. Satu lagi aspek saya ingin mengutarakan ialah *engagement*. Sebelum pindaan ini dibuat, *engagement* dengan pihak berkepentingan mesti lebih luas.

Sekarang ini kita ada beberapa persatuan yang mewakili Orang Kurang Upaya. Antara yang di bawah lingkungan yang mengalami kecederaan diri- *personal injury*, kita ada beberapa persatuan yang mewakili golongan ini. Contohnya, Persatuan Orang Cacat Anggota Malaysia, Persatuan Kecederaan Spinal Malaysia dan juga Persatuan Advokasi Kecederaan Saraf Tunjang Malaysia.

Jadi, saya hendak tanya pihak Yang Berhormat Menteri sama ada *engagement* telah diadakan dengan persatuan-persatuan ini untuk mendapat input mereka juga? Jadi, tidak seharusnya kita *engage* hanya pihak-pihak yang mewakili kewangan seperti insurans sahaja. Jadi pada keseluruhan, pindaan ini saya rasa perlu diperhalusi, perlu dikaji dengan lebih mendalam berkenaan dengan ganti rugi kepada orang yang mendapat *personal injury* ini. Jadi, saya dengan ini menyokong dengan syaratlah supaya kita *engage more stakeholders* sebelum pindaan ini dibuat. Itu sahaja, dengan ini saya menyokong dengan syarat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat.

12.12 tgh.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat yang lain telah disentuhlah oleh kedua-dua Yang Berhormat. Cuma saya hendak utarakan satu perkaralah yang ditimbulkan berkaitan dengan rang undang-undang ini iaitu kenaikan drastik daripada RM10,000 kepada RM30,000.

Ini juga turut memberi kesan kepada bebanan takaful dan insurans yang akan meningkat. Ini akan menyebabkan *premium* insurans dan takaful juga akan meningkat. Jadi, apakah jaminan kerajaan untuk menangani isu ini? Sekian, itu sahaja daripada saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila. Baik, sudah? Okey, sila Yang Berhormat. Tidak ada?

Okey, sila Yang Berhormat Menteri jawab.

12.13 tgh.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih lah kepada pihak-pihak yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan ke atas Akta Undang-undang Sivil ini ya.

Ada tiga orang yang telah berbahas dan *insya-Allah* saya cuba menjawab setakat yang sama mampu, *insya-Allah*. Untuk maklumat yang pertama, pembahas pertama tadi. Saya yakin Yang Berhormat Senator mungkin seorang pengamal undang-undang ya, yang mungkin biasa buat kes-kes *personal injury* ataupun inilah. Oleh sebab saya akuilah, minta maaf. Saya bukan hendak menidakkan mana-mana orang tetapi ini agak teknikal ya.

Semasa di dalam Dewan Rakyat pun untuk maklumat Yang Berhormat Senator-Yang Berhormat Senator semua, yang berbahas ini masa saya bentang di Dewan Rakyat, semuanya peguam.

Pembentang peguam, yang bahas pun peguam. *Speaker* pada masa itu pun peguam. Jadi, macam hari ini jadi medan peguam. Sedangkan pindaan ini semua orang boleh berbahas. Akan tetapi saya akui memang kadang-kadang agak teknikal. Malah, peguam pun kalau tidak biasa buat kes-kes *accident* pun berkemungkinan tidak boleh memahami dengan baik. Jadi, saya mengucapkan terima kasih lah kepada pihak pembahas yang pertama tadi yang bagi saya telah memberikan satu *input* yang baik dan juga berterima kasih kerana beliau telah menyokong pindaan ini. Sekejap Yang Berhormat, banyak sangat dokumen di atas meja saya ini. Kadang-kadang saya pun dah- dengar-dengar ada.

Okey, kalau saya betul, nama Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, betul ya? Soalan yang ditanyakan ialah, bagaimanakah menentukan bahawa Orang Kurang Upaya adalah di bawah jagaan si mati? Ahli Yang Berhormat lebih khuatir akan terbukanya *flood gate*-lah. Mungkin orang-orang ini- adakah hubungan silaturahim itu penting.

Untuk maklumat Yang Berhormat, dalam undang-undang ini tidak ada keperluan mesti ada wujudnya hubungan silaturahim. Maknanya, selagi dia penjaga kepada OKU itu, dia berhak. Jadi, saya rasa Yang Berhormat perkara itu memang jelas. Jadi, kalau sekiranya

Yang Berhormat merasakan- mungkin Yang Berhormat akan mewakili anak-anak guam yang mungkin ada kes-kes yang melibatkan, contohnya Yang Berhormat rasa mungkin tidak jelas, saya ingin mencadangkan Yang Berhormat, gunakan perbahasan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini, *Hansard* ini sebahagian daripada Yang Berhormat berhujah di mahkamah seperti mana saya biasa lakukan.

Untuk maklumat Yang Berhormat, malahan saya pernah menggunakan Laporan SUHAKAM ketika saya mewakili anak guam saya dalam kes yang melibatkan akta polis. Oleh sebab ketika itu SUHAKAM buat satu *inquiry* perhimpunan di KESAS *highway*, di mana dua orang anggota yang mendengar *inquiry* itu adalah orang yang berkelulusan undang-undang. Salah seorangnya bekas hakim.

Jadi, mahkamah telah- walaupun *persuasive in nature* tetapi Yang Berhormat boleh gunakan. Saya ingin mencadangkan Yang Berhormat, gunakan. Yang Berhormat bangkitkan ini, jawapan-jawapan yang kita berikan dalam *Hansard* ini digunakan untuk dalam ini. Dari itu kita mengembangkan lagi kita punya *Malaysia Common Law*...

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Yang Berhormat, cuma sedikit penjelasan lah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih ya.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ini bermakna Yang Berhormat Menteri setuju mesti ada silaturahim semasa membawa tuntutan ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak perlu.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Tidak perlu? Oh, okey. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak perlu silaturahim. Untuk Orang Kurang Upaya ini Yang Berhormat sebab kadang-kadang keluarga pun tidak mahu menjaga OKU ini, Yang Berhormat. Oleh sebab itu kalau kita hadkan kepada melalui silaturahim, kita risau orang-orang kurang upaya berkemungkinan tidak mendapat pembelaan.

Oleh sebab ini realitinya Yang Berhormat, ini satu *sad reality* lah yang kita akui kadang-kadang setengah daripada keluarga pun tidak mahu menjaga orang OKU. Saya akui, benda ini benda yang satu realiti yang pahit dalam negara kita. Oleh sebab itu undang-undang ini Yang Berhormat, secara keseluruhannya undang-undang ini di dipinda kerana ia mengikut peredaran zaman.

Jadi, saya rasa pindaan ini memang seperti mana Yang Berhormat kata, memang perlu disokong. Jadi, saya minta maaf jika- saya akui kemungkinan tidak *perfect*. Akan tetapi sekurang-kurangnya kita telah memulakan langkah yang baik, Yang Berhormat.

Jadi, saya harap dengan- saya mengucapkan terima kasih lah kepada Yang Berhormat punya input tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, beritahu dengan kawan-kawan Yang Berhormat yang kebanyakan peguam. Tidak perlu ada hubungan silaturahim.

Tidak perlu ada hubungan kekeluargaan. Selagi mana dia boleh buktikan bahawa dia adalah penjaga OKU itu, dia boleh membuat tuntutan itu, kalau berlaku sama ada kes maut atau pun kes yang melibatkan ini.

Seterusnya, Yang Berhormat pembahas kedua, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan yang telah memberikan banyak *point-point* yang baik tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi mengatakan mengapa had umur setakat umur 60 tahun? Kenapa tidak dilanjutkan? Yang Berhormat katakan kemungkinan dalam zaman sekarang ini ada orang-orang OKU yang mungkin boleh lebih daripada 60 tahun lagi. Itu saya akui Yang Berhormat, memang itu mungkin berlaku. Akan tetapi Yang Berhormat, dalam kita membuat undang-undang ini, kita mesti ada satu had umur yang kita tentukan. Kalau tidak nanti ia akan jadi satu masalah. Oleh sebab ia benda yang subjektif, Yang Berhormat. Itu yang pertama.

Keduanya Yang Berhormat, saya hendak terangkan di sini Yang Berhormat, isu ini melibatkan isu perundangan. Yang Berhormat, memang dalam Parlimen ini kita buat undang-undang sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara. Akan tetapi sebenarnya sama ada kita sedar atau tidak sedar, banyak juga undang-undang yang di-*legislate* oleh para hakim melalui *case law*. Melalui apa dipanggil itu.

■1220

Kalau kita tengok *common law* di England, dia adalah satu undang-undang yang dibuat oleh hakim. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Senator, walaupun sekarang ini kita letak pada umur 60 tahun tetapi Yang Berhormat Senator, itu bukan bermakna kita hendak mengatakan bahawa kita tidak mengambil kira umur yang lain itu. Akan tetapi buat masa ini, kita meletakkan itu dahulu. Undang-undang ini, Yang Berhormat Senator, sekurang-kurangnya kita telah bergerak daripada 55 tahun kepada 60 tahun. Maknanya, kita mengikuti perkembangan zaman.

Akan tetapi, kalau kita mahu sampai umur- jarang, Yang Berhormat Senator. Secara umumnya, kita buat undang-undang ini tidak boleh berdasarkan keadaan luar biasa. Sebagai contoh, jarang seorang Perdana Menteri yang berusia 93 tahun. Akan tetapi, berlaku di Malaysia. Kalau kita letak umur 93 tahun dalam undang-undang ini, Yang Berhormat Senator, letih kita, Yang Berhormat Senator. Jadi, saya harap kita kena- bukan saya mahu kata. Memang ada kes-kes tertentu orang yang umur lebih daripada 60 tahun. Akan tetapi, kita ambil secara umum, secara puratanya 60 tahun lah yang sekarang ini. Kita ada satu *guideline* iaitu umur persaraan.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Senator, itu kalau Yang Berhormat Senator merasakan bahawa dalam mahkamah- contoh, kalau Yang Berhormat Senator ada kawan-

kawan peguamkah, orang-orang yang mewakili OKU, dia melepasi umur 60 tahun, tidak ada masalah, Yang Berhormat Senator, hujahkan sahaja di mahkamah, *break a new ground. You try to persuade the judge*, hakim. Cuba *persuade*. Kita di Parlimen, kita tidak boleh begitu, Yang Berhormat Senator. Kita hanya boleh- kita bila buat undang-undang, mesti ada satu angka tertentu.

Akan tetapi di dalam mahkamah, Yang Berhormat Senator- pengalaman saya menjadi peguam hampir 25 tahun- kita boleh sentiasa *break a new ground. We have to be creative* dalam berhujah. Oleh sebab itulah kadang-kadang, Yang Berhormat Senator, tidak semua yang kita mahu buat ini kita boleh capai dalam masa yang sekarang. Kemungkinan ia akan berlaku pada masa akan datang. Jadi, sekurang-kurangnya kata orang *we start the brawling first*.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator juga mengatakan, adakah pihak-pihak *stakeholders*, pihak-pihak Yang Berhormat Senator sebutkan tadi, persatuan-persatuan orang OKU telah dirunding ya. Okey, pertamanya, saya ingin katakan, Yang Berhormat Senator, kenapa kita runding khususnya pihak insurans? Sebab, Yang Berhormat Senator, ganti rugi ini ada kesan secara langsung kepada pihak insurans. Saya mahu beritahu Yang Berhormat Senator- izinkan saya mungkin memberikan sedikit maklumat, Yang Berhormat Senator.

Berdasarkan kajian impak yang dilaksanakan pada tahun 2018, Yang Berhormat Senator- saya terangkan kenapa kita mungkin lebih kepada insurans ya. Mengenai ganti rugi kesedihan. Sebagai contoh, jika ganti rugi tersebut dinaikkan daripada RM10,000 menjadi RM30,000, kenaikan itu dijangka akan menyebabkan peningkatan premium insurans motor pihak ketiga dalam anggaran 12.5 peratus mengikut harga pasaran bagi mengekalkan nisbah kerugian sedia ada. Berdasarkan kajian impak yang sama, sebagai contoh, jika ganti rugi kesedihan kita naikkan kepada RM50,000, Yang Berhormat Senator, kadar kenaikan premium dianggarkan lebih tinggi iaitu 19.9 peratus. Jadi, insurans ini ialah pihak yang secara langsung terlibat.

Kenaikan premium tersebut akan menyebabkan golongan berpendapatan rendah-kenaikan itu bakal menyebabkan ketidakmampuan syarikat insurans untuk menjual polisi insurans motor pihak ketiga memandangkan portfolio insurans motor pihak ketiga pada masa ini sedang pun mengalami nisbah kerugian sebanyak 108 peratus. Ini akan menimbulkan masalah akses untuk *consumer* mendapatkan perlindungan insurans motor pihak ketiga yang diwajibkan oleh undang-undang dan beban untuk memulihkan akses pada pasaran swasta ini mungkin perlu ditanggung oleh pihak kerajaan dan pembayar cukai. Itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat Senator, undang-undang ini sebenarnya bukan secara spesifik pada undang-undang berkaitan OKU. Ini ialah undang-undang yang lebih *general*.

Cumanya, ada peruntukan di dalam OKU itu yang kita- sebenarnya, Yang Berhormat Senator, undang-undang ini memang pro kepada OKU. Sebelum ini tidak ada, sekarang ini ada. Cumanya, Yang Berhormat, kadang-kadang kita mahu minta 10, dapat tiga dahulu. Sabar, Yang Berhormat. Kita kena sabar banyak. Kami pun memang banyak bersabar juga. Hari-hari kami kena serang pun kami bersabar. Jadi, Yang Berhormat pun saya harap bersabarlah. Mungkin hari ini tidak dapat, dua tiga tahun lagi akan dapat. Kita tidak tahu, Yang Berhormat.

Akan tetapi paling kurang, Yang Berhormat, undang-undang ini kita telah menuju ke arah untuk kita mengiktiraf OKU. Saya akui, Yang Berhormat, secara umumnya di dalam negara kita ini, masih banyak lagi yang perlu kita buat untuk kita menolong OKU. Banyak lagi yang boleh kita buat. Mungkin kita masih belum buat yang terbanyak...

Puan Bathmavathi Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penerangan sikit? Sebenarnya, apa yang saya tekankan ialah *amount* ganti rugi itu tidak munasabah. Ia lebih memihak kepada insurans untuk *protect insurance industry* sahaja. Jadi, *point* saya ialah ganti rugi itu harus mengambil kira beberapa faktor lain juga yang akan menyusul selepas *personal injury* itu.

Jadi, selama ini tidak ada peningkatan pada insurans. Kalau kita lihat di luar negara, ganti rugi dia itu memang tinggi sebab dia mengambil kira bukan sahaja kos sara hidup tetapi juga perkara-perkara lain seperti *extra cost* untuk menjalani hidup seharian seorang OKU. Itu *point* saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya belum jawab yang itu, Yang Berhormat, tetapi saya akan jawab, *insya-Allah*.

Yang Berhormat, saya dapat maklumat ini. Sebenarnya untuk *engagement* dengan OKU, sebelum rang undang-undang ini dibuat, untuk makluman, ada sebenarnya ya. Mungkin tidak secara spesifik tetapi sebenarnya- di sini, Yang Berhormat, antara persatuan yang di-*engage* ialah Persatuan Perubatan Malaysia- *Malaysian Medical Association*, Persatuan Perubatan Undang-undang Malaysia- *Medico Legal Society of Malaysia*, Kementerian Kesihatan.

Jadi kesemua ini, Yang Berhormat, bagi saya, maknanya isu-isu OKU ini juga ditimbulkan melalui- mungkin tidak ada spesifik kepada OKU tetapi...

Puan Bathmavathi Krishnan: Boleh...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sabar, Yang Berhormat. Melalui tiga agensi ini, Yang Berhormat, perkara-perkara berkaitan OKU, saya rasa, dibangkitkan juga. Oleh sebab itulah, kalau Yang Berhormat Senator kata tidak secara spesifik, saya setuju tidak spesifik kepada persatuan-persatuan yang Yang Berhormat Senator sebutkan.

Sebab, idea ini, Yang Berhormat, sebenarnya undang-undang ini bukan spesifik untuk pindaan kepada undang-undang OKU. Sebab itu kita merasakan kita perlu *consult* ataupun *engage* dengan pihak-pihak yang lebih umum lagi. Banyak pihak yang telah di-tadi ini saya ada sebut, Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan adalah pihak yang ke-27 di dalam senarai ini. Maknanya banyak ini semua.

Kedua, Yang Berhormat, tentang yang Yang Berhormat katakan tadi ganti rugi OKU ini bukan setakat yang itu, banyak lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat- mungkin Yang Berhormat tidak begitu *familiar* dengan undang-undang ini. Dalam undang-undang ini, Yang Berhormat, ada dua jenis ganti rugi. Satu dipanggil ganti rugi am, satu lagi dipanggil ganti rugi khas. *Special damages* dengan *general damages*. *General damages*, Yang Berhormat, benda ini subjektiflah. Ia melibatkan kecederaan. Akan tetapi, Yang Berhormat, Yang Berhormat sebutkan tadi itu ialah sebutan ganti rugi khas, *special damages*, di mana, Yang Berhormat, dalam undang-undang ini untuk *special damages*, Yang Berhormat, tidak boleh kita lontar begitu sahaja. Kita kena buktikan.

Pertama, Yang Berhormat, kalau kita ada undang-undang ini, kalau kita buat undang-undang, kita kena *plead* dalam *statement of claim* kita. *Must be pleaded*. Itu pertama. *Pleaded* maknanya kita nyatakan dalam kita punya saman.

Kedua, kita kena buktikan. Tidak ada bukti, tidak dapat, Yang Berhormat. Sebab itu, Yang Berhormat, bukan tidak boleh *claim*, cuma kena ada pembuktian. Jadi, Yang Berhormat kalau kata Yang Berhormat tidak boleh itu, sebenarnya bukan tidak boleh *claim*, boleh *claim*, cuma Yang Berhormat kena buktikan. Kena dapatkan *lawyer* yang baik. Janganlah buat *lawyer* kes tanah, buat kes *accident*. Dia tidak biasa buat. Ataupun *lawyer* jenayah buat kes *accident*. Yang Berhormat dapatkan macam Yang Berhormat Dato' Kesavadas ini yang biasa buat *accident*. *Insyallah*, dia tahu. Betul tidak, Yang Berhormat Dato'?

Accident ini ramai yang tidak tahu. Kadang-kadang mereka ingat hendak tuntutan sahaja. Saya bukan *lawyer accident* tetapi saya pernah buat kes *accident*, saya tahu sikit-sikitlah. Jadi saya mahu beritahu Yang Berhormat, kalau mahu dapat ganti rugi khas, kena *plead* dan juga kena buktikan.

Yang Berhormat kata itu boleh dapat tetapi dengan syarat Yang Berhormat kena buktikan. Ganti rugi khas ini ialah ganti rugi yang keluar daripada kocek kita, yang boleh dibuktikan, ada bil dan sebagainya. Kalau bayar ganti rugi, ada bil. Kalau Yang Berhormat beli barang-barang itu, ada bil. Bil ini jangan sampai hilang, Yang Berhormat, kena simpan betul-betul.

Jadi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, semua isu telah saya jawab- oh, ada lagi seorang. Yang Berhormat Senator Puan Asmak fasal takaful ya? Dengan adanya pindaan ini,

sudah tentulah jumlah bayaran pihak insurans, pampasan kepada mangsa atau keluarga mangsa akan meningkat, apakah langkah-langkah akan dapat diambil supaya pihak insurans tidak mengambil kesempatan di atas perkara ini untuk menaikkan kadar bayar insurans untuk *insurance cover*.

■1230

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, premium insurans motor pihak ketiga, *third party* masih ditetapkan oleh tarif dan tidak boleh diubah oleh syarikat insurans, tidak boleh suka-suka ubah ya. Walaupun portfolio insurans motor pihak ketiga yang dijual oleh syarikat insurans pada masa kini mengalami kerugian dengan nisbah kerugian sebanyak 100 peratus. Penyelarasan kadar premium bagi perlindungan insurans menyeluruh komprehensif dan pihak ketiga kebakaran dan kecurian, *third-party fire and thief* pula kini berada dalam fasa transisi kepada liberalisasi penuh. Dalam fasa ini penyelarasan premium insurans menyeluruh dan pihak ketiga kebakaran dan kecurian dihadkan kepada tahap perlindungan tersebut.

Sebarang penyelesaian melebihi tahap lingkungan ini perlu disokong justifikasi yang kukuh dan pengawalan tadbir urus yang teguh ataupun *robbers* di samping mematuhi kriteria-kriteria lain yang ditetapkan untuk memastikan sebarang penjelasan adalah munasabah dan beransur-ansur. Perlu dipertimbangkan bahawa menerusi pembayaran manfaat insurans yang terlalu tinggi tanpa sebarang penjelasan kepada premium insurans akan menyebabkan ketidakmampuan syarikat insurans untuk menjual polisi insurans motor pihak ketiga. Ini akan menimbulkan masalah akses untuk *consumer* mendapatkan perlindungan insurans motor pihak ketiga yang diwajibkan undang-undang dan beban untuk memulihkan akses kepada pasaran swasta ini mungkin perlu ditanggung oleh kerajaan dan pembayar cukai kelak.

Untuk mengelakkan situasi tersebut, peningkatan dalam tahap manfaat pindaan rang undang-undang ditetapkan dalam perlindungan yang munasabah dan disokong angka inflasi sejarah Malaysia hingga hari ini. Saya harap Yang Berhormat fahamlah, tidak faham pun buat-buat fahamlah. Saya pun sendiri susah hendak faham ini. Ini jawapan skrip daripada pihak belakang ini.

Ada hendak tanya Yang Berhormat?... Ada lagi kah? Rasanya macam sudah tidak ramai ini. Pindaan ini terlalu berat sebelah syarikat insurans kata Yang Berhormat Puan Bathmavathi.

Rang undang-undang ini bukan untuk *benefit* syarikat insurans sahaja Yang Berhormat tetapi untuk menggantikan pendapatan yang hilang akibat kemalangan diri. Walau bagaimanapun, ganti rugi haruslah munasabah untuk mengelakkan masalah akses di mana syarikat insurans tidak mampu menjual polisi insurans pihak ketiga yang pada masa ini sudah

mengalami kerugian. Beban untuk memulihkan akses mungkin perlu ditanggung oleh kerajaan kelak.

Sebagai penutup saya nak cakap begini Yang Berhormat. Ia berbeza Yang Berhormat. Kita pandang sebagai peguam, sebagai rakyat dan sebagai kerajaan. Kerajaan ini Yang Berhormat ia mengambil kira semua pihak, insurans kena ambil, plaintif dan defendan ada. Akan tetapi kalau kita sebagai peguam, kita biasa membawa kes plaintif, kita mungkin akan mengira plaintif sahaja, tidak mengambil kira fasal insurans. Akan tetapi kita kerajaan Yang Berhormat, kita kena mengambil kira semua *stakeholder*, itu perbezaan kerajaan dengan pihak individu. Jadi saya rasa saya telah menjawab semua. Terima kasih.

Puan Asmak binti Husin: Saya mohon *klarifikasi*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Oh, ada lagi.

Puan Asmak binti Husin: Tadi sebab membaca, saya pun dengar tidak dengar juga tadi sebab ia macam panjang kan ayat itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Baik.

Puan Asmak binti Husin: Skrip ya. Cuma saya mohon kalau klarifikasi, betul tidak saya dengar ini bahawasanya akan ada penyelarasan, satu. Kedua, kemungkinan pada masa akan datang akan ada subsidi daripada kerajaan untuk penyelarasan tersebut. Betul tidak saya dengar itu?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Subsidi? Saya tidak dengar pula subsidi Yang Berhormat. Ada subsidi? Subsidi tidak ada Yang Berhormat, yang subsidi Yang Berhormat dengar tidak betul. Fasal penyelarasan itu saya rasa betul- kadar penyelarasan ya? Di belakang saya ini semua pakar-pakar, Bank Negara semua ada. Jadi penyelarasan itu tetapi Yang Berhormat, saya ada jawapan, saya akan bagi Yang Berhormat, senang ya. Saya pun baca ini Yang Berhormat kalau sekali lintas saya pun tidak berapa faham sangat. Akan tetapi saya boleh mengesahkan yang subsidi tidak ada.

Akan tetapi penyelarasan- ada ayat penyelarasan saya baca tadi, “perlu dipertimbangkan bahawa pembayaran manfaat insurans yang terlalu tinggi tanpa sebarang penyelarasan.” Itu ayat penyelarasanlah. Ayat penyelarasan ada tetapi sama ada Yang Berhormat- apa yang Yang Berhormat soal saya pun saya tidak ingat. Apa itu sebenarnya? Tidak apa Yang Berhormat ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekadar itulah saya rasa kalau ada apa-apa Yang Berhormat rasa memerlukan maklumat lanjut, Yang Berhormat boleh menghubungi saya untuk tanyakan. Kalau ada yang saya tidak jawab, saya mohon maaf. Saya cuba menjawab yang terbaik tadi Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato’ pun terima kasih Yang Berhormat

Dato', kalau ada apa-apa *liaise with me, no problem*. Okey, terima kasih. Begitu juga Yang Berhormat Puan Bathmavathi.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin yang telah menjawab panjang lebar dan kita faham.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.38 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, muka ini lagi hari ini, dua, tiga sahaja tidak banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2019 yang dicadangkan tersebut adalah bagi mengemas kini akta dengan menambah peruntukan khusus berkaitan Pulau Pangkor selaras dengan hasrat

kerajaan untuk mewartakan pulau tersebut sebagai pulau bebas cukai. Selain itu, pindaan juga dibuat bagi memperkemaskan pelaksanaan dan layanan cukai jualan.

Antaranya dengan menambah baik peruntukan berkaitan pelaksanaan sistem kredit dan menyediakan peruntukan berkaitan cara penyampaian saman. Tempoh maksimum penjara kerana gagal membayar denda serta peruntukan kesalahan bagi orang yang tidak membayar cukai jualan sepenuhnya ke atas pengimportan barang bercukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 10 fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 untuk mendefinisikan semula kawasan ditetapkan untuk memasukkan Pangkor dan mendefinisikan semula kawasan khas untuk memasukkan pangkalan pembekalan petroleum.

■1240

Fasal ini selanjutnya mendefinisikan Pangkor sebagai Pulau Pangkor, Pulau Mentagor, Pulau Giam, Pulau Simpan, Pulau Tukun Terindak, Pulau Pelanduk, Pulau Anak Pelanduk, Pulau Landak, Batu Orang Tua dan Batu Jambang. Melalui pindaan inilah yang cukai jualan di Pangkor adalah sama seperti di Langkawi, Tioman dan Labuan.

Fasal 3 bertujuan meminda subseksyen 3(1)(b) untuk memberikan penerangan yang lebih jelas mengenai maksud pengilangan petroleum. Melalui pindaan ini proses pengilangan petroleum bermaksud proses penapisan yang mana merupakan proses utama dan termasuk proses pemisahan, penukaran, penulenan dan pengadunan aliran penapisan atau aliran petrokimia.

Fasal 4 bertujuan meminda subseksyen 9(2) untuk menjelaskan pengiraan cukai bagi barang diimport adalah berdasarkan kaedah yang ditentukan di bawah peraturan kastam (Kaedah-kaedah Penilaian 1999) dan bukannya berdasar kepada harga jualan.

Fasal 5 merupakan pindaan editorial untuk menomborkan semula subseksyen lapan sedia ada sebagai subseksyen sembilan dan menomborkan semula subseksyen sembilan sedia ada sebagai subseksyen lapan. Pindaan seterusnya dibuat ke atas subseksyen 10,11 dan 12 sebagai *consequential* kepada pindaan editorial dalam subseksyen lapan dan sembilan.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu iaitu seksyen 27A yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah bagi mengimbangi ataupun *offsets* apa-apa cukai, surcaj, penalti, yuran atau apa-apa wang lain yang tidak dibayar oleh orang kena cukai di bawah akta ini dengan apa-apa amaun yang kena di bayar balik kepada orang itu di bawah

Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Akta Kastam 1967 atau Akta Eksais 1976.

Fasal 7 bertujuan meminda subseksyen 41A untuk memberi kuasa kepada Menteri bagi menetapkan peratusan potongan cukai jualan yang dibenarkan kepada mana-mana pengilang berdaftar. Pindaan ini selanjutnya bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk meluluskan permohonan pengilang berdaftar bagi mendapat potongan cukai jualan.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu iaitu seksyen 84A yang mengenakan tempoh pemenjaraan maksimum bagi mana-mana orang yang gagal membayar denda mahkamah. Tempoh maksimum pemenjaraan adalah seperti berikut:

- (i) tempoh maksimum dua bulan jika denda tidak melebihi RM5,000;
- (ii) tempoh maksimum empat bulan jika denda melebihi RM5,000 tetapi tidak melebihi RM10,000; dan
- (iii) tempoh maksimum enam bulan jika denda melebihi RM10,000 tetapi tidak melebihi RM20,000 dengan tempoh pemenjaraan tambahan selama dua bulan untuk setiap RM10,000 selepas amaun RM20,000 pertama denda itu.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu iaitu seksyen 86A untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang tidak membayar cukai jualan sepenuhnya ke atas pengimportan barang bercukai dan mengenakan penalti atas kesalahan tersebut.

Fasal 10 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu iaitu seksyen 101A bagi menyediakan kaedah penyampaian saman kepada orang kena saman yang berkaitan dengan apa-apa prosiding sivil atau jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dalam *list* saya tidak ada. Ada sesiapa di bawah hendak bahas? Sila.

12.44 tgh.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak bangkitkan satu isu mengenai pengecualian cukai duti eksais.

Tuan Yang di-Pertua, kita Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Negara diberi kelonggaran untuk dikecualikan daripada duti eksais untuk membeli sebuah kereta *four-wheel drive*. Saya lihat pada tahun ini, apabila saya memohon untuk membeli kereta proses dia semakin sukar dan semakin lambat dapat kereta.

Saya juga dimaklumkan bahawa jumlah cukai itu ada had pula bergantung pada jenis kereta. Sedangkan pengecualian cukai atau duti eksais diberi kepada Ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli Dewan Negara ialah 40 peratus daripada duti eksais tersebut.

Maka pada pagi yang mulia ini saya mohon maklumat daripada kementerian sama ada permohonan kami juga- Yang Berhormat Haji Tuan Ismail bin Yusop... [*Menunjuk jari ke YB Senator berkaitan*] Sama ada telah diluluskan dengan peratusan maksimum duti eksais yang diberikan kepada kami. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi? Yang Berhormat, sila.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid, sementara menunggu nota daripada belakang- yang sudah pun baru sampai. Panas lagi ini. Tidak tahulah Yang Berhormat akan berpuas hati tidak dengan jawapan yang diberikan ini. Agak *general*.

Pengecualian kepada Ahli Parlimen sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara adalah kenderaan yang ditentukan iaitu pacuan empat roda. Itu seperti yang disebutkan tadi. Ia tertakluk kepada syarat Kementerian Kewangan akan status permohonan tersebut. Ini yang ada pada saya. Sebab itu saya kata tidak tahu Yang Berhormat berpuas hati dengan ini.

Kita kira macam inilah Yang Berhormat, sekejap lagi *break* ini kita bersembang lebih *kot*. Saya pun akan ada lebih banyak maklumat daripada pegawai ataupun secara spesifik yang telah diajukan kepada Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Senator Haji Tuan Ismail bin Yusop tadi untuk kita tengok secara spesifik. Itu yang dapat saya berikan. Terima kasih.

Dr. Yaakob bin Sapari: Boleh mencekah soalan?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila.

Dr. Yaakob bin Sapari: Mungkin ruangan ini tidak tanya pada pihak Yang Berhormat Menteri. Saya dapat rungutan daripada pengimport-pengimport kenderaan ini kerana Jabatan Kastam ini tidak *update* dengan model-model terbaharu.

Jadi bila pengimport bawa masuk, kastam tidak ada data. Umpamanya Mercedes terlalu cepat model baharu dan kastam tidak *update*. Ini telah melambatkan proses membawa masuk dan melambatkan pendapatan di kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih, saya juga selalu *engaged* dengan Persatuan Pengimport & Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA) yang mendapat AP daripada MITI.

Complaint yang mereka bangkitkan ialah dalam satu-satu model itu contohnya kita kata *Alphard*. *Docket*-nya itu atau klasifikasinya itu terlalu banyak dan kadang-kadang yang menjadi masalahnya ialah negara yang mengeksportkan kereta tersebut. Dia tidak bagi secara detil dalam dokumen yang diberikan.

Jadi hendak kena- bersama dengan Jabatan Kastam ini *Alphard* itu saya ingat disebut mungkin ada 10 atau 12 *variation* yang setiap satunya sudah tentu dutinya adalah berbeza-beza. Itu ada yang dibangkitkan.

Jadi, mereka memohon supaya klasifikasi itu di-*simplify* mungkin premium yang kemudian yang pertengahan dan juga yang normal supaya bagi mereka ini tidak akan membuka ruang untuk berlaku apa-apa tawaran, yakni tawar menawar dari segi duti yang perlu dikenakan yang boleh membuka ruang kepada amalan-amalan yang tidak sepatutnya berlaku. Itu kita dapat.

■1250

Apa pun yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, ia memang betul, memang banyak dia punya *range* itu. Kemas kini model kereta adalah berdasarkan kepada permohonan industri dan kemasukan kenderaan ke Malaysia. Jadi kalau ada model-model baharu dan memang banyak terutamanya kereta-kereta yang mewah ini, memang ia banyak model dan variasinya. Jadi kita hanya akan dapat masukkan itu apabila kita di-*update*-kan oleh industri sendiri kata ada model baharu yang masuk. Kalau tidak, memang kita tidak dapat hendak ini. Jadi bila ada maklumat tersebut, kita boleh masukkan. Jadi kita harap proses yang dibangkitkan yang mengambil masa itu akan dapat dipendekkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.52 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019 yang dicadangkan tersebut adalah bagi mengemas kini Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dengan menambah peruntukan khusus berkaitan Pulau Pangkor.

Pindaan juga dibuat bagi memperkemas lagi pelaksanaan cukai perkhidmatan antaranya dengan meminda peruntukan bagi membolehkan perakaunan cukai perkhidmatan dibuat dengan menggunakan asas akruan di samping asas tunai yang diamalkan sekarang.

Selain itu, pindaan yang dicadangkan juga adalah bagi melaksanakan langkah cukai yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019 untuk mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital.

Cadangan pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital ini adalah selaras dengan cadangan *Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD) supaya cukai tidak langsung dikenakan ke atas urus niaga yang melibatkan transaksi rentas sempadan iaitu *cross border transaction* sebagai salah satu opsyen dalam menangani cabaran mencukai ekonomi digital.

Bagi maksud ini, pindaan dibuat dengan menggubal peruntukan berkaitan perkhidmatan digital sebagai satu bahagian baharu yang berasingan daripada perkhidmatan

bercukai sedia ada bagi memudahkan pentadbiran dan pelaksanaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital tersebut. Perkara berikut telah diambil kira dalam menetapkan dasar bagi merangka model pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital.

Pertama, skop kenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital. Cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas perkhidmatan digital yang disediakan oleh pemberi perkhidmatan asing kepada pengguna Malaysia, sama ada pengguna individu atau pengguna perniagaan. Perkhidmatan digital merangkumi mana-mana perkhidmatan yang diberikan melalui *internet* atau rangkaian elektronik yang serupa yang mana tidak boleh diperolehi tanpa penggunaan teknologi maklumat.

Contoh perkhidmatan digital adalah seperti langganan muzik dan video atas talian, langganan *e-book*, penggunaan platform *e-marketplace*, langganan sistem storan *berasaskan cloud computing* serta pembelian perisian komputer secara atas talian. Pengguna Malaysia ditentukan berdasarkan kaedah pembayaran alamat *Internet Protocol* (IP) atau nombor peranti mudah alih yang digunakan semasa pembelian ataupun langganan perkhidmatan digital serta sama ada pengguna tersebut menetap di Malaysia.

Kedua, mekanisme pelaksanaan. Cukai perkhidmatan akan dibayar kepada pemberi perkhidmatan asing berdaftar oleh pengguna yang membeli atau melanggan perkhidmatan digital. Pemberi perkhidmatan tersebut seterusnya akan meremit cukai perkhidmatan kepada pihak JKDM berdasarkan tempoh bercukai yang ditetapkan. Pemberi perkhidmatan asing adalah terdiri daripada orang yang sebenarnya membekalkan perkhidmatan digital kepada pengguna serta *online marketplace* operator yang menyediakan *platform marketplace* untuk penjualan ataupun pembelian barang dan perkhidmatan secara atas talian.

Pemberi perkhidmatan asing perlu berdaftar sekiranya jumlah nilai keseluruhan perkhidmatan digital yang disediakan kepada pengguna di Malaysia bagi tempoh 12 bulan adalah melebihi RM500,000. Pendaftaran pemberi perkhidmatan asing akan mula dibuat mulai Oktober 2019. Bagi memudahkan pemberi perkhidmatan asing mendaftar dan meremit cukai perkhidmatan, prosedur yang ringkas akan disediakan oleh pihak JKDM bagi membolehkan urusan pendaftaran dan peremitan dibuat secara atas talian. Tempoh bercukai bagi cukai perkhidmatan ditetapkan kepada tiga bulan selaras dengan amalan antarabangsa.

Ketiga, layanan dalam tempoh peralihan. Bagi perkhidmatan digital yang telah mula dilanggan sebelum tarikh kuat kuasa iaitu 1 Januari 2020 yang mana perkhidmatan tersebut akan melangkaui 1 Januari 2020, cukai perkhidmatan akan hanya dikenakan ke atas sebahagian perkhidmatan digital yang diberikan selepas 1 Januari 2020. Namun demikian, sekiranya pembayaran penuh telah dilakukan sebelum 1 Januari 2020 bagi langganan

perkhidmatan digital selepas tarikh tersebut, perkhidmatan itu tidak tertakluk kepada kenaan cukai perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini yang mempunyai 52 fasal seperti berikut.

Fasal 1 dan 2 mengenai tajuk ringkas tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan serta menyediakan peruntukan baharu iaitu seksyen 1A berkenaan pemakaian akta ini dan perundangan subsidiari berkaitan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 2 bagi memasukkan Pangkor sebagai kawasan ditetapkan dan mendefinisikan Pangkor. Melalui pindaan ini, layanan cukai perkhidmatan di Pangkor adalah sama seperti Langkawi, Tioman dan Labuan. Fasal ini juga mewujudkan definisi perkhidmatan digital.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, sudah pukul 1 petang.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua. Mohon saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh kita sambung *karang* lah. Sambung 2.30 petang
[Ketawa]

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Hendak suruh saya sambung kah atau...?

Timbalan Yang di-Pertua: Sambung selepas 2.30 petang ya.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Sambung ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi jam...

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Sambung selepas ini maksudnya?

Timbalan Yang di-Pertua: Selepas 2.30 petang.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Jam 2.30?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya 2.30 petang [Ketawa]

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Baik, baik. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tidak sempat hendak berpantun.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada keluarga kita yang tidak puasa kan. Bukan orang Islam ya. Terima kasih banyak.

Sekarang jam tepat pukul 2.30 petang... [Disampuk] Sorry, maaf, jam pukul 1 tengah hari, saya tangguhkan mesyuarat hingga jam 2.30 petang. dan terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

2.30 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli Yang Berhormat, terima kasih kerana hadir bersama-sama dan seperti mana yang saya janjikan saya kotakan janji saya.

Saya minta Yang Berhormat Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah, Timbalan Menteri kita menyambung ucapannya. Dipersilakan.

2.33 ptg.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung tempat yang kita tinggalkan tadi.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu iaitu subseksyen 9(1A) bagi menentukan nilai perkhidmatan bercukai bagi perkhidmatan yang mana pembayarannya dibuat melalui mesin.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 11 untuk menyediakan peruntukan baharu bagi memberi opsyen kepada orang berdaftar untuk mengakaun cukai perkhidmatan yang genap masa ataupun *due* berdasarkan masa invois dikeluarkan dan bukan semata-mata berdasarkan bayaran yang diterima. Pindaan juga dibuat bagi menetapkan tempoh genap masa bagi perkhidmatan bercukai yang menggunakan pembayaran melalui mesin. Pindaan juga telah dibuat di peringkat Jawatankuasa bagi memperjelaskan pemakaian subseksyen 11(3)(c) dan telah pun diluluskan di Dewan Rakyat.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 21 berkenaan invois untuk memperkemas pentadbiran cukai dan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam untuk memberi kebenaran supaya invois tidak dikeluarkan bagi perkhidmatan bercukai yang menggunakan pembayaran melalui mesin. Fasal ini juga menetapkan bahawa nilai bagi perkhidmatan yang mana pembayaran melalui mesin adalah nilai termasuk cukai, dengan izin, *inclusive of tax*.

Fasal 24 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu iaitu seksyen 27A yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah bagi mengimbangi ataupun *off-set* apa-apa cukai, surcay, penalti, yuran atau apa-apa wang lain yang tidak dibayar oleh orang kena cukai di bawah akta ini dengan apa-apa amaun yang kena dibayar balik kepada orang itu di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta Cukai Jualan 1972, Akta

Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Akta Kastam 1967 atau Akta Eksais 1976.

Fasal 27 bertujuan untuk meminda seksyen 31 bagi menyediakan kaedah untuk menghalang mana-mana orang selain daripada orang kena cukai yang mengimport perkhidmatan bercukai daripada meninggalkan Malaysia sekiranya orang tersebut tidak membayar cukai perkhidmatan atau penalti.

Fasal 28 bertujuan untuk meminda seksyen 32 untuk membenarkan supaya penalti yang dikenakan di bawah subseksyen 26A(4) terhenti dikira dari tarikh Ketua Pengarah membenarkan pembayaran secara ansuran.

Fasal 29 bertujuan untuk meminda seksyen 34 untuk memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana orang dari pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan dan dilevikan ke atas perkhidmatan bercukai diimport atau perkhidmatan digital yang diberikan.

Fasal 37 bertujuan untuk memasukkan bahagian baharu iaitu Bahagian IXA yang menyediakan peruntukan khusus berkenaan pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital. Bahagian ini mengandungi 11 seksyen baharu iaitu seksyen 56A hingga 56K. Bahagian ini merangkumi antara lain perkara berkaitan penetapan nilai perkhidmatan digital dan bila cukai perkhidmatan menjadi genap masa, tanggungan untuk berdaftar, penetapan kaedah pendaftaran, pemberhentian tanggungan untuk berdaftar, tanggungjawab untuk mengeluarkan invoice dan kewajipan menyimpan rekod.

Fasal 38 dan 39 bertujuan untuk meminda seksyen 65 dan menyediakan peruntukan baharu seksyen 68(ba) berkaitan pembuktian dalam proses pendakwaan dan perkara berkaitan dengan pendakwaan.

Fasal 40 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu iaitu seksyen 69A untuk mengenakan tempoh pemenjaraan maksimum bagi mana-mana orang yang gagal membayar denda di bawah akta.

Fasal 42 bertujuan meminda seksyen 75 untuk menghalang seseorang untuk menjalankan transaksi bagi pihak orang selain orang kena cukai yang mengimport perkhidmatan bercukai dalam menjalankan perniagaannya kecuali berhubung bayar balik, remisi, pengecualian atau perkara lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Fasal 49 bertujuan memperkenalkan peruntukan baharu iaitu seksyen 86A untuk menyediakan kaedah penyampaian saman kepada orang kena saman (OKS) yang berkaitan dengan apa-apa prosiding sivil atau jenayah.

Fasal 50 bertujuan meminda seksyen 91 bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan berhubung dengan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital.

Fasal 51 dan 52 bertujuan menyediakan peruntukan dalam tempoh peralihan untuk tujuan pengenaan cukai perkhidmatan dan fasal-fasal lain yang tidak dinyatakan secara spesifik adalah merupakan pindaan kecil atau *consequential in nature* selaras dengan pengenalan baharu iaitu Bahagian IXA berkaitan dengan berkenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ahli Yang Berhormat di atas senarai saya ini ada empat tokoh hendak berucap.

Saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali, dipersilakan.

2.39 ptg.

Datuk Rabiyah binti Ali: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan izin untuk saya sama untuk membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Cukai Perkhidmatan 2019.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang saya ingin kemukakan adalah mengenai kawal selia bagi mendaftar dan juga mengawal selia transaksi perkhidmatan yang dijual atau diberikan oleh pemberi perkhidmatan asing yang ditakrifkan dalam pindaan seksyen 3(c). Saya ingin mendapatkan penjelasan dengan Yang Berhormat Menteri mengenai langkah dan strategi pelaksanaan yang lebih jelas terperinci dalam mendaftarkan pemberi khidmat asing di pasaran

■1440

Perkara yang ingin saya kemukakan iaitu sejauh mana pegawai-pegawai kastam yang akan mengawal selia pendaftaran, transaksi dan juga kutipan cukai perkhidmatan yang digunakan oleh pengguna khidmat digital ini yang mempunyai kemahiran, yang kompeten, alat kelengkapan digital dan aplikasi digital untuk mengesan transaksi-transaksi yang direkodkan bagi mentafsirkan kutipan cukai perkhidmatan di Malaysia.

Kedua, setakat manakah persediaan kerajaan dan juga kastam untuk mengawal selia kutipan cukai perkhidmatan digital ini agar ia benar-benar signifikan kepada penokokan nilai kutipan cukai SST Malaysia? Sejauh manakah jaminan keselamatan siber yang bakal

diterapkan agar kerangka aplikasi yang digunakan oleh kastam dan juga mengawal selia kutipan cukai perkhidmatan benar-benar mempunyai integriti yang tinggi dan satu sistem semak dan juga seimbang perlu diperincikan bagi memastikan tidak berlakunya *scam* ataupun penyelewengan yang berlaku? Bagaimana strategi yang akan digunakan kastam dalam memastikan saiz bilangan pendaftaran dan pemberi khidmat digital dan keupayaan sistem teknologi maklumat kastam? Berapakah pula anggaran kos ataupun bajet untuk operasi kastam dalam memastikan rejim cukai perkhidmatan baharu ini benar-benar memberi suai manfaat kepada Malaysia?

Saya pada hari ini menyokong juga rang undang-undang ini kerana ada satu lagi saya dengar tadi berkenaan dengan saman. Saya amat tertariklah dengan saman-saman ini. Apa yang saya tengok di negeri-negeri lain luar daripada Malaysia, jika orang luar yang kena saman dalam negara kita ini, sebelum dia keluar daripada negara kita, dia kena bayar saman dahulu. Kalau tidak, kita rasa rugi kalau dia tidak bayar saman.

Saya dapati kalau- saya tanya juga negara yang saya pergi ini, dia kata kalau contoh dia beli kereta pun, kalau dia hutang kereta pun, dia kena selesaikan hutang kereta itu, baru dia boleh balik ataupun baru dia boleh pergi ke negara lain. Kalau tidak dia kata, menjadi satu beban kerana kerugian daripada segi pendapatan sebuah negara itu melalui cukai.

Ini saya amat mengalu-alukan dan juga saya berterima kasih kepada Kerajaan Pakatan Harapan. Jadi dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Rabyah binti Ali.

Sekarang yang kedua, saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat. Silakan.

2.43 ptg.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Tuan Yang di-Pertua, selamat tengah hari dan selamat sejahtera.

Pertama, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan rang undang-undang meminda Akta Cukai Pendapatan 2018. Saya rasa amat tepat masanya kita meminda akta ini kerana kita lihat negara kita makin hari makin canggih penggunaan teknologi maklumat dan kita mengambil peluang untuk ikut serta seperti dunia luar ataupun negara luar. Kita juga dapati- kita dapat

tahu bahawa kita negara kedua di Asia Tenggara ini selepas Singapura yang memperkenalkan cukai digital.

Cuma saya juga bersetuju dan juga sama berpendapat seperti Yang Berhormat Senator Datuk Rubiyah tadi, kebimbangannya ialah bagaimana kita hendak mengurus pendaftaran orang yang didaftarkan ataupun pemain yang hendak didaftarkan, orang yang didaftarkan kerana mereka berada di luar negara. Pemain pendaftar asing dalam lebih tepat lagi. Mereka berada di luar negara dan tidak semua pemain ini berada dalam negara.

Jadi, adakah kita mempunyai mekanisme yang dapat menjamin bahawa mereka akan mendaftar dengan kita? Walaupun kita ada jaminan seperti saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri memaklumkan bahawa kita ada kerjasama dengan negara-negara OECD dan kita boleh mengenakan apa-apa caj kepada mereka, boleh mengenakan tindakan. Akan tetapi, kebanyakan pengalaman yang kita dapati bahawa amat sukar sekali. Walaupun kita berkawan dengan negara-negara asing, tetapi amat sukar untuk kita mengenakan tindakan terhadap mereka kerana halangan-halangan tertentu. Itu kebimbangannya.

Kedua, saya ingin menyentuh juga tentang *threshold*. Perkara ini ialah perkara yang perlu kerajaan memberi pertimbangan. Setakat ini kerajaan mengatakan kita hanya dapat kutip cukai perkhidmatan apabila perniagaan mereka mencecah RM500,000 setahun. Saya rasa ini sudah tidak relevan. Kita mengambil contoh, sebagai contoh seperti profesional lain ataupun pemberi perkhidmatan lain di Malaysia, jurutera, arkitek, juruukur dan sebagainya. Sesetengah syarikat- saya tidak tahu peraturan sekarang. Sesetengah syarikat ia tidak mencapai pun RM300,000 tetapi awal-awal mereka menjalankan kegiatan, mereka capai sehingga RM1 juta. Akan tetapi oleh kerana berhadapan dengan masalah ekonomi, kadang-kadang *threshold* tidak capai pun RM500,000 tetapi mereka terus kena bayar.

Jadi sesetengahnya- satu kes lagi ialah contoh terdapat dua pemberi khidmat profesional. Satu orang mempunyai pejabat yang kecil, dia terlepas daripada membayar cukai perkhidmatan kerana *threshold* tak sampai RM500,000. Satu lagi syarikat terpaksa membayar khidmat cukai perkhidmatan kerana *threshold* melebihi RM500,000. Jadi, pelanggan akan memilih dan meminta perkhidmatan daripada syarikat yang tidak mengenakan cukai perkhidmatan. Ini kerana cukai perkhidmatan terpaksa dibayar oleh pelanggan. Ini satu perkara saya rasa perlu diberi pertimbangan oleh kementerian ataupun oleh kerajaan.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh sedikit tentang tindakan denda, pemenjaraan dan sebagainya. Saya lihat memang agak keras dan juga saya lihat sebagai satu perkara yang baik untuk memastikan mereka menghormati undang-undang kita. Akan tetapi sekali lagi saya ingin memaklumkan bahawa tidak semudah itu jikalau kita hendak kenakan kepada pemberi khidmat asing ini. Sudah tentu kita perlu berbincang dengan lebih dalam tentang

kaedah-kaedah bagaimana kita hendak mengambil tindakan, tidak dengan mudah kita kata kita ada hubungan baik dengan negara-negara dalam OECD.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang kesan daripada cukai perkhidmatan ini kepada pemain tempatan. Setakat ini kita tengok yang kena cukai sekarang- sebab itu saya hendak tanya kepada kementerian, berapakah pemain-pemain industri ini, pemberi perkhidmatan tempatan yang berada di Malaysia ini yang telah didaftarkan sebagai pemberi khidmat ataupun pemberi perkhidmatan ini yang telah dicukaikan? Apa yang saya tahu, hanya *iFlix* dan juga *Astro*. Lain-lain itu saya tidak pasti.

Kalau mengikut pemberitahuan rakan-rakan yang berminat dengan *video streaming* dan juga video-video berkait dengan *online* ini, terdapat lebih kurang empat atau lima yang sangat aktif di Malaysia ini yang belum lagi dikenakan cukai seperti *Spotify*, *Netflix* dan ada dua, tiga lagi pemberi khidmat yang belum dikenakan cukai. Saya rasa perlu kerajaan melihat tentang kesannya terhadap pemain-pemain tempatan.

Satu lagi ialah mengenai dengan syarikat-syarikat yang diberi taraf MSC iaitu *startup companies*, syarikat-syarikat baharu IT yang sedang bertungkus-lumus mendalami teknologi ataupun mencari kaedah-kaedah baharu untuk teknologi ini lebih maju untuk menyumbang kepada ekonomi negara.

■1450

Mereka ini apabila dikenakan cukai perkhidmatan, sudah tentu perkhidmatan mereka terjejas, dalam apa bentuk sekalipun terjejas. Walaupun kita kata, *you can defray your cost* melalui cukai perkhidmatan kerana kita kutip daripada pengguna tetapi ini tidak memberi jaminan kepada mereka untuk terus berkembang.

Saya rasa itu saja yang saya hendak kemukakan pada hari ini dan saya kira undang-undang ini ataupun pindaan undang-undang ini sangat baik dan tepat. Saya menyokong. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang dijemput seorang tokoh kita iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin. Dipersilakan.

Seorang Ahli: Tokoh?... [*Dewan riuh*]

2.51 ptg

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Takut saya dengar, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Tokoh ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Tokoh lah.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Tokoh ya? *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019.

Saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara dan perbahasan saya berdasarkan kepada pemahaman. Ini disebabkan selama ini selalunya apabila ada satu rang undang-undang yang dibentangkan, kebiasaannya Yang Berhormat Senator di Dewan Negara akan diberikan taklimat terlebih dahulu supaya diberi pemahaman tetapi kali ini saya tengok tidak ada satu taklimat diberikan kepada Yang Berhormat Senator. Maka, saya kira pertanyaan saya ini adalah berdasarkan pemahaman dan pembacaan dan juga beberapa kajian dan penyelidikan yang telah dibuat.

Pertama, saya ingin menyentuh tentang kaedah percukaian. Saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian dan pihak kerajaan sama ada cukai 60 peratus yang dicaj kepada- di dalam cukai perkhidmatan ini, adakah ianya dicaj kepada pemberi perkhidmatan asing atau cukai ini dicajkan kepada pengguna yang mana pemberi perkhidmatan ini mengutip bagi pihak kerajaan?

Ini disebabkan apabila saya baca, apabila saya semak, terdapat beberapa pemahaman. Ada yang analisis kata, *tax* ini hanyalah diberikan kepada pemberi perkhidmatan. Ini bermakna *Netflix*. Kemudian mungkin *Netflix* itu ia akan men*imposed tax* to pengguna. Akan tetapi macam *Amazon*, macam *iCloud Google*, adakah mereka ini-adakah *tax* ini di-*impose* kepada pemberi perkhidmatan sahaja yang mana pemberi perkhidmatan mungkin boleh *absorb* cukai ini ataupun cukai ini dikutip bagi pihak kerajaan sebagaimana SST atau pembelian perkhidmatan dan jualan secara fizikal? Itu pertanyaan pertama.

Keduanya, saya ingin bertanya berkenaan dengan fasal 29, yakni yang menyentuh tentang meminda seksyen 34 ini yang mohon berkenaan dengan takrifan- sekejap ya. Fasal 29 ia ada menyentuh berkenaan dengan memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada membayar keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan atau dilevikan ke atas mana-mana perkhidmatan bercukai diimport yang perkhidmatan bercukai itu diberikan.

Saya hendak bertanya berkenaan dengan pengecualian untuk cukai digital ini. Adakah perkhidmatan-perkhidmatan atau item yang telah diberikan pengecualian di dalam cukai SST ini turut dikecualikan dalam cukai digital? Sebagai contoh, kalau kita di dalam SST diberi pengecualian tentang bahan-bahan pendidikan, kit-kit pendidikan, maka adakah sektor pendidikan ini juga turut diberikan pengecualian dalam cukai digital?

Contohnya, seperti kalau anak-anak kita ada *apps, applications* dalam iPad, *preschool applications* contohnya, adakah diberikan pengecualian? Kemudian kalau ada *games, applications* yang berteraskan kepada *education*, adakah diberikan pengecualian? Ataupun *courses* yang melalui *online*. Ini disebabkan sekarang ini banyak universiti-universiti menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang belajar secara *online*. Adakah ini diberikan pengecualian di dalam cukai digital ini? Termasuklah juga *Microsoft, software* yang di-*download* melalui *internet*. Adakah diberikan pengecualian kepada pelajar-pelajar?

Sekiranya kalau tidak diberikan, saya hendak mencadangkanlah supaya perkhidmatan-perkhidmatan yang berteraskan kepada pendidikan ini turut diberikan pengecualian cukai sebagaimana yang dilaksanakan dalam cukai SST.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya berkenaan dengan bentuk-bentuk kekeliruan yang mungkin timbul berkenaan dengan syarikat yang berdaftar yang mempunyai banyak akses *internet protocol* dan mengurus niaga dalam mata wang asing utama. Sebagai contohlah yang kita ambil yang paling mudah adalah kalau kita hendak beli tiket kapal terbang. Kalau kita hendak beli tiket kapal terbang, mungkin dari segi *payment gateway*-nya banyak. Ini maknanya IP protokolnya banyak. So, adakah cukai ini- macam mana dikutip oleh pihak kerajaan?

Seterusnya, saya juga hendak bertanya dengan DFTZ. Ini disebabkan kita tahu DFTZ ini merupakan zon perdagangan bebas digital Malaysia yang telah di-*announced* pada dua tahun yang lepas. Pasti telah ada syarikat-syarikat ataupun persefahaman antara syarikat luar dan Malaysia tentang zon perdagangan bebas digital Malaysia ini.

Maka, saya hendak bertanya, bagaimanakah status kedudukan ataupun kesan-kesan yang boleh berlaku kepada syarikat-syarikat yang telah pun mungkin ada yang telah bersetuju dan juga bagaimanakah kerajaan hendak membezakan antara DFTZ ini? Oleh sebab apa, saya pasti ia akan- apabila ada wujudnya buat cukai perkhidmatan digital ini, pastinya satu modul baharu terpaksa dibina bagi membezakan antara syarikat-syarikat yang sepatutnya menyertai DFTZ ini dan syarikat-syarikat yang telah dan menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan digital ini.

Saya kira itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019 kerana saya kira memang sebenarnya bertepatan dengan masanya. Ini disebabkan kita tengok banyak syarikat-syarikat besar seperti *Google, Netflix* dan *Amazon* yang merupakan *a big player* tetapi kita tidak dapat memanfaatkan pendapatan negara melalui perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam warahmatullaahi wabarakaatuh.* Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah telah banyak keluarkan isu yang baik untuk Yang Berhormat Menteri kita menjawab.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

2.57 ptg.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut menyertai dalam perdebatan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019 untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Tuan Yang di-Pertua, kita baru tadi mendengar ucapan rakan-rakan Ahli Dewan Negara kita menyentuh perkara-perkara mengenai rang undang-undang yang tersebut yang juga ada kaitan tentang perkara yang saya akan sentuh. Namun, saya sekarang hanya akan menyentuh satu sahaja perkara iaitu mengenai ciri-ciri dan prosedur cukai digital. Saya menganggap cukai digital baharu ini mungkin akan memberikan cabaran kepada pihak Kastam dalam pelaksanaan prosedur cukai baharu sebegini. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita memang ada besar harapan kepada kementerian dan pihak Kastam khususnya adalah dalam keadaan siap siaga dalam melaksanakan perkhidmatan cukai ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengambil kesempatan ini berkongsi berita yang baik iaitu baru-baru ini, Isnin yang lalu, kita ada mendengar Kastam di Miri, Sarawak berjaya merampas dadah bernilai RM1.2 *million* dan ada tangkapan. Syabas untuk Kastam.

Mengenai kutipan cukai digital daripada *online shop* dengan pelbagai platform *internet* juga daripada luar negara, apakah ciri-ciri cukai yang akan ditetapkan atau akan dikutip?

■1500

Ada mengenai *royalty* ataupun selain daripada cukai perkhidmatan dan juga saya mahu tanya cukai sebagai dalam *digital shop*. Terletak di Langkawi ya bebas cukai yang di-*register* atau mendaftar dengan kastam dan dia akan menawarkan rokok dan kita beli di internet. Adakah rokok ini ada cukai yang melibatkan *service tax* atau cukai perkhidmatan dan juga kerana Langkawi tempat bebas cukai tidak ada cukai atau *double tax*.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara luar juga sudah ada cara mengutip cukai dengan cara digital umpamanya di negara Amerika Syarikat, Britain, *Singapore* dan sebagainya. Inilah diterima di negara-negara OECD juga. Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak perkara-perkara saya sudah dibualkan tadi. Kita tahu pendaftaran ini bermula Oktober 2019 dan soalan saya, bilakah implementasi rang undang-undang ini akan jadi? *Thank you.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai ya dan kita tunggu jawapan karang.

Sekarang satu lagi tokoh kita Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Dipersilakan.

3.02 ptg.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman. Saya suka bila hendak bahas Yang Berhormat Timbalan Menteri dia senyum, jadi semangat sikit.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mengalu-alukan peri cadangan cukai terhadap perkhidmatan digital. Namun pun begitu saya ingin menegaskan bahawa saya ialah antara yang tidak bersetuju sekiranya kalau rakyat marhaen, orang kampung, pemain-pemain yang kecil dicukaikan.

Implikasi perkhidmatan digital akan memberi implikasi langsung kepada mereka yang kecil mahupun yang tauke-tauke besar. Seperti Yang Berhormat Menteri maklum di peringkat global, banyak kerajaan bertungkus-lumus bagaimana hendak mencukaikan tauke-tauke besar ini, *Facebook*, *Google*, *Amazon* dan perkara itu diperdebatkan sehingga menjadikan satu isu moral kenapa syarikat besar ini tidak membayar cukai yang sewajarnya dan malah implikasi perkhidmatan mereka inilah yang langsung digunakan oleh mereka serata di kampung lah.

Jadi, apabila Yang Berhormat Menteri membuat keputusan atau kerajaan membuat keputusan untuk mengenakan cukai terhadap perkhidmatan digital ini. Soalan saya pada Yang Berhormat Menteri ialah, bagaimana Menteri melihat perkara ini adil di kala mereka yang mengaut keuntungan yang besar? Kita tidak mendapat cukai- bantu saya Dewan yang mulia ini, mungkin Menteri boleh jelaskan setakat hari ini. *Facebook* dia bayar cukai dekat kita berapa? Soalan saya spesifik. *Google* dah bayar cukai dekat kita berapa? *Amazon* dah bayar cukai dekat kita berapa?

Jikalau mereka ini masih lagi belum membayar cukai dengan sempurna kepada Kerajaan Malaysia, kenapa perlu kita mengenakan cukai kepada mereka yang baharu seperti yang dihujahkan oleh rakan saya tadi, ada aspek-aspek digital. Inilah aspek pendidikan. Hatta di dalam harta intelek pun aspek royalti dan sebagainya diberi pengecualian pada aspek-aspek pendidikan. Jadi, saya mahu kerajaan apabila mengambil tindakan ini, bagaimana kerajaan mengimbangi ini. Orang yang mengaut keuntungan dengan orang yang baharu dalam proses kita tahu digitalisasi Malaysia pun kecil.

Point terakhir saya ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri, digital ini bukan lagi *secondary*. Digital adalah *primary*. Maksudnya ialah hak digital ini ialah hak asasi. Malah apabila kerajaan mengambil keputusan menggalakkan digitalisasi, isu akses ini terhadap perkhidmatan apatah lagi kepada rakan-rakan SME yang kecil, mereka di kampung itu bukan lagi isu biasa, dah jadi isu *human right*.

Jadi, saya mohon Yang Berhormat Menteri apabila membuat keputusan ini, dalam saya mengalu-alukan ini bagus kita *collect* cukai. Macam dulu kita menatang GST contohnya kerana kita mengandaikan kena semua orang. GST ini beli roti canai dekat kampung pun kena, beli roti canai dekat Bangsar pun kena. Itu antara isu pokok yang apabila kita menentang dulu- yang Pakatan Harapan lah yang saya difahamkan.

Apabila kita mengenakan cukai perkhidmatan digital ini, saya yakin dan saya tahu secara operasinya, implikasinya lebih kurang sama. Kecil pun kena, yang tauke pun kena. Akan tetapi kalau hari ini Yang Berhormat Menteri kata dekat saya, tauke yang besar-besar tadi ini, kita tidak boleh kenakan lagi, persoalan saya kenapa perlu dikenakan kepada yang kecil-kecil ini. Mohon penjelasan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff telah banyak mengemukakan benda-benda yang baik untuk dipertimbangkan dan dibalaskan oleh pihak Menteri kita. Ada lagi siapa? Hendak beri peluang.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya kita ada? Tidak ada. Ada hendak beri peluang. Ada yang hendak bercakap lagi ini. Ha baik. Kalau tidak ada, saya minta. Dah habis ya. Ada sesiapa yang menyokong ini... [Disampuk] Yang Berhormat Menteri, jawab ya.

3.06 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekejap lagi sahabat saya Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Radzi memang bersedia untuk menyokong apabila sampai masa dan ketikanya.

Pertamanya, terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan ini yang menunjukkan betapa kita semua amat- asasnya semuanya bersetuju bahawa mereka yang sepatutnya kenakan cukai perlu membayar cukai. Dalam hal ini, bila kita bercakap khususnya tentang *digital tax* ini, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kita hendak mengenakan suatu *playing field* yang *level*. Sebab penyedia perkhidmatan ini dalam negara dah pun kena.

Jadi, adalah amat tidak adil seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi tadi yang kecil-kecil kena tetapi adalah *threshold* dia itu kan yang kecil sangat itu, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi tadi

yang kecil bawah daripada *threshold* tidak kena, yang lebih daripada *threshold* nanti kena. Jadi ramai akan pergi ke yang kecil ini. Akan tetapi bila dah ramai pergi Yang Berhormat Senator, dia pun nanti lepas *threshold*. Lepas *threshold* dia pun kena juga. So, itu dia punya rasional kenapa *threshold* itu dikenakan.

Jadi, bila kita sebut begini supaya mereka *the big players* yang kebanyakannya adalah berada di luar negara juga harus memainkan peranan mereka untuk membayar *digital tax* ini. Ada tadi soalan menanyakan macam mana hendak minta mereka ini daftar. Satu.

Keduanya, apa elemen yang boleh menyebabkan mereka merasa cukup bertanggungjawab untuk membayar *digital tax* ini kepada kita, kan? Okey, jangan ke mana-mana kita akan jawab selepas ini [Ketawa] Kalau petang-petang ini Tuan Yang di-Pertua, kan.

Bagi menjawab beberapa persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya Haji Ahmad tadi. Bagaimanakah *Digital Service Tax* (DST) dapat dikuatkuasakan kepada *foreign service provider* yang berada di luar negara.

■1510

Seksyen 1A Rang Undang-undang kita ini memperuntukkan bahawa Akta Cukai Perkhidmatan dan Subsidi terpakai kepada *foreign service provider*. Maksudnya kita terangkan, ianya kena kepada mereka yang memberikan servis ini walaupun mereka berada di luar negara. Cukai ini dikenakan bagi memastikan perkhidmatan digital yang diberikan oleh luar negara dikenakan cukai sebagaimana cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan tersebut oleh pemberi perkhidmatan dalam negara yang saya sebutkan tadi. Ini supaya *playing field*-nya, dengan izin, *level*.

Jika berlaku sebarang penyelewengan, pendekatan rundingan antara G2G akan diambil terlebih dahulu. Kita yakin *service provider* luar negara yang nama mereka ini cukup tersohor, antara yang mereka paling takut ialah imej mereka akan tercalar apabila diumumkan kepada dunia mereka ini tergolong dalam kelompok syarikat-syarikat besar tetapi melanggar undang-undang di sesebuah negara. Bagi mereka imej ini adalah imej yang perlu dijaga untuk menjamin-masing-masing syarikat ada dia punya *charter* dia, dan sebagainya dan ini adalah suatu yang amat mereka kawatir sekiranya nanti nama mereka tersenarai dalam kelompok yang tidak membayar cukai itu.

Jadi kita yakin pemain-pemain besar ini akan akur dengan apa yang kita kenakan dan mereka telah membayar cukai kepada negara-negara lain yang telah memperkenalkan *digital service tax* ini di negara-negara lain. Jadi Australia yang sudah kenakan, Singapura yang sudah kenakan semua ini, setakat ini rekodnya mereka- *the big players* ini akur dan kita agak optimis bahawa mereka juga akan akur. Kalau tidak nama mereka akan tercemar kerana tergolong dalam kelompok yang tidak membayar cukai digital.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap. Nak tambah yakin, boleh? Saya faham apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri cuba sampaikan tadi itu sebab dia ada hubungan *diplomacy* yang dikatakan G2G tadi. Oleh sebab saya yakin ketika Malaysia hendak membuat keputusan memperkenalkan MSC dahulu pun. Malah keputusan *censorship, Bill of Guarantee*, semua itu satu keputusan bukan keputusan kita panggil *transactional*. Ia merupakan keputusan yang ada implikasi diplomasi.

Cuma dalam konteks ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang saya tahu setakat saya baru tengok dalam *phone digital* ini, hatta nama-nama besar tadi pun ia dalam proses di negara Amerika lagipun dia lawan. Malah dalam *Asia Wall Street Report* pun tengah berbincang berapa besar patut dikenakan terhadap pemain-pemain yang besar ini.

So, saya fikir di Malaysia ini sehingga hari ini, saya tahu- contohnya pejabat *Facebook*. Ia bukan di sini ia di Singapura. Perkhidmatannya di sini, malah laporannya Malaysia antara paling ramai yang menggunakan. Jadi saya fikir saya hendak faham sedikit lagi boleh tak? Apa strategi kerajaan hari ini dalam kita kata G2G tadi itu, telah dipersetujui, tetapi saya kawatir sebenarnya sikap mereka tak macam itu. Oleh sebab itu minta sedikit penjelasan lanjut.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya, terima kasih. Seperti yang disebutkan tadi, selain daripada G2G punya wadah yang boleh kita gunakan untuk menyelesaikan apa-apa mungkin keingkaran dan sebagainya, saya sebenarnya lebih yakin bahawa syarikat-syarikat besar ini- Yang Berhormat sebut tadi itu memang betul. Mereka dalam aspek cuba *negotiate* berapa peratus yang hendak dikenakan. Itu ya. Mereka akan gunakan sehabis kuat yang mungkin *negotiating power* mereka untuk hendak *negotiate* berapa peratus.

Akan tetapi, setelah dikenakan, dijadikan undang-undang saya amat yakin bahawa *company* yang besar ini memang cukup serius menjaga imej mereka. Jadi kita akan *hold on* dan berpegang kepada itu untuk memastikan bahawa sekiranya mereka ingkar setelah ianya telah menjadi suatu undang-undang untuk kita menggunakan *avenue* ini untuk memastikan bahawa mereka yang sentiasa menjaga imej sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab terhadap perniagaan mereka, amat takut sekiranya nama mereka tercalar kerana melanggar peraturan dan undang-undang di dalam sesebuah negara.

Saya teruskan tadi dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali tadi, tentang mereka yang sudah ada saman, melakukan kesalahan umpamanya apa yang kita sebutkan tadi. Masa hendak keluar itu perlu ditahan dan pastikan mereka bayar saman ataupun penalti dahulu.

Jadi peruntukan di bawah seksyen 30 Akta Cukai Perkhidmatan memberi kuasa kepada *Custom* untuk menghalang mana-mana orang yang mempunyai tunggakan cukai

daripada keluar negara. Perkara ini dilaksanakan melalui penyenaian hitam dengan kerjasama Jabatan Imigresen. Saya ingat tidak tertakluk kepada syarikat ataupun individu yang tidak bayar *digital tax* ini. Kita yang tak bayar kalau Lembaga Hasil- *Income Tax*, kita dan sebagainya, memang kita tahu bahawa sistem ini ada. Dia akan *alert* apabila mungkin kita pergi- kalau tak guna kaunter pun kita gunakan *the scanner* itu, masukkan pasport kita itu nanti biasanya pintu akan terbuka automatik. Kita masuk ke dalam, *face the camera*, masukkan *thumbprint* kita, terbuka sekali lagi kita boleh pergi.

Akan tetapi, bagi mereka yang dalam kelompok yang telah disenaraihitamkan ini, tidak akan mampu untuk melepasi tersebut. Mungkin dia akan pergi secara manual, jumpa Jabatan Imigresen sebelum hendak boleh- dan situ akan di-*highlight*-kan kenapa dia tidak dibenarkan untuk keluar negara.

Seterusnya, sistem untuk elak *scam*. Kita akan mengguna pakai fungsi-fungsi ataupun sistem yang dibangunkan oleh mana-mana *Internet Service Provider* atau teknologi yang bersesuaian bagi memastikan transaksi yang berlaku adalah dari manusia dan bukannya dari komputer. Kita biasakan bila kita hendak akses *something*, nanti dia akan tanya soalan untuk memastikan yang dia berurusan ini secara *online* adalah manusia ataupun sebenarnya dia sedang bercakap dengan *machine*.

Jadi Jabatan Kastam akan sentiasa mematuhi pekeliling ICT dan sentiasa menambah baik infrastruktur ICT jabatan, mendapatkan khidmat nasihat daripada MAMPU, dan kawalan yang ketat ke atas pusat data ICT Kastam bagi mengelakkan *scam* ini berlaku. Yang Berhormat Senator juga bertanya tentang bajet untuk bangunkan sistem dan persediaan tentang *digital service tax* ini. Ini Yang Berhormat Senator Datuk, kita belum dapat tentukan berapa yang perlu kita sediakan untuk membangunkan sistem kita yang tidak boleh di-*hack* dan sebagainya, mengelakkan *scam* seperti yang disebutkan tadi.

Bagaimana hendak daftarkan pemberi perkhidmatan asing, ia akan didaftarkan secara *online* seperti yang kita sebutkan dalam ini. Mereka ini pun kebanyakannya *company* yang *online*. Jadi pendaftarannya juga adalah pendaftaran *online*. *They do not have to be physically present*, dengan izin, di Malaysia untuk buat pendaftaran, isi borang macam selalu, tidak. *They can do it online*. Silakan.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi penjelasan. Saya cuma ada- soalan saya, kenapa kita, kerajaan tidak mewajibkan syarikat-syarikat ini untuk diperbadankan- *incorporated in Malaysia*, dengan izin, diperbadankan dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) supaya untuk menyenangkan kita pantau.

Oleh sebab dari pengalaman saya dahulu saya pernah ada urusan dengan Bank Negara. *Western Union*, kiriman wang antarabangsa, itu pun *one of the digital services and* mereka tidak bayar cukai. Oleh sebab dia tidak ada *physical office* di Malaysia. Akan tetapi saya bangkitkan isu itu dan *at last* Bank Negara *asked them to set up a company* sebagai sebuah Sendirian Berhad Malaysia. Oleh sebab itu *Western Union* juga perlu membayar cukai kepada Kerajaan Malaysia. Itu satu kenapa tidak kita *incorporated this company in Malaysia*.

Kedua, mengenai manipulasi pelanggan-pelanggan ataupun, dengan izin, *subscriber to the service. How do we know how many subscribers*, dengan izin, yang *subscribes to the service*, iaitu mengenai volum transaksi mereka?

■1520

Kita susah hendak kenal pasti kerana ini canggih dan dokumen ataupun rekod yang mereka bekalkan, bagaimana kerajaan hendak pastikan itulah rekod yang betul yang kena di cukai? Itu soalan saya. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Alan Ling Sie Kiong. Saya ingat dalam kes *Western Union* tadi, *transaction* itu tidak berlaku *online*. Contohnya warga Indonesia yang berada di sini bekerja yang halal ataupun yang tidak halal, yang tanpa izin, dia pergi *physically present at the outlet* itu, bayar berapa banyak yang dia *intend* hendak hantar balik ke kampung dia apa semua. Maknanya dia *physically present* dekat situ. Saya ingat rasanya sebab itu Bank Negara akhirnya minta supaya mereka *establish themselves* di sini supaya itu mudah dipantau.

Akan tetapi, ini kita bercakap tentang syarikat-syarikat yang memang *physically* mereka itu memang tidak duduk di sini, mereka beroperasi daripada luar negara. Jadi untuk memandatorikan mereka *set up office* di Malaysia, saya ingat itu suatu *something* yang agak sedikit keluar daripada norma perkhidmatan masa kini. Akan tetapi, apa pun, kita benarkan untuk mereka mendaftar secara *online* dan kenapa perlu mereka bayar, banyak mana apa semua itu, macam saya telah sebutkan kepada soalan daripada Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi tadi. Ini kerana ini *new concept* ekonomi baru dunia dan yang menggunakan *cross border transaction*.

Untuk menjawab berapa banyak *subscribers* yang ada, apakah mungkin berlaku penipuan deklarasi daripada syarikat tersebut- dia dapat 100,000 yang *download* dan mendapat perkhidmatan dia dan dia pun kutip RM100,000 punya cukai tetapi sampai dekat kita RM50,000 sahaja kan. Itu saya tidak dapat lagi jawapan. Tunggu *sat* dari belakang [*Ketawa*] *Just* nak *recap* kata itu soalan Yang Berhormat Senator Ling yang cukup relevan bagaimana nanti sudah sampai dari belakang, saya akan beritahu pada Dewan yang mulia ini.

Tadi saya sudah- okey, jangkaan kutipan cukai yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rabyiah tadi. Ini belum kita dapat pastikan lagi. Ia bergantung kepada *engagement* yang akan kita laksanakan oleh MoF dan juga Jabatan Kastam. Ia bergantung pula kepada *potential* mereka yang hendak bayar cukai ini sama ada mereka bersedia imej mereka dicalarkan kerana menyediakan perkhidmatan tanpa ini. Itu tidak dapat kita hendak pastikanlah berapa yang dapat kita *benefit* nanti.

Kemudian, persediaan kastam untuk kutip hasil. Ini kita bekerjasama dengan institusi bank dan kita jadualkan dalam program *engagement* dalam program *awareness* yang dapat kita lakukan dan menggalakkan seramai mungkin untuk berdaftar dan kemudiannya membayar.

Okey, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling tadi. Kastam akan menjalankan audit berdasarkan dokumen syarikat dan akan adakan inisiatif dengan negara luar G2G supaya audit itu boleh dijalankan. Kita akan cuba sebaik mungkin untuk dapatkan data-data ini. *Failing which* mungkin kita terpaksa *accept* ataupun saya ingat nanti mungkin ada caranya melalui agensi digital negara kita yang boleh *keep track* berapa banyak *download* yang dibuat yang berbayar dan sebagainya sebagai satu garis panduan untuk melihat sama ada cukai yang dibayar itu adalah yang sepatutnya dibayar dan tidak berlaku maknanya manipulasi daripada pihak mereka.

Bagi menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat tadi, *threshold* syarikat yang tidak capai RM500,000 ini memang tidak perlu daftar dan tidak perlu dicukaikan kerana kita merasakan ini adalah syarikat-syarikat yang kecil. Macam yang disebut tadi, kalau dia berada di dalam kategori syarikat yang kecil, kemudian selepas itu dia tengok dia kecil, pergi kepada syarikat itu dengan harapan *client* dia juga tidak dikenakan cukai perkhidmatan, lama-lama orang *pi* dekat dia, dia pun sudah jadi *besaq*, dia pun kena *bayaq* kan. Jadi kawan kita *hat* sebelum ini yang kena- tetapi dia sudah daftar sudah kan. Jadi, dia punya falsafah di belakang itu, Yang Berhormat Senator, ialah mereka adalah syarikat yang kecil dan bila sudah sampai masa dan ketikanya, mereka memang perlu kena bayar.

Kemudian bilangan syarikat yang didaftar bawah cukai perkhidmatan. Saya ingat yang ini yang tempatan termasuk syarikat luar negara yang di-*establish* di Malaysia seperti yang Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling sebut tadi. Syarikat luar negeri ini akan dianggap sebagai syarikat tempatan kerana telah *establish* di dalam Malaysia. Kalau saya hendak sebutkan di sini, bilangan orang ataupun syarikat yang berdaftar untuk membayar cukai perkhidmatan sehingga 30 April 2019 ialah seramai 49,350 individu ataupun syarikat. Yang paling banyak sekali, seperti yang kita jangkakan, ialah Wilayah Persekutuan. Ini *service*

center di sini. Diikuti oleh Selangor sebanyak 11,000, diikuti oleh Johor sebanyak 5,000, Pulau Pinang sebanyak 3,300 dan seterusnya pergi yang paling sedikit adalah Perlis sebanyak 39 dan Labuan sebanyak 70. Jadi bilangannya ialah 49,350, hampir 50,000 yang berdaftar.

Okey, yang ini saya ingat saya sebut tadi bagaimana hendak uruskan pendaftaran dalam *foreign service provider* ini. Ia akan dibuat secara *online*.

Saya berpindah kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah- tokoh yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Bangkitlah sedikit, Yang Berhormat. Tokoh!

Pengecualian yang telah diberikan sekarang di bawah cukai jualan dan cukai perkhidmatan tidak terpakai kepada *digital tax*. Ya, memang kalau cukai jualan, ia tidak terpakai kepada *digital tax*.

Pada masa ini, tiada keputusan yang dibuat untuk memberi pengecualian kepada mana-mana produk ataupun syarikat. Akan tetapi, Kementerian Kewangan mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat dan seperti biasa, sebagai sebuah kerajaan yang mendengar suara hati rakyat, kalau lobinya itu kuat dan ia adalah suatu yang kita rasakan memberikan kesan- kita setuju, memang *online* punya kalau kita *download* untuk pendidikan anak-anak kita dan sebagainya dan kalau dikenakan ini menyebabkan ramai akan terkeluar daripada mereka yang mampu untuk ini seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Yusmadi tadi, kerajaan sedia mendengar. Yang Berhormat Dato' Fahariyah boleh mulakan lobi yang kuat untuk memastikan bahawa ini dapat dikecualikan.

Kemudian mekanisme kutipan cukai perkhidmatan. Ia akan dikenakan oleh *service provider* tersebut. Ia akan masuk siap-siap. Kalau kita kenakan enam peratus, kalau sebelum ini dia cajkan untuk *download* itu RM100, maka dia akan *add on* enam peratus di situ. Dia yang kutip *on behalf of the government*, kemudian dia akan bayar. Sebab itu timbul isu yang Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling sebut tadi, dia kutip tetapi dia tidak bayar kepada kerajaan. Jadi, kita perlu adakan satu mekanisme untuk audit tersebut dan memastikan bahawa apa yang dikutip daripada rakyat Malaysia itu akhirnya dibayar kepada kerajaan.

■1530

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Mohon menceleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Cuma saya hendak bertanya kalau tadi Yang Berhormat Menteri kata *tax* itu akan dikutip, *di-impose* kepada rakyat dan kemudian dikutip bagi pihak kerajaan. Soalan saya, adakah syarikat-syarikat ataupun pembekal perkhidmatan ini dikenakan *corporate tax*? Ini kerana saya rasa seharusnya syarikat-syarikat ini yang diperlukan dikenakan *corporate tax*, sebab apa? Dia mendapat faedah daripada rakyat kita.

Kalau katalah macam *Google* contohnya *Google* dapat berbilion ringgit daripada *i-Cloud* yang dikenakan tetapi dia tidak dikenakan *tax*. Dia tidak dikenakan *corporate tax*. Maksud saya memang satu dengan mengenakan cukai ini maknanya Tuan Yang di-Pertua, dia sebenarnya lebih membebaskan rakyat daripada membebaskan syarikat.

Kita kalau boleh kalau kita hendak kenakan *digital tax* ini baiklah kita mengenakan *corporate tax* yang berbentuk digital atau sebagainya yang dikenakan kepada syarikat tersebut sebagai pemberi perkhidmatan *rather than you impose the tax to the people* yang sebab saya pun *subscriber Netflix* juga kan. Tidak fasal-fasal saya kena bayar lagi 6 percent kan. Contohnya lah Tuan Yang di-Pertua. Ya?

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Boleh mencelah?

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Boleh.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Saya celah.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Celah ke celah.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Celah mencelah, boleh? Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Saya menarik dua atau tiga hari ini perbincangan bercakap soal cukai, cukai, cukai. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut saya dengar dengan jelas ayat kerajaan yang prihatin tetapi kalau dah *Netflix* pun kena cukai apa cerita? Minta pandangan Yang Berhormat sedikit.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tanya saya sebagai *subscriber Netflix* dan juga *Spotify* ini saya tidak setuju lah. Ini kerana itu adalah sebagai salah satu- sebab apa, contohnya ya sebab saya ada juga ramai kawan yang sebelum ini *subscriber* kepada *Astro*. Akan tetapi *Astro* kadang-kadang ini satu *services* dia agak kadang-kadang dengan bila ada hujan sahaja gangguan akan berlaku. Selepas itu yang keduanya kosnya adalah lebih mahal daripada berbandingkan dengan *Netflix* sedangkan kita yang bekerja kadang-kadang tidak tengok TV sangat pun. Kita kadang hendak tengok *certain channels* atau pun *certain movie* sahaja.

So, ramai yang *subscribed to the Netflix* dengan sebab kosnya lebih murah dan mengurangkan bebanan dan kos sara hidup ini. So, maka kalau katalah dikenakan cukai itu kepada rakyat berbanding daripada kepada syarikat ataupun pemberi perkhidmatan, ia lebih membebaskan rakyat daripada mengenakan cukai kepada *corporate* yang memang sudah berbilion untungnya. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Okey, terima kasih. Pertamanya kita tidak ada *jurisdiction* pada mana-mana syarikat yang berdaftar di negara di mana ia didaftarkan. So, untuk kita kenakan *corporate tax* pada dia memang tidak bolehlah.

Keduanya macam saya sebutkan tadi kita perkenalkan *digital tax* ini ialah supaya untuk berlaku adil kepada *service provider* yang ada dalam negara yang memang bayar *service tax* ini. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah tadi, syarikat apa tadi yang bila hujan tidak ada? *Astro*, fasal saya tidak *install Astro* la *kot* agaknya la, lupa. *Astro*, mereka dikenakan.

Jadi amat tidak adil untuk syarikat tempatan yang berada dalam negara kita ini kita kenakan sebab dia merupakan satu servis, lalu kita membiarkan. Sebenarnya hendak sampai ke peringkat untuk kita masukkan pindaan dalam ini pun satu perbincangan yang cukup panjang. Kita *benchmark* dengan *practices* yang dibuat di negara-negara yang lain. Saya tidak bawak tetapi di Parlimen itu ada data itu dengan saya.

Sebenarnya yang kita kenakan ini peratusan sebanyak enam peratus ini, kalau kita *benchmark* dengan negara-negara lain yang dah pun kenakan *digital tax* ini, maknanya kita punya cukup rendahlah. Australia kalau tidak silap saya *is double digit*. Cuma saya tidak-kalau ada yang di belakang ini ada maklumat itu boleh saya bacakan dan ia memang dikenakan- syarikat yang akan kenakan kepada pengguna tempatan dan kemudiannya mereka akan bayar kepada kerajaan kerana telah *register* dengan kita.

Cuma kerisauan Yang Berhormat ramai tadi ialah *will they be honest enough* untuk bayar yang dia kutip, kemudian dia bayar sepenuhnya kepada kerajaan yang antara isu yang perlu kita lihat untuk memastikan bahawa di sana juga berlaku sebarang keadilan.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua saya sikit sahaja dalam isu memandangkan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap sebenarnya dalam Kabinet untuk membuat keputusan ini pun satu keputusan yang besar. Tadi kan, andaian tadi kan? Jadi bagi saya, saya takut di kala anak-anak muda ini, sekarang hari ini dia masuk dalam bidang keusahawanan ini sangat lah berorientasikan digital.

Adakah kajian oleh kementerian sebelum tukar sini apabila mengenakan cukai ini, usahawan-usahawan muda ini, anak-anak muda yang rata-rata saya rasa agak berjaya dari segi usaha sendiri, ada implikasi atau tidak? Ini kerana saya tahu rata-rata anak muda yang menggunakan perkhidmatan digital apabila cukai ini dikenakan- ada kajian atau tidak? Kalau ada jelaskan sikit, kalau tidak adapun tidak apa sebab saya risau. Ini kerana saya rasa benda itu berlaku banyak di sini, satu.

Kedua kalau boleh tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan rata-rata di Lembah Klang inilah tempat cukai ini akan *collect* banyak, okey. Kita mengalami banyak

masalah *digital literacy* di desa. Saya mahu menggesa kerajaan mengadakan satu dasar ambil cukai pengguna-pengguna *digital literacy* perkhidmatan yang ini tetapi kembalikan untuk usaha-usaha *infra-digital* di desa-desa? Ini kerana saya kalau itu berlaku saya rasa ada sedikit dipanggil *al adlu bil ihsan*, isu adil tadi itu.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff yang semalam saya pun baru dapat berkenalan rapat dengan dia. Rupanya ustaz daripada muda lagi Sekolah Al-Masyhur, Kolej Islam Klang, apalah semua lah ya. *Syukran, syukran ustaz.*

Ya, saya ingat *digital divide* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator tadi ialah antara perkara yang menjadi fokus utama Kementerian Komunikasi dan Multimedia supaya peluang yang sama rata akan didapati antara bandar dan luar bandar dari segi *infrastructure*-nya dan sebagainya supaya perkara ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat. Bila hasil negara bertambah, sudah tentu antara perkara yang akan dilihat untuk mengurangkan kesenjangan ataupun *divide* antara digital di antara bandar dan luar bandar.

Tadi yang saya sebutkan *figures* tadi Yang Berhormat adalah pemberi perkhidmatan pelbagai. Tidak semestinya digital sahaja lah yang dalam negara yang saya sebutkan tadi itu. Kembali kepada bila kita *benchmark* tentang kadar yang dikenakan di negara-negara lain, ia setinggi 25 peratus bagi Norway. Kemudian Rusia 18 peratus, New Zealand 15 peratus dan Australia 10 peratus. So, berbanding dengan kita enam peratus orang Mandarin kata *sap-sap soi* lah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian saya pergi kepada Yang Berhormat Alan Ling Sie Kiong saya sudah sentuh tadi, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah Hj. Md Nordin pun dah ini. Kemudian yang berkenaan dan yang dibangkitkan oleh Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff tadi pun yang ini ada saya telah jawab sebelum ini. Cuma ditanya berapa cukai yang dibayar oleh *Google, Facebook* dan sebagainya.

Saya ingat oleh kerana mereka ini berpangkalan di luar, so dia tidak relevan lagi lah dalam bentuk sekarang ini. Saya ingat oleh kerana dia berpangkalan di luar, so selepas daripada kita luluskan undang-undang ini saya ingat- kecuali kalau ia *establish office* di sini, maka kita akan kejar dia melalui *corporate tax* lah. Akan tetapi kebanyakannya ialah berpangkalan di luar jadi, saya ingat itu tidak lagi. Jadi, bila Yang Berhormat sokong sepenuhnya rang undang-undang ini kita akan mula kejar mereka lepas ini, *insya-Allah*.

■1540

Kemudian Yang Berhormat Datuk Paul Igai tadi- ciri-ciri cukai yang dikenakan- okey yang agak *interesting* tadi Yang Berhormat tanya dia jual rokok *online* berpangkalan di Langkawi. Saya hendak inilah sikit, saya ini orang Kedah ini fasal apa sebut Langkawi pula

kan [*Ketawa*] Secara *online*- barang seperti rokok yang dibeli secara *online* tidak dikenakan *digital tax*. Ini kerana-*digital tax*, hanya dikenakan ke atas perkhidmatan. So, barang yang dibeli secara *online* apabila diimport ke dalam Malaysia adalah dikenakan duti import dan cukai jualan. So, dia bukan cukai perkhidmatan digital dan bila tarikh pelaksanaannya Yang Berhormat ialah tarikh keramat 1 Januari 2020 ya.

Saya ingat Tuan Yang di-Pertua yang saya mungkin sudah sentuh semua yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian. Jadi saya rasa itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Satu sahaja lagi, satu lagi saya mohon *just tax clarification* supaya- sebab ini adalah persoalan yang ditanya kepada saya apabila kita membincangkan tentang *digital tax* ini.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau katalah *Facebook*, sebab sekarang ini *Facebook* pun dia sudah ada dua. Satu *personal Facebook*, satu lagi dia ada *Facebook ads* yang mana kebanyakan *entrepreneur*, orang-orang muda, golongan muda membuat *business* mereka melalui *business ads*, *Facebook ads* dan kemudian di *Instagram* dan *WhatsApp ads* dia sudah ada *business entity* di dalam *Facebook* itu sendiri.

Kalau *Facebook* itu *free* sebab *Facebook personal*, tetapi *Facebook ads* ini ada yang bayaran minimum dan sebagainya. Maka saya hendak bertanya tentang pemahaman, mohon pencerahan dan pemahaman terhadap katakanlah kalau kita *download Facebook* ini sepatutnya dia *free*. So maknanya dengan adanya *digital tax* ini maknanya sekarang ini sudah kena bayarlah dia punya *tax*, betul? Tak betul? Okey. So, maknanya kalau digital, kalau katalah orang muda buat *business* melalui talian *Facebook* ini tak perlu bayar ya? Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, konsepnya ialah apabila pemberi perkhidmatan digital ini mengenakan perkhidmatan itu secara berbayar yang *personal Facebook* macam Yang Berhormat sebut tadi itu dia *free*. So, bila dia *free*, *free* lah kan. Akan tetapi bila dia *download* atau digunakan itu berbayar maka *digital tax* itu akan terpakai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Lama betul saya dengar cerita wang ini, sedap didengar. Teringat saya, apa paksi itu, amanah, cermat, itu dia. Itu mustahak, bak kata orang tua tadi.

*Kalau ladang elok jadinya;
Di kawal petang dan pagi;
Jika cermat besar manfaatnya;
Orang amanah jarang-jarang ditimpa rugi... [Dewan Tepuk]*

Cukup ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 52** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi (Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEVI PELEPASAN 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.46 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Bangun lagi Tuan Yang di-Pertua. *Last, last* lah.

Timbalan Yang di-Pertua: Setuju Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: *[Ketawa] Insya-Allah, insya-Allah.* Hari ini sempat *insya-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pengenaan levi pelepasan ke atas orang yang meninggalkan Malaysia dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019 yang dicadangkan adalah bertujuan untuk mengenakan levi pelepasan kepada mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia selaras dengan pengumuman Belanjawan 2019.

Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019 yang dibentangkan pada hari ini telah digubal secara umum selaras dengan amalan semasa di dalam penggubalan apa-apa perundangan percukaian. Pendekatan yang diambil ini bukan sahaja dapat memastikan rang undang-undang yang digubal ini bersifat adil dan menyeluruh, tetapi ianya juga memudahkan apa-apa proses perubahan atau penambahbaikan yang akan dilaksanakan kelak. Kuasa yang diperuntukkan kepada Menteri Kewangan juga akan digunakan bagi tujuan memberi pengecualian kepada mana-mana pihak dari membayar levi pelepasan.

Levi pelepasan yang dicadangkan ini akan hanya dikenakan kepada penumpang keluar negara yang menggunakan pengangkutan udara sahaja. Ulang siaran, levi pelepasan yang dicadangkan ini akan hanya dikenakan kepada penumpang keluar negara yang menggunakan pengangkutan udara sahaja. Jadi yang berjalan kaki, tak kenalah Tuan Yang di-Pertua.

Berdasarkan kepada dasar yang ditetapkan, levi pelepasan yang akan dikutip oleh pengendali iaitu operator pengangkutan yang membawa orang meninggalkan Malaysia sebagai contoh oleh kerana levi pelepasan akan dikenakan kepada penumpang pengangkutan udara, maka syarikat penerbangan adalah diwajibkan untuk berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan seterusnya mengutip levi pelepasan dari penumpang.

Operator pengangkutan udara ini termasuk mereka yang menyediakan perkhidmatan jet peribadi atau helikopter, sama ada secara sewa khas ataupun catar. *Charter* lah itu. Di dalam pembentangan Belanjawan 2019 pada 2 November 2018 yang lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa kadar levi yang dicadangkan adalah RM20 bagi penumpang ke negara ASEAN dan RM40 bagi penumpang ke negara lain. Namun begitu, terdapat cadangan supaya kadar yang dicadangkan tersebut dapat disemak semula. Ini bagi memastikan ianya lebih kompetitif dan bersifat adil dengan mengambil kira kelas penumpang yang terdapat di dalam pengangkutan udara.

■1550

Sehubungan itu, kajian sedang dijalankan di dalam menentukan kadar levi yang paling bersesuaian untuk dikenakan dan cadangan kadar berdasarkan kajian ini akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan. Sebaik ia diluluskan, kadar tersebut akan diwartakan.

Pengecualian. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan cadangan kerajaan untuk mengenakan levi pelepasan ke atas orang yang meninggalkan Malaysia dengan pengangkutan udara sahaja, maka operator pengangkutan berikut telah dicadangkan untuk diberi pengecualian dari mengenakan levi pelepasan. Operator yang terlibat:

- (i) operator pengangkutan yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan air seperti kapal persiaran, feri dan bot penambang dan operator pengangkutan darat seperti kereta api, bas ekspres dan teksi; dan

Ya, ini tidak kena sebab yang kena tadi itu hanyalah yang keluar negara melalui penerbangan.

- (ii) operator pengangkutan komersial yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara secara *charter* bagi pengangkutan pekerja ke pelantar minyak atau platform yang seumpamanya dan jabatan kerajaan termasuk kerajaan luar negara yang ada menyediakan perkhidmatan pengangkutan penumpang.

Selain itu, pengecualian dari membayar levi juga akan diberikan kepada orang yang berada dalam kategori berikut:

- (i) bayi dan kanak-kanak berumur 24 bulan ke bawah;
Jadi kalau bayi atau kanak-kanak 24 bulan dan ke bawah terbang pergi ke negara ASEAN ataupun mana-mana negara, ia dikecualikan dari membayar levi pelepasan ini.
- (ii) penumpang transit tanpa mengira tempoh transit dan atau telah memasuki Malaysia semasa tempoh transit;
Ini dikecualikan.
- (iii) orang yang meninggalkan Malaysia dengan berjalan kaki atau memandu sendiri kenderaan seperti motosikal, kereta, bot atau kapal terbang; dan
- (iv) anak kapal ataupun kru yang sedang bertugas.

Berhubung dengan persoalan sama ada penumpang keluar negara bagi tujuan mengerjakan haji dan umrah perlu membayar levi pelepasan, ia akan terjawab apabila cadangan berkenaan perkara ini dibentangkan dan dimuktamadkan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri.

Tarikh kuat kuasa. Levi pelepasan ini dicadangkan untuk berkuat kuasa mulai 1 Julai 2019 ataupun mana-mana tarikh yang ditetapkan oleh Jemaah Menteri nanti.

Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal mengenai Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019. Rang undang-undang ini mempunyai 11 bahagian yang terdiri daripada 64 fasal seperti berikut.

Bahagian I iaitu Fasal 1 hingga 3 memerihalkan tajuk ringkas, kuasa Menteri Kewangan bagi menetapkan tarikh efektif penjelasan mengenai penggunaan akta yang terpakai di dalam dan luar negara serta takrifan kepada perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam akta.

Fasal 4 hingga 8. Bahagian ini adalah berkaitan dengan pentadbiran levi pelepasan oleh pihak yang diberi kuasa di bawah akta ini. Antaranya melibatkan kuasa Ketua Pengarah untuk membuat pengawasan ke atas semua perkara yang berhubung dengan levi pelepasan.

Fasal 9 hingga 12 berkaitan pengenaan dan skop levi pelepasan, penetapan kadar levi serta peruntukan bagi pembayaran balik levi pelepasan dan kuasa Ketua Pengarah untuk mengurangkan atau tidak membenarkan pembayaran balik levi pelepasan.

Fasal 13 hingga 16. Bahagian ini adalah berkenaan keperluan pendaftaran bagi pengendali sebagai orang berdaftar.

Fasal 17 hingga 30. Bahagian ini menerangkan perkara berkaitan rekod, penyata, taksiran dan peruntukan bagi mendapatkan balik levi pelepasan.

Fasal 31 hingga 34. Bahagian ini menerangkan perkara berkaitan pengecualian, peremitan dan pembayaran balik levi pelepasan.

Fasal 35. Bahagian ini adalah berkaitan dengan kuasa pegawai kastam berhubung tindakan penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan.

Fasal 36 hingga 44. Bahagian ini menjelaskan peruntukan berkaitan kesalahan antaranya melibatkan kesalahan berkaitan menghalang tugas pegawai kastam, penghantaran penyata yang tidak betul, pelarian levi dan fraud. Amaun denda dan penalti serta tempoh hukuman penjara termasuk penalti am juga diperuntukkan di dalam bahagian ini.

Fasal 45 hingga 54. Bahagian ini memerihalkan perbincangan dan prosiding mahkamah. Sebagai contoh, berkenaan hal pendakwaan, beban pembuktian, obligasi kerahsiaan, perlindungan pemberi maklumat, penyampaian saman, kompaun dan perintah mahkamah.

Fasal 55 hingga 62. Bahagian ini menjelaskan peruntukan pelbagai. Antaranya melibatkan penghantaran Notis, penggunaan perkhidmatan elektronik, permohonan semakan dan pemberian Notis dan penyediaan badan levi perkhidmatan oleh pelikuidasi syarikat yang digolongkan.

Fasal 63 hingga 64. Bahagian ini menetapkan perkara berkaitan semasa tempoh peralihan dan peruntukan berkenaan layanan semasa tempoh peralihan iaitu ke atas pembayaran yang telah dibuat sebelum tarikh kuat kuasa ditetapkan. Mana-mana bahagian atau keseluruhan bayaran yang telah dibuat oleh penumpang sebelum 1 Julai 2019 adalah tidak dikenakan levi pelepasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan levi pelepasan ke atas orang yang meninggalkan Malaysia dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai tokoh-tokoh kita hendak berucap petang ini. Hari ini ada 12 orang Ahli Yang Berhormat hendak bercakap. Bagus, ini bagus, tenaga bagus ya.

Sekarang saya mulakan dengan Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen. Dipersilakan.

3.57 ptg.

Dato' Ong Chong Swen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk berbahas Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019.

Pada masa kini, terdapat terlalu banyak isu yang perlu diatasi dengan segera. Projek-projek besar memakan masa sekurang-kurangnya beberapa tahun sebelum hasilnya dilihat atau dirasai rakyat jelata. Bila disebut ECRL, *One-Belt One-Road Initiative*, dan lain-lain, kontraktor dan industri-industri yang berkaitan akan rasa teruja, tetapi orang awam tidak akan dapat merasa manfaat langsung dari projek-projek ini dalam masa singkat. Kos kehidupan masih tinggi, pendapatan masih kurang dan hasil dari projek hanya akan dirasai selepas projek ini disiapkan.

Negara kita perlu mencari peluang untuk menaikkan taraf hidup rakyat dengan industri yang sedia ada. Salah satu daripadanya adalah industri pelancongan. Ini boleh dikatakan sebagai angsa yang bertelur emas. Negara kita mempunyai syarat yang sangat bagus untuk menjadikan pelancongan sebagai salah satu industri yang amat menguntungkan dengan keunikan budaya *multiracial* dan tempat-tempat peranginan yang bertaraf antarabangsa.

Pada masa sekarang, kerajaan masih mengenakan cukai pelancongan RM10 satu malam setiap bilik dari pelancong dari luar. Oleh itu, tidak wajar mengenakan lagi satu cukai pelepasan yang begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara lain juga mempunyai pelbagai cukai pelancongan dan levi pelepasan, namun negara-negara itu adalah negara yang menerima terlalu ramai pengunjung sehingga terpaksa mengenakan cukai. Hasil kutipan yang dikutip ini dikatakan adalah untuk memelihara tempat pelancongan kerana pengunjung ini menyebabkan gangguan dan meninggalkan sisa pepejal, dengan izin, *solid waste*.

■1600

Namun dari segi pelancongan, Malaysia masih kalah kepada negara-negara lain seperti Thailand, Singapura, Jepun dan negara-negara Eropah lain. Malaysia selalu dijadikan

sebagai, dengan izin, *pit stop* sementara melawat Singapura atau Thailand dan bukan destinasi yang utama. Tambahan pula Kerajaan Pakatan telah *U-turn* beberapa kali dengan polisi-polisi, terutama mengenai negara China, Singapura dan Eropah. Ada pula Yang Berhormat Menteri yang pernah berkata ingin *declare war*, dengan izin, untuk minyak kelapa sawit dengan negara-negara EU, menyebabkan ramai pelancong dari negara-negara ini terus mengecualikan Malaysia.

Puan Raj Murni binti Sabu: ...Yang Berhormat...

Dato' Ong Chong Swen: Semasa merancang pelan pelancongan ke *South-East Asia*...

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Dato' Ong Chong Swen: Kalau boleh, biar saya terus ya. Selain itu, yang ini juga disebut pada Dewan Rakyat, Malaysia adalah *signatory* kepada *ASEAN Tourism Agreement*, dengan izin, di mana kita sepatutnya menyokong dan memudahkan pelancongan dan pengunjung di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, kos levi pelepasan dari RM20 hingga RM40 yang dicadangkan juga terlalu tinggi. Di negara Jepun, baru-baru ini mereka memperkenalkan *Sayonara Tax* untuk mereka yang meninggalkan Jepun dan ini hanya ¥1,000 atau RM37. Kita jangan lupa bahawa Jepun mempunyai kos sara hidup yang jauh lebih tinggi dua atau tiga kali ganda dari Malaysia. Di Perancis pula contohnya, bandar Paris menerima 40 juta pengunjung pada tahun 2017, tidak mengenakan levi pelepasan.

Namun, cukai pelancongan mereka hanya sekitar €0.20 ataupun €0.93 hingga €4 ataupun RM19 untuk satu bilik. Negara Espanol yang menerima 130 juta pengunjung pada tahun 2017 mengenakan cukai pelepasan €7 ataupun RM32. Cukai pelancongan pula tidak melebihi €4 satu hari setiap orang.

Apakah pula justifikasi kita untuk mengenakan cukai yang begitu tinggi? Memandangkan negara kita tidak mempunyai bilangan pelancong yang tinggi berbanding negara-negara ini. Adakah negara kita sudah puas hati dengan bilangan pelancong yang masuk dan tidak mengalu-alukan pelancong datang ke negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, juga saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah jaminan dari kerajaan yang hasil kutipan ini akan digunakan untuk manfaat rakyat dan manfaat sektor pelancongan? Contohnya di Singapura, *Singapore Tourism Board* mendapat peruntukan lebih dari SGD200 juta untuk tahun 2018. Baru-baru ini pula kita lihat pertikaian antara Malaysia dan Singapura tentang makanan dan asal usulnya, dengan izin, *fight for ownership of food*. *Netflix* melancarkan satu program *Street Food* di Asia yang langsung tidak melibatkan Malaysia.

Namun, Kerajaan Singapura telah membuat promosi yang secukupnya. Menteri Pelancongan kita pula dalam *response* menyatakan bahawa ini satu kebetulan, dengan izin, *coincidence* dan menyatakan semua promosi sudah pun dilakukan. Walau bagaimanapun, pada pendapat saya, Kementerian Pelancongan tidak menunjukkan lebih bahawa mereka membuat segala promosi yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga seolah-olah telah melupakan golongan yang melancong atas keperluan. Ya, kerajaan akan memberi pertimbangan istimewa untuk umrah kali pertama ke Mekah, pada awal-awal diberitahu di Dewan Rakyat. Bagaimana pula untuk penganut Hindu dan *Buddhist* ke India atau China? Macam mana pula untuk pergi belajar, kerja dan sebagainya? Jangan dilupakan pula ada golongan yang mungkin perlu mendapat rawatan perubatan di negara lain.

Bukan semua yang keluar negara untuk tujuan makan angin sahaja. Kerajaan walaupun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada diberitahu jaminan levi ini hanya untuk penerbangan udara. Akan tetapi saya masih ingat di Dewan Rakyat ada diberitahu, mengesahkan levi pelepasan 2019 tidak dijelaskan hanya untuk penerbangan.

Oleh kerana RUU Levi Pelepasan supaya pada masa yang depan jika levi pelepasan ini perlu untuk kenderaan ataupun cara yang lain, tidak perlu lagi pindaan RUU pada masa depan. Bukankah ini akan memberi kesan buruk kepada operator tempatan? Kerajaan perlu cari wang tetapi jangan hanya kutip wang dari rakyat dengan berbagai-bagai cukai. Cukai ini akan menjadi satu beban kepada rakyat. Pelancong luar akan memilih tempat-tempat lain jika kita mengira segala cukai pelancongan, cukai pelepasan dan sebagainya. Saya rasa tidak wajar.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kerajaan memikir strategi untuk memulihkan ekonomi dan bukan hanya cara mengenakan cukai kepada...

Puan Raj Murni binti Sabu: Yang Berhormat..

Dato' Ong Chong Swen: Habis sudah, nanti habis *you* celah, *okay?*... [*Dewan ketawa*] Oleh sebab dua *sentence* sahaja. Bukan hanya cara mengenakan cukai kepada rakyat dan pelancong, di mana pendekatan ini mungkin membawa kesan yang mudarat kepada industri pelancongan yang kini sudah di keadaan musim sejuk yang melampau. Sebagai kesimpulan, maka saya tidak setuju dengan RUU Levi Pelepasan ini. Terima kasih, okay.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagilah.

Puan Raj Murni binti Sabu: Boleh ya. Yang Berhormat, tidakkah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan bahawa yang dikenakan cukai levi pelepasan ini adalah orang

yang mampu terbang. Maknanya, boleh mengambil penerbangan itu adalah satu kelebihan, kemampuan, petunjuk kemampuan. Maknanya, jauh lebih baik berbanding kita mengenakan cukai GST yang kita kenakan pukol rata kepada semua, termasuk *baby*. Apa pandangan Yang Berhormat?

Kedua, saya hendak tanya beberapa maklumat yang Yang Berhormat sebutkan tadi kalau boleh dibekalkan kepada saya rujukan sebab ada beberapa fakta itu yang saya dapati memang agak tidak tepat, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Ong Chong Swen: Terima kasih. Sebenarnya ada rujuk semua. Jika Yang Berhormat perlu, nanti saya bagi. Sebenarnya saya rasa walaupun sekarang adalah levi pelepasan untuk udara tetapi di sini muka 11, pengenaan levi pelepasan 9 ini hanya cakap keluar dari meninggalkan Malaysia hendaklah membayar levi pelepasan. Akan tetapi ini tidak jelas untuk penerbangan. Bermakna kalau ini bila-bila masa depan nak guna untuk...

■1610

Puan Asmak binti Husin: Yang Berhormat Senator Dato' Ong.

Dato' Ong Chong Swen: Tak selesailah untuk jalan kaki tetapi kalau *cruise* memang Yang Berhormat akan cerita juga, orang boleh pergi *cruise*, boleh bayarlah. Orang boleh naik kapal terbang, boleh bayarlah.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Marah ini... [*Dewan ketawa*]

Puan Asmak binti Husin: Yang Berhormat Senator Dato' Ong.

Dato' Ong Chong Swen: Okey, terima kasih.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Bagi dia rehat dulu.

Puan Asmak binti Husin: Eh siapa dulu Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Tak apa, *ladies first*.

Puan Asmak binti Husin: Saya ingin menyokong pandangan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen tadi. Saya buka ini memang ada dalam *Berita Harian* yang menunjukkan Menteri menyatakan bahawa mungkin diperluaskan kepada pengangkutan lain yang bertarikh 10 April. Maknanya *possibility* itu tinggi. Kita di Kelantan memang kita ada perjalanan sempadan yang hari-hari kita *gi mari-mari* itu. Kalau *Singapore* pun hari-hari juga *gi mari*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Baik Yang Berhormat.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Oh ambil bahagian ya, sila.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Saya cuma nak-adakah Yang Berhormat setuju, tadi saya hendak jawab benda yang sama sebab ini dilihat sebagai satu perangkap awal. Hari ini memang saya mendengar tiga kali Yang Berhormat Menteri menjelaskan, ulang suara bahawasanya setakat ini untuk penerbangan sahaja. Akan tetapi adakah kemungkinan ini juga boleh berlaku seperti Yang Berhormat yang sebut.

Keduanya juga adakah Yang Berhormat bersetuju bukan semua orang yang terbang ini orang yang berkemampuan. Ada yang secara terpaksa pergi untuk menziarahi anak mereka yang sakit contohnya, ada ramai pelajar kita yang berada di luar negara kadang-kadang dalam keadaan yang mendesak. *Not everybody flies who can afford*, dengan izin. Adakah Yang Berhormat bersetuju perkara itu?

Juga berbalik kepada GST, saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat. GST ini seperti disebut tadi waktu dihapuskan tidak disebut soal ada SST. Jadi macam mana pendapat Yang Berhormat soal perkara ini?

Dato' Ong Chong Swen: Saya pula jadi Menteri yang menjawab ini [*Ketawa*] Ya, saya setuju sebab ini tidak jelas sangat, hanya kata levi pelepasan.

Dengan SST atau GST, kita sekarang pun sudah rasa sebagai pergi beli- dulu saya pergi *Mydin*. Saya ini pelanggan *Mydin* selalu pergi USJ1 punya. Bila saya pergi RM300 okey, satu *full*, sekarang RM400 hingga RM500, *I don't know*-lah macam GST dan SST. Saya hanya tahu sekarang kos masih tinggi, harga masih mahal. Perkara ang itu saja yang saya hendak cerita.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, saya menjemput pula Ahli Dewan Negara Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker.

4.13 ptg.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Levi pelepasan merupakan satu bentuk cukai baharu yang akan dikenakan terhadap rakyat Malaysia terutamanya warga Malaysia yang akan berlepas ke luar negara melalui pengangkutan udara. Satu, cukai pelepasan akan membebaskan pelancong rakyat.

Levi pelepasan atau terminologi yang digunakan cukai pelepasan akan menambahkan lagi beban kepada rakyat yang selalu berlepas ke luar negara atau kadangkala berlepas ke luar negara melalui pengangkutan udara terutamanya kepada mereka yang *travel* secara ekonomi kerana *now all can fly*, dengan izin. Dengan seisi keluarga ataupun pasangan-pasangan muda dengan kanak-kanak mereka.

Saya tidak setuju bahawa yang terbang itu semua kaya-kaya belaka dan haruslah dicukai kerana pengalaman saya semasa saya baharu ada isteri, baru ada anak, sebab nak

jaga anak, nak bawa dia takut dia orang lain pergi bercuti, kita tidak ke luar negeri cuti, kita juga perlu berjimat dalam puluh-puluh ringgit. Gaji masa itu baru RM2,000.

Jadi sekarang ramai pula gaji RM2,000 atau RM3,000 tetapi nak bawa anak menjelajah. Bagi mereka, cukai levi ini adalah amat membebankan lebih-lebih lagi kalau kita hendak membuat perancangan bajet dan sebagainya. Jadi saya tidak setuju mengatakan, tadi ada Yang Berhormat Senator mengatakan bahawa yang terbang itu kebanyakannya berupaya.

Untuk makluman Dewan, pada masa ini penumpang yang terbang ke destinasi ASEAN akan dikenakan *airport tax* sebanyak RM35, tambah caj MAVCOM sebanyak RM1 dan menjadikan jumlah cukai yang perlu dibayar ialah RM36. Dengan pelaksanaan cukai pelepasan baharu sebanyak RM20 untuk ASEAN, ini akan menjadikan jumlah cukai baharu yang perlu dibayar ialah RM56. Kalau dikira secara peratusan, cukai pelepasan ini akan menyebabkan peningkatan jumlah cukai yang perlu dibayar untuk berlepas ke destinasi ASEAN adalah kenaikan sebanyak 55.6 peratus. Ini adalah amat tinggi sekali.

Manakala untuk penumpang yang berlepas ke destinasi antarabangsa, buat masa ini *airport tax* RM73, caj MAVCOM RM1.00 dan menjadikan jumlah cukai perlu dibayar pada masa ini ialah RM74. Jika ditambah dengan cukai pelepasan yang baharu sebanyak RM40, ia akan menjadikan jumlah cukai yang perlu dibayar ialah RM114 ataupun peningkatan bersamaan dengan 65 peratus.

Ini juga amat tinggi sekali. Ini adalah berdasarkan kadar yang diumumkan secara lisan oleh Menteri Kewangan semasa pembentangan Bajet 2016 yang tiada kadar yang sebenarnya yang dinyatakan sebenarnya dalam rang undang-undang yang diedarkan. Ini bermakna Menteri Kewangan boleh dengan sewenang-wenangnya menetapkan kadar cukai yang lebih tinggi selepas ini mengikut selera dan kehendak semasa tanpa mengambil kira sengsara yang dipikul oleh keluarga nanti.

Ya, saya faham kadar ini akan dibentangkan di Kabinet. Macam mana kalau Kabinet menetapkan kadar yang terlalu tinggi, kadar tidak perlu rang undang-undang. Maka tiada siapa yang boleh memberi jaminan sama ada kadar cukai akan turun atau naik selepas ini, setakat mana kenaikan dan sebagainya. Dengan kos sara hidup yang semakin tinggi sekarang, harga minyak tak turun, harga barang naik, tol masih ada, saya berharap Menteri Kewangan boleh membatalkan cukai pelepasan buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bercanggah dengan *ASEAN Tourism Agreement 2002*. Pelaksanaan cukai pelepasan ini adalah bertentangan dengan *ASEAN Tourism Agreement*. *ASEAN Tourism Agreement* ini telah ditandatangani oleh semua ketua kerajaan atau negara dari 10 negara ASEAN termasuk Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri Malaysia semasa *ASEAN Summit 2002* di Cambodia. *ASEAN Tourism Agreement* ini bertujuan untuk menggalakkan pelancongan *intra-ASEAN* di kalangan negara-negara di rantau ASEAN. *Agreement* ini mempunyai 12 artikel dan satu artikel yang spesifik iaitu Artikel 2 telah menyatakan secara jelas, dengan izin, “*Phasing out travel levies and travel taxes on nationals of ASEAN Member States travelling to other ASEAN Member States*”.

Ini jelas bermaksud kesemua 10 negara ASEAN telah komited dan akan bersetuju untuk menghapuskan sebarang levi atau cukai perjalanan secara berperingkat-peringkat di kalangan warganegara negara-negara ASEAN. Maka tindakan kerajaan untuk menambahkan lagi cukai perjalanan dengan memperkenalkan levi atau cukai pelepasan adalah jelas bertentangan dengan Artikel 2 *ASEAN Tourism Agreement* yang ditandatangani oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pada masa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, siapak senohong gelama ikan duri, bercakap bohong lama-lama mencuri [*Ketawa*] Jangan kita *sign* ICERD sudah tak jadi, janji-janji yang sudah *sign* dimungkari dan tidak di peduli.

Hujah saya yang ketiga ialah ia juga bercanggah dengan *Chicago Convention, International Civil Aviation Organization* atau ICAO.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, setelah melanggar Artikel 2 dalam *ASEAN Tourism Agreement*, Malaysia terus melanggar prinsip-prinsip di dalam *Chicago Convention 1944* atau *Convention of International Civil Aviation*. *Chicago Convention* inilah yang telah melahirkan *International Civil Aviation Organization* (ICAO) iaitu merupakan sebuah agensi khas yang bertanggungjawab ke atas penerbangan awam di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Malaysia merupakan salah sebuah negara penjanji ataupun, dengan izin, *signatory country to Chicago Convention* daripada jumlah 192 buah negara dan telah menjadi ahli ICAO sejak 7 Mei 1958. Di dalam Artikel 15 *Chicago Convention*, jelas telah menyatakan bahawa, dengan izin, “*No fees, dues or other charges shall be imposed by any contracting State in respect solely or the right of transit over or entry into or exit from its territory*” atau, “*Sesebuah negara kontrak tidak boleh mengenakan sebarang fi atau caj semata-mata untuk tujuan transit ketibaan dan pelepasan sahaja*”.

Pengenaan cukai pelepasan ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia tidak menghormati *Chicago Convention* atau Majlis ICAO sebagai *signatory*. Sebagai Ahli Majlis ICAO, Malaysia seharusnya menunjukkan teladan dengan menghormati *Chicago Convention* dan bukan sebaliknya melanggarnya. Ini akan menjejaskan reputasi, prestasi dan juga maruah Malaysia untuk bertanding kerusi Ahli Majlis ICAO pada akhir tahun ini.

Hujah saya yang keempat. Kebanyakan negara-negara ASEAN tidak mengenakan cukai pelepasan. Selaras dengan *ASEAN Tourism Agreement*, kebanyakan negara di rantau ASEAN tidak lagi mengenakan cukai pelepasan untuk para pelancong atau warganegara yang ingin meninggalkan negara. Negara ASEAN yang lain mengenakan *airport tax* atau *passengers service tax charge* (PSC) kecuali Filipina dan Singapura yang mempunyai beberapa komponen lain dalam cukai. Filipina mengenakan *travel tax* untuk warganegaranya yang berlepas ke luar negara tetapi tidak dikenakan kepada pelancong asing dan warganegara Filipina yang bekerja di luar negara. Namun begitu, Kerajaan Filipina dalam proses untuk memansuhkan *travel tax* tersebut melalui *Senate Bill No. 1841*.

Dalam kes Singapura, ada tiga komponen cukai iaitu *passenger service charge*, *aviation levy* dan *aviation development levy*. *Aviation levy* untuk dibayar kepada *Civil Aviation Authority of Singapore* untuk membiayai perkhidmatan pengurusan trafik udara. *Aviation levy* ini dikenakan atas penggunaan perkhidmatan kawalan trafik udara dan bukannya untuk meninggalkan negara tersebut. Manakala *aviation development levy* oleh Kerajaan Singapura sebagai satu kaedah *pre-funding* untuk menjana hasil untuk membiayai projek pembangunan Terminal 5, Lapangan Terbang Antarabangsa. Komponen *pre-funding* ini adalah dibenarkan dalam ICAO.

Kes yang paling jelas ialah jiran kita Indonesia. Sebelum ini kita perlu pergi ke kaunter untuk membayar cukai pelepasan. Namun begitu, Indonesia telah menghentikan kutipan cukai pelepasan tersebut dan bergerak ke hadapan dengan hanya mengenakan *airport tax* buat masa ini. Mungkin Menteri baru sekarang suka buat *U-turn*, balik ke zaman dahulu di mana, apabila Indonesia tinggalkan pula, balik kepada *departure tax*.

Saya sendiri telah membuat semakan ke atas jenis-jenis caj yang dikenakan kepada penumpang udara di negara-negara utama ASEAN. Saya semak dalam laman web Kementerian Pengangkutan dan juga gazet-gazet kerajaan, semua hanya caj *airport tax* sahaja dan tiada cukai pelepasan.

Saya tahu Menteri ada menjawab dalam Dewan Rakyat bahawa kononnya dalam *Wikipedia* ada disebut *departure tax* tetapi *Wikipedia* itu adalah satu fakta yang salah. Kalau kita tengok gazet dan sebagainya, sebenarnya ia tidak disebut cukai pelepasan. Cukai pelepasan cuma disebut oleh Malaysia pada masa ini. Indonesia tidak disebut cukai pelepasan, Vietnam tidak ada, Singapura tidak ada, Thailand pun tidak ada. Jadi, *Wikipedia* itu adalah fakta yang salah.

Hujah saya yang kelima. Cadangan rang undang-undang ini menjejaskan industri pelancongan Malaysia. Pelaksanaan cukai pelepasan secara automatik akan meningkatkan harga tiket penerbangan untuk semua syarikat penerbangan tempatan dan asing yang

beroperasi di Malaysia. Peningkatan ke atas harga tiket penerbangan akan memberi impak yang negatif kepada penumpang yang peka *price* ataupun peka harga, *price sensitive* terutamanya yang sering menggunakan perkhidmatan *Malaysia Airlines, Malindo* dan *AirAsia*.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan analisis *International Airport Transport Association* (IATA), pengenalan cukai pelepasan ini akan menyebabkan pengurangan bilangan penumpang udara yang akan berlepas ke Malaysia sehingga 835,000 untuk setahun. Selaras dengan analisa IATA, cukai pelepasan ini akan memburukkan lagi prestasi ketibaan pelancong ke negara kita.

Malaysia yang telah mencatatkan penurunan ketibaan pelancong untuk dua tahun berturut-turut iaitu dalam tahun 2018, sebelum tahun 2017 sebanyak minus tiga peratus dan tahun 2018 minus 0.4 peratus.

Sedangkan negara-negara utama di ASEAN yang lain mencatatkan peningkatan yang sihat. Untuk tahun 2018, Vietnam naik peratusan mereka sebanyak 29 peratus, di Indonesia kenaikan 22 peratus, di Thailand sembilan peratus, di Filipina lapan peratus dan Singapura enam peratus. Hanya Malaysia sahaja yang turun. Mungkin kah Malaysia mahu mencapai *hat trick* penurunan pelancong tiga tahun berturut-turut.

Seterusnya, IATA turut menjangkakan bahawa cukai pelepasan akan mengurangkan GDP yang disumbangkan oleh sektor penerbangan awam...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: [*Bangun*]

Dato' Sri Ti Lian Ker: Saya habis, *last paragraph*, boleh? Seterusnya IATA turut menjangkakan bahawa cukai pelepasan akan mengurangkan GDP yang disumbangkan oleh sektor penerbangan awam sehingga USD419 juta atau RM1.74 bilion. Paling teruk sekali ialah ia berpotensi menyebabkan kehilangan 5,300 pekerjaan. Silakan.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Satu hujah yang membanggakan untuk Dewan Negara. Saya suka.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Senator sebab di kala Malaysia yang dikatakan tadi mempunyai kadar yang menurun dari segi kadar pelancong seperti yang dikatakan tadi, ia berlaku di kala levi pelepasan belum dilaksanakan. Saya juga ketika mana di Dewan Rakyat dahulu ramai mengandaikan bahawa sekiranya kita sebuah negara tidak mengenakan visa dan sebagainya, ia akan meningkatkan pelancongan. Itu yang dikatakan. Cuma, dalam konteks ini, Yang Berhormat Senator, kalau boleh bantu jelaskan sedikit, kenapa Yang Berhormat Senator sangat yakin sekiranya levi pelepasan ini dikenakan maka kadar pelancong ke Malaysia akan lebih menurun?

Saya tertarik dengan hujah yang pertama tadi mengatakan bahawa terutamanya dari segi aspek membebaskan keluarga untuk menggunakan penerbangan. Itu saya amat tertarik.

Cuma yang kedua ini, saya mohon Yang Berhormat Senator menjelaskan sedikit sejauh mana, Yang Berhormat Senator- apa lagi alasan yang mengatakan bahawa kalau dikenakan levi ini, pelancong akan sangat berkurangan? Ini kerana sekarang sudah berkurang tanpa levi ini dikenakan. Atau sebenarnya ada faktor-faktor lain.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Sebenarnya kalau kita tengok dalam rantau kita, kita banyak bergantung kepada pelancong-pelancong daripada negara China.

■1630

Jadi bagi budaya mereka, memang mereka sensitif pada harga dan sebagainya. Mungkin ada faktor-faktor lain seperti perhubungan negara G2G dan sebagainya, di mana kebelakangan ini negara kita telah pun dijadikan bukan lagi sasaran keutamaan pelancong-pelancong daripada Negara China. Maka, kita tidak mahu memberi *negative vibration* ataupun dengan memperkenalkan *departure tax*. Walhal, negara-negara lain cuba menghapuskan *departure tax*. Maka, ini bukanlah satu petanda yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tadi saya boleh beri laluan cuma saya dalam akhir perbahasan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru semua Ahli Yang Berhormat Senator yang matang, banyak berfikiran, pandai, berpengalaman, mempertimbangkan kepentingan rakyat Malaysia. Kita sama-samalah undi untuk menolak Rang Undang-undang Levi Pelepasan ini. Rakyat tidak perlu dibebankan dengan cukai tambahan yang hanya akan memudaratkan pelancong-pelancong khususnya warga luar negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker.

Nombor tiga, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, silakan.

4.31 ptg.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk perbahasan Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019.

Rang undang-undang ini adalah suatu akta bagi mengadakan peruntukan pengenaan levi pelepasan ke atas orang yang meninggalkan Malaysia bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Tambahan lagi cukai ini yang dilihat sebagai satu alternatif kerajaan untuk menambah cukai dan pendapatan negara. Namun, cukai ini akan menjadi isu sekiranya tidak ditangani dengan bijaksana terutamanya dalam menangani kos sara hidup yang tinggi dan beban kehidupan.

Pertama dalam rang undang-undang yang dicadangkan ini, saya melihat perkataan "*pelepasan*" tidak jelas iaitu hanya menjelaskan pelepasan walaupun pihak Menteri

menjelaskan pelepasan udara. Walau bagaimanapun, rang undang-undang ini boleh diguna pakai bagi pelepasan darat dan juga laut. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya pelepasan udara ataupun penerbangan udara ini dimasukkan dalam pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini dikecualikan kepada urusan pertama kali ke luar negara.

Kedua, bagi urusan kecemasan, menziarahi keluarga atas bencana seperti yang berlaku di Christchurch, New Zealand baru-baru ini, bencana gempa bumi di Palu. Kita melihat mereka yang pergi ke luar negara ini atas kecemasan dan bencana.

Ketiga, dikecualikan atas urusan agama, haji dan umrah, begitu juga dengan agama-agama lain kaum Hindu dan juga kaum Buddha.

Keempat, urusan perubatan. Pembedahan yang terpaksa dibuat di luar negara yang di negara kita tidak mempunyai kepakaran.

Kelima, bagi urusan diplomatik, urusan rasmi kerajaan bagi kakitangan kerajaan yang mesti ataupun wajib ke luar negara. Contohnya, mengambil pulang warganegara yang ditipu oleh skim pekerjaan di Taiwan baru-baru ini.

Keenam, mohon dikecualikan kepada urusan pendidikan ataupun pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian ke luar negara sebab pelajar-pelajar golongan yang mereka tidak ada pendapatan, menggunakan biasiswa mahupun disara oleh ibu bapa. Maka, diharap agar cukai ini mengecualikan bagi pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran.

Pengecualian ini boleh diberikan kuasa kepada Ketua Pengarah atau Menteri untuk menentukan kelayakan dan prosedurnya. Perkara ini boleh dirujuk di seksyen tiga, seksyen 31 kuasa Menteri untuk mengecualikan dan membayar balik dalam Bahagian VI iaitu Pengecualian, Peremitan dan Pembayaran Balik.

Tuan Yang di-Pertua.... *[Disampuk]*

Puan Nuridah binti Mohd Salleh: Boleh tanya atau tidak ini Yang Berhormat Senator? Boleh *interrupt*?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Puan Nuridah binti Mohd Salleh: Boleh ya? Okey. Terima kasih. Tadi nampaknya Yang Berhormat telah pun menyebut beberapa yang perlu dikecualikan. Jadi, dalam hal ini saya hendak tanya sedikit.

Apakah pandangan Yang Berhormat kalau dikatakan bahawa sebenarnya melancong ini sebenarnya juga adalah merupakan ibadah dalam Islam? Ini kerana banyak perkara yang boleh kita dapati daripada melancong seperti dia sebenarnya menyeronokkan hati. Jadi, tentulah sebagai kepimpinan negara, suka kalau rakyatnya seronok. Okey kemudian, dia juga boleh dapat memberikan kerehatan kepada mereka yang melancong, dapat membina

pengalaman baharu, selain daripada menimba ilmu pengetahuan, tengok negara orang lain, membina ketahanan dan jati diri, bersyukur dengan apa yang ada, berfikiran terbuka. Kita juga dapat membina untuk kita bergantung kepada diri kita sendiri.

Jadi saya tanya sekali lagi, setuju atau tidak jika saya mengatakan bahawa melancong itu sebenarnya dengan niat yang baik, sebenarnya dia juga adalah merupakan suatu ibadah dalam Islam? Terima kasih.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Saya secara peribadinya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Oleh sebab itu dalam cadangan saya tadi, bagi urusan yang dikecualikan tadi ialah kali pertama untuk ke luar negara. Kalau sudah setiap tahun maksud saya ke luar negara untuk suatu urusan yang pelbagai, maka wajar ditimbang untuk dikenakan cukai.

Saya juga mohon dikecualikan kepada golongan warga emas. Sebab warga emas, OKU, kanak-kanak di bawah umur walaupun di peringkat ini, penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa untuk kanak-kanak bawah 24 bulan, bayi dan juga yang proses transit di lapangan terbang. Di sini saya mencadangkan supaya pelajar di bawah umur 18 tahun juga dikecualikan.

Saya menyokong cukai ini dikenakan bagi urusan-urusan yang sangat kita melihat yang agak munasabah. Contohnya pekerja profesional yang berulang-alik ke dalam dan ke luar negara. Kemudian, urusan perniagaan dan perdagangan.

Ketiga, pelancongan sebab yang dikatakan tadi pelancongan merupakan suatu cara hidup yang tinggi.

Kalau menurut kajian *survey*, sembilan daripada 10 rakyat Malaysia berkunjung ke luar negara. Dalam *survey* pengembaraan global pada tahun 2013 mendapati 76 peratus rakyat Malaysia mengembara ke luar negara. Mungkin separuh daripada ini menggunakan penerbangan udara. Menurut kajian laporan oleh *Mastercard*, dianggarkan 11.9 juta perjalanan ke luar negara dari Malaysia telah dicatatkan pada tahun 2016.

Ini juga menunjukkan bahawa sebahagian daripada rakyat kita yang berpendapatan tinggi yang mempunyai kehidupan yang baik suka mengembara. Apa salahnya sedikit caj yang perlu kita laksanakan di dalam konteks ini. Cuma kalau hendak lihat caj ini, tidak terlalu tinggi. Mungkin kita boleh mula dengan RM10 ataupun RM20 untuk ke luar negara. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, RM20 untuk Asian. Kita perlu lihat bahawa kadar ini biarlah tidak membebankan bagi rakyat yang keluar masuk di dalam negara.

Kalau kita melihat bahawa dalam konteks zakat, orang kaya lebih pendapatan membayar zakat 25 peratus dan diagihkan kepada orang yang daif ataupun golongan yang miskin. Kalaulah orang yang rajin melancong ini ataupun yang berpendapatan tinggi ke luar

negara untuk perniagaan dan sebagainya, apalah salah sedikit cukai dikenakan untuk urusan bagi cukai ini.

Saya mohon penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri bolehkah kementerian menjelaskan anggaran pendapatan dan jumlah pembayar cukai yang boleh dijangka dengan pelaksanaan cukai ini.

Kedua, berapa kalikah cukai ini, caj ini dikenakan bagi setiap yang keluar masuk dalam negara? Contohnya maksud saya kalau satu hari itu dia tiga kali *fly*. Pagi dia *fly*, balik semula Malaysia petang malam dia *fly* lagi. Adakah kena dua kali caj ataupun sekali caj?

Akhir sekali saya menyokong rang undang-undang ini dengan pindaan dimansuhkan perkataan "*pelepasan melalui udara atau penerbangan*". Sekian, terima kasih.

■1640

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

Sekarang saya mempersilakan pula Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Dipersilakan.

4.40 ptg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dalam perbahasan Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019, saya ingin mengambil kesempatan untuk berbahas beberapa perkara. Banyak perkara telah dibahaskan oleh sahabat-sahabat kita yang terdahulu. Akan tetapi, ada lagi perkara yang belum dibahaskan, saya akan tambah, *insya-Allah*. Dalam RUU ini, ada pihak mengatakan mengambil kesempatan di atas cadangan menekan levi pelepasan ke atas semua penumpang penerbangan yang keluar negara melalui 1 Jun 2019 untuk menghentam kerajaan.

Ada juga cadangan yang bernas yang patut kerajaan fikirkan agar pelaksanaannya membawa menang-menang kepada kerajaan dan juga pelancong. Pada saya akta ini bertujuan untuk menggalakkan pembangunan pelancongan domestik dan pastinya kerajaan akan mendapat pulangan yang lebih daripadanya.

Akan tetapi, jangan sampai menekankan rakyat. Kita lihat hari ini, ramai- satu per sepuluh- Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid cakap tadi, sembilan per sepuluh, rakyat Malaysia keluar negara melalui penerbangan. Kita lihat di situ, berapa aliran wang negara yang sentiasa keluar dalam keadaan negara kita yang masih lagi dalam kekurangan, masih lagi dalam Kerajaan Pakatan Harapan, untuk menstabilkan keadaan. Jadi, saya rasa

ini merupakan satu perkara yang baik yang perlu kita sokong kerana ia untuk kepentingan dan pendapatan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, RUU ini juga dianggap kontroversi kerana kerajaan mengenakan caj RM20 ke atas mana-mana orang yang terbang ke negara Asia dan RM40 untuk negara lain. Jadi, saya rasa patut kerana mereka mengeluarkan wang negara kita untuk dibelanjakan di negara lain. Jadi, sekarang kerajaan sentiasa berkempen supaya rakyat kita membelanjakan wang kita dalam negara kita. Jadi, levi itu tambahan kepada caj perkhidmatan penumpang sebanyak RM73 yang dikenakan di lapangan terbang. Jadi, pada hemat saya yang naik kapal terbang adalah orang yang lebih wang.

Saya melihat sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, penerbangan ke Terengganu, walaupun Terengganu mempunyai tempat yang hebat dari segi pelancongan, mempunyai pulau yang banyak, *coral* yang cantik, pantai yang indah, hutan *rainforest* yang baik, tetapi sehingga ke hari ini tidak lebih daripada 20 penerbangan sehari.

AirAsia ada empat penerbangan, *Firefly* ada tiga ke empat penerbangan, *Malaysia Airlines* ada dua ataupun tiga penerbangan macam itu, lebih kurang. Campur-campur semua, empat penerbangan, empat *airlines*, kita ada lebih kurang 20 kali penerbangan. Ini bermakna, *airlines* yang turun ke Terengganu mendapat kerugian walaupun tempat kita cantik. Jadi, rakyat kita keluar negara. Jadi, saya yakin dan percaya pelaksanaan ataupun pindaan rang undang-undang ini perlu disokong pada dasarnya.

Jadi...

Tuan Manolan bin Mohamad: Yang Berhormat Senator boleh mencelah Yang Berhormat Senator?

Datuk Razali bin Idris: Sila.

Tuan Manolan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Manolan bin Mohamad: Yang Berhormat Senator, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Senator sikit tentang levi pelepasan ini. Kalau kita kenakan terhadap- bukan semualah, maksudnya. Ini yang melepas ini semua kena. Dia naik *first class* kah, naik *economy class* kah, sama. Asia sebanyak RM20 dan bukan Asia sebanyak RM40. Macam mana pandangan Yang Berhormat Senator kalau *first class* ini kita kenakan *rate* yang lain dibandingkan dengan yang *economy class*?

Oleh sebab, *economy class* ini dia ada *emergency*, tetapi yang *first class* ini biasanya dia memang *high class*. Maksudnya, dia pergi ke tempat yang *high class* dan dia memang ada *class*. Maksudnya, maka, mungkin levi dia lebih tinggi daripada sama. Oleh sebab, kalau

kita samakan, ekonomi dengan *business class* ini, macam GST juga akhirnya. Apakah pandangan Yang Berhormat Senator?

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih sahabat saya. Sebenarnya kertas saya yang ketiga, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator sudah termasuk di dalam ini. Jadi, saya bersetuju, untuk dimasukkan di dalam ucapan saya tentang cadangan Yang Berhormat Senator tadi. Seterusnya, saya hendak membuat pembetulan ataupun satu jawapan yang tepat yang mana Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen yang berucap dan berbahas pertama tadi menyebut hanya pelepasan levi kepada jemaah haji sahaja, kali yang pertama.

Akan tetapi, saya difahamkan pengecualian levi juga turut terpakai kepada penganut agama lain yang kali pertama mengerjakan ibadah mengikut agama masing-masing. Jadi, ada dua perkara Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mahu minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jawapan yang tepat. Yang Berhormat Menteri Kewangan Tuan Lim Guan Eng juga sudah menjelaskan kepada jemaah haji dan umrah kali pertama, sama dikecualikan daripada membayar levi pelepasan udara ke luar negara.

Jadi, semua agama sama. Apa yang dibahaskan oleh pembahas yang pertama tadi hanya agama Islam sahaja yang terlepas untuk mengerjakan umrah dan haji. Saya berharap peruntukan yang akan diberikan, RUU ini dinyatakan akan diberikan peruntukan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri yang boleh menetapkan kadar levi itu mengenakan caj yang berbeza-beza, yang diminta oleh sahabat saya tadi, tidak perlu saya sebutkan lagi [*Ketawa*]

Oleh sebab sudah disebut agar dia boleh meminda kadar levi itu dengan seadil-adilnya. Ini supaya yang miskin tidak ditekan, yang terpaksa seperti mana yang disebutkan oleh pembahas tadi, yang keluar negara untuk belajar, sebagai contoh. Ini perlu dikaji dan difikirkan oleh kementerian dan juga kerajaan. Itu sahaja perbahasan saya, saya menyokong penuh akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Nombor lima, dipersilakan pula Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing, silakan.

4.48 ptg.

Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merasa RUU ini akan membebankan rakyat dan saya bersetuju dengan rakan saya yang telah bercakap yakni mengatakan ini akan membebankan rakyat. Oleh sebab, sekarang ini seperti mana yang kita tahu kos sara hidup- *cost of living* memang sudah naik. Ini satu lagi yang menaikkan kos sara

hidup. Saya juga bersetuju RUU ini akan menghalang atau melemahkan perkembangan industri pelancongan.

Walaupun RUU ini akan boleh menyebabkan pelancongan dalam negeri meningkat disebabkan rakyat Malaysia tidak pergi ke luar negeri disebabkan levi ini. Akan tetapi, kita juga mesti tengok macam mana pelancong dari luar negeri.

■1650

Dia juga mungkin tidak merasa mahu pergi melancong ke Malaysia sebab levi pelepasan ini. Ini saya ingat, kita mesti kaji lagi disebabkan itu.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri tadi sebab mengatakan ada pengecualian levi pelepasan ini. Saya minta jika boleh dipertimbangkan pelepasan ini diberi juga untuk pesakit yang pergi ke luar negeri sebab ini bukan pelancong. Juga, pengecualian diberi kepada pelajar yang mesti pergi ke luar negeri. So, sebab itu saya ingat kalau boleh rang undang-undang ini dikaji semula dan mempertimbangkan pengecualian kepada pesakit dan pelajar yang perlu pergi ke luar negeri untuk belajar.

Selain dari itu, saya rasa kalau pengecualian ini boleh dimasukkan dalam rang undang-undang ini, saya sokong ini punya rang undang-undang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Lagi? Sekarang saya jemput pula nombor enam, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Dipersilakan.

4.52 ptg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan untuk saya berbahas dalam rang undang-undang ini.

Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang Senator dari Sabah, saya sebenarnya dalam dilema apabila berdepan dengan rang undang-undang ini, kerana satu bahagian saya, saya ingin menyokong tetapi satu bahagian lagi saya ingin mahu tahu sebab banyak perkara dalam rang undang-undang ini tidak berapa jelas. Terutama sekali perkara pertama, walaupun telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa rang undang-undang ini hanya merangkumi pelepasan melalui *airlines* ataupun penerbangan tetapi dalam rang undang-undang ini tidak menentukan bahawa ia terhad kepada...

Timbalan Yang di-Pertua: Sebentar, Yang Berhormat. Sekejap ya, maaf. Terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sudah ada enam orang yang telah berbahas. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat lain jangan berbahas perkara yang samalah. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan *transport*, saya takut nanti apabila rang undang-undang ini sudah diluluskan, dia akan di-*extend* ataupun dipanjangkan kepada *transport* permotoran darat dan juga laut. Sebab, di Sabah, khasnya dari Sabah ke Sarawak, kita harus melalui Brunei dan saya takut ini akan menjadi satu isu besar bagi kami. Saya juga tinggal di Labuan, dan saya selalu juga melalui Brunei untuk ke Sarawak melalui feri. Jadi, ini juga akan menjadi perkara yang membimbangkan pada masa hadapan.

Akan tetapi, pada amnya, jika ia hanya dirangkum ataupun dihadkan kepada penerbangan, jadi masalah di sini adalah ia akan mengurangkan *competitiveness* kita punya *airport* sebab *Kota Kinabalu International Airport* ataupun Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu itu antara lapangan terbang kedua tersibuk di Malaysia. Kebanyakan penerbangan ini sebenarnya adalah bersifat transit di mana penerbangan daripada China seterusnya mereka ke destinasi lain tetapi mengambil peluang untuk ke Kota Kinabalu sebagai transit dan sambil itu mereka akan berbelanja di Sabah.

Jadi, apa yang berlaku apabila kita tambah lagi *exit tax* ini kepada RM20 untuk ASEAN dan RM40 ke negara-negara lain, ini akan menambah lagi kepada *airport tax* yang sudah ada sekarang ini, iaitu RM35 untuk *airport* dan RM1 untuk MAVCOM. Jadi, ini menjadikan tiket penerbangan ke destinasi ini akan menjadi lebih mahal.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Oleh sebab *tax* ini dipungut bagi pihak kerajaan oleh *airlines*, apa yang terjadi dengan tiket-tiket yang terbatal? Adakah kita ada jalan untuk mendapatkan *reimbursement*? Ini kerana apabila kita beli tiket itu, kita *pay upfront* dan saya rasa ini juga menjadi isu apabila *airlines* itu sebenarnya menyimpan *tax-tax* ini dan tidak dikembalikan kepada mereka yang telah membeli tiket-tiket itu walaupun tidak menggunakan penerbangan tersebut.

Jadi, saya ingin minta penjelasan, adakah satu mekanisme untuk memastikan bahawa *airlines* ataupun syarikat penerbangan ini tidak mengambil wang itu sebaliknya memastikan ia juga ada satu mekanisme untuk memulangkan bayaran-bayaran telah diberikan kepada mereka yang telah membeli tiket itu?

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berkenaan apakah ada satu kajian yang telah dibuat berkenaan dengan selain daripada kajian yang telah dibuat oleh IATA dan beberapa lagi institusi berkenaan ini?

Juga, apakah impaknya terhadap industri pelancongan di negeri Sabah, khususnya apabila ada *exit tax* ini? Kami di Sabah sebagai sebuah negeri yang mengharapkan industri pelancongan sebagai satu pendapatan utama negeri sangat bimbang kalau ia memberikan kesan negatif kepada ini. Juga, apakah *tax* ataupun levi yang dipungut daripada *airport* di negeri Sabah itu ada pembahagiannya kepada kerajaan negeri dan juga kepada Kerajaan Persekutuan? Itu saya harap minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Jadi, itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong ini dengan pindaan terhadap perkara tersebut berkenaan dengan spesifikasi untuk *airlines* sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua:Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Sila.

4.57 ptg.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ikut serta di dalam perbahasan rang undang-undang ini iaitu mengenai levi perlepasan. Ini kerana rang undang-undang ini, pembentangnya di Dewan Rakyat tidak begitu jelas tentang cara mana apabila seseorang itu meninggalkan wilayah Malaysia ini. Akhir sekali, kita diberi penjelasan bahawa hanya mereka yang keluar daripada negara kita melalui pelepasan udara sahaja yang dikenakan levi.

Sebab, masalahnya, kalaulah perkara ini dijelaskan, saya rasa lebih baik ia diletakkan sebagai sebahagian daripada perkataan-perkataan dalam rang undang-undang ini. Ini kerana kita tidak mahu bahawa kalau ia boleh kita beri kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk menentukan sesuatu, mungkin akan ada perubahan-perubahan pada masa akan datang. Kalau kita lihat- saya bagi pihak rakyat Sarawak, kalaulah kita mengira hanya pelepasan udara, kita amat bersyukur kerana keperluan kita, kita bersempadan dengan- bukan bersempadan, tetapi di dalam satu negara. Misalnya di antara Miri hendak ke Lawas ataupun Limbang, tetapi kita dipisahkan oleh negara Brunei.

■1700

Jadi kalau begitu kedudukan geografi kita, maka apabila kita- *moment* kita meninggalkan Sarawak, Malaysia, kita masuk ke Brunei, kita sudah dianggap sebagai meninggalkan negara dan masuk lagi ke semula ke negara kita sendiri.

Jadi, inilah perkara-perkara yang membimbangkan kita rakyat Sarawak, rakyat Malaysia sekiranya ayat-ayat dalam rang undang-undang ini tidak jelas. Tidak ada ditetapkan melalui pelepasan udara kerana kebimbangan itu akan dipermainkan oleh pihak yang tertentu yang akan menimbulkan keresahan di kalangan rakyat. Jadi, saya harap perkara ini

dimasukkan di dalam rang undang-undang ini supaya ia jelas. Sekiranya ada perubahan di masa akan datang, ia akan mungkin akan dibentangkan semula di Dewan Parlimen ini.

Kedua, saya bersetuju juga dengan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi bahawa kalau kita hendak mengena levi ini, pada saya mesti kita ada perasaan *generosity* kepada rakyat Malaysia. Kalau dulu kita membentangkan Akta Pelancongan, kita kenakan cukai ke atas sewaan-sewaan bilik. Akhirnya di antara- saya juga yang bercakap di sini supaya akta tersebut dikaji semula. Akhirnya, Kerajaan Negeri Sarawak sendiri yang memberikan tentangan. Akhirnya, kerajaan bersetuju bahawa akta itu hanya terpakai kepada pelancong asing, tidak kepada penginapan di bilik-bilik hotel untuk rakyat tempatan.

Jadi apa salahnya dalam hal ini kita beri *generosity*, keistimewaan kepada rakyat Malaysia. Kalau mereka keluar untuk kali pertama dalam satu tahun, bagi mereka percuma, tidak ada levi. Akan tetapi kalau mereka keluar banyak kali, itu bermakna bahawa mereka ada kemampuan untuk berbelanja, untuk melancong di luar negara. Itu kita boleh kenakan levi. Apa salahnya kita bayar levi kepada negara kita sendiri, kepada kerajaan kita sendiri kalau kita ada kemampuan untuk keluar negara banyak kali. Ini kecuali untuk urusan-urusan keagamaan, kita boleh beri pengecualian.

Untuk urusan-urusan pelajar kita pergi ke luar negara, kita boleh beri pengecualian. Untuk urusan-urusan perubatan, kita boleh beri pengecualian. Mesti kita ada perasaan sayangkan kepada- kita mengenakan juga cukai tetapi mesti ada keistimewaan untuk rakyat kita supaya mereka rasa bahawa mereka tidak dianggap, di-*treated*, dilayan seperti juga bukan warganegara. Kita mesti membezakan. Kita mesti meletakkan- kita pungut cukai- memang tugas kerajaan memungut cukai, tetapi mesti ada nilai-nilai apa kita katakan *caring* untuk rakyat kita.

Jadi dengan itu, rakyat akan menyokong. Rakyat diberi keistimewaan daripada bukan rakyat di dalam pungutan cukai. Dalam kes ini, saya rasa keluar negara untuk pertama kali dalam satu tahun, bagilah pengecualian untuk levi ini. Seterusnya, kalau mereka keluar kedua, ketiga, keempat, kelima dan seterusnya, itu kena kerana mereka perlu menunjukkan bahawa mereka ada kemampuan untuk pergi keluar negara. Jadi, juga apabila kita memungut levi seperti ini, kita ingin tahu, berapakah anggaran yang akan kita kutip? Seterusnya rakyat pun ingin tahu, apakah tujuan kita mengutip levi ini? Kita mesti jelas.

Seterusnya oleh kerana ia datang daripada rakyat, kita kutip mula dari KLIA, dari Lapangan Terbang Kuching, Kota Kinabalu, Pulau Pinang dan sebagainya, apakah cukai-cukai ini hanya dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan? Apakah kerajaan-kerajaan negeri tidak diberi peluang untuk sama-sama menikmati cukai seperti ini? Ini kerana seperti cukai pelancongan dulu pun, kerajaan yang lepas berjanji dan lebih-lebih lagi Kerajaan Pakatan

Harapan bagi 50 peratus daripada kutipan itu kepada negeri-negeri untuk perkembangan pelancongan.

Dengan rang undang-undang ini juga, saya rasa ia memberi satu *wakeup call* kepada pelancongan di negara kita, *domestic tourism*. Apakah pembangunan pelancongan kita tidak mencukupi untuk menarik perhatian kita rakyat Malaysia untuk melancong di dalam negara? Ada kalanya orang kita belum pergi lagi ke Terengganu, belum pergi lagi Kelantan tetapi sudah lima, enam kali di Vietnam.

Jadi, perkara sebegini kita harus menjadi *wakeup call* kepada keseluruhan industri. Ada belum datang ke Sarawak, ada belum datang ke Sabah tetapi sudah pergi banyak tempat, di China dan sebagainya. Jadi ini saya rasa satu perkara yang harus kita lihat, apakah masalah-masalah industri pelancongan domestik kita. Memanglah soal melancong ini soal pilihan masing-masing. Mereka lebih suka pergi ke China, lebih suka pergi Vietnam daripada pergi Sarawak, pergi Sabah, pergi Terengganu, pergi Kelantan dan sebagainya. Akan tetapi kita mesti mencari di manakah kurangnya tarikan pelancongan di negara kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya ini pembahas yang agak lewat sikit. Banyak perkara-perkara sudah dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Saya menyokong cadangan-cadangan mereka katakan untuk ada penerbangan, levi percuma dari segi perubatan, pelajaran, agama dan sebagainya.

Jadi saya sambut baik cadangan-cadangan itu dan menyokongnya, tetapi mestilah perkataan pelepasan udara itu penting kerana supaya kita ada jaminan bahawa itu sahaja dikenakan levi, yang lain, jalan darat, jalan laut tidak dikena.

Saya juga rasa patutnya, saya fikir untuk pelancongan kapal pelayaran mewah, saya rasa patut dikenakan cukai levi. Akan tetapi di sini tidak ada, dikecualikan. Saya tidak tahu kalau pelancongan ini pelancongan kapal mewah ini kalau kita lihat di Bandaraya Kuching, sebuah kapal mewah datang akan membawa lebih kurang sampai 800 pelancong yang datang. Mereka berlabuh di pelabuhan, rakan-rakan mereka datang jam 10 pagi, syarikat pelancongan itu bawa mereka melawat di Bandaraya Kuching, *city tour*. Katakan sampai lima, enam jam, masuk balik dalam kapal, mereka belayar lagi, meneruskan pelayaran mereka.

Jadi saya rasa, *they should not be exempted*. Pandangan sayalah walaupun dalam rang undang-undang ini kata kapal mewah tidak dikenakan levi. Saya hairan juga. Sepatutnya kapal mewah dikenakan levi. Jadi untuk *offsets* bagi kita mengecualikan rakyat Malaysia yang pertama kali ke luar negara tidak dikenakan levi. Saya rasa mungkin berlawanan dengan *contents* ini, tetapi saya rasa patut dikenakan levi.

■1710

Saya rasa mungkin luar daripada konteks RUU ini tetapi *government should think that* kalau di kalangan profesional, di kalangan selebriti-selebriti kita yang membuat kerja-kerja profesional di luar seperti ada di kalangan artis kita membuat konsert di luar negara, di London dan sebagainya.

Apabila mereka keluar negara, *they should be imposed with a heavier levy, not just* RM40, kenakan mereka kerana mereka keluar negara untuk tujuan pendapatan. Jadi, *they should be imposed with a higher levy. I think the government should think about it, so that* kita jangan membebankan rakyat biasa. Mereka yang patut dikenakan cukai, kita kenakan dengan cara yang betul mengikut undang-undang. Jadi, itu sahaja penerangan saya, saya menyokong dengan sepenuhnya rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

Okey, silakan Yang Berhormat Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

5.11ptg

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum...*

Tuan Yang di-Pertua: Eh ada?

Dato' Haji Husain bin Awang: *...Warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf.

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang telah pun memberikan pandangan yang begitu bernas dalam membahaskan isu berkaitan Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019.

Saya juga turut serta untuk mengambil bahagian bagi menyatakan sikap dan pendirian terhadap rang undang-undang ini. Tadi Tuan Yang di-Pertua telah memberikan amaran supaya jangan mengulang...

Tuan Yang di-Pertua: Bukan amaran Yang Berhormat, nasihat.

Dato' Haji Husain bin Awang: *...Point, point* ataupun fakta-fakta yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan yang lain. Akan tetapi saya ingin mengulang sedikit sahaja sebagai memperkukuhkan hujah yang telah pun disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita tahu bahawa pelepasan ataupun yang disebut sebagai levi pelepasan 2019 ini adalah hasil daripada rancangan yang telah pun dibuat oleh kerajaan dan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada persidangan Bajet 2019 yang lalu.

Dalam kegawatan ekonomi dan juga peningkatan harga barang yang berlaku sehingga sekarang masih belum terkawal, adalah tidak wajar kerajaan memperkenalkan sebarang cukai atau caj kepada rakyat tanpa mengambil kira keperluan mahupun situasi yang dihadapi oleh rakyat. Rakyat sebenarnya sedang menunggu pembelaan ataupun usaha meringankan beban hidup mereka. Rakyat sedang menunggu tentang penghapusan PTPTN, menunggu penurunan harga petroleum, menunggu pembelaan-pembelaan.

Akan tetapi apa yang berlaku, Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSH) di perkecilkan, bantuan kepada petani juga di perkecilkan. Tiba-tiba dikejutkan dengan pengenaan cukai baru iaitu cukai sekalipun tidak menyeluruh kepada rakyat tetapi sedikit sebanyak ia akan memberi kesan kepada rakyat secara menyeluruh.

Saya menyifatkan pengenalan Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019 ini satu tambahan beban ke atas rakyat Malaysia yang sedia terbeban dengan SST dan memberi kesan juga kepada sektor pelancongan negara kita. Sewajarnya kerajaan tidak sewenang-wenangnya mewujudkan penambahan cukai baru yang jelas membebaskan rakyat.

Saya suka hendak menyebut mengenai dengan kesan kepada pelancongan ini. Mengikut satu laporan yang dibuat dan kajian yang dibuat oleh Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) dan juga telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker tadi bahawa pelaksanaan Levi Pelepasan 2019 oleh Kerajaan Malaysia dijangka mengurangkan jumlah penumpang sebanyak 835,000 setahun yang berlepas daripada negara ini. Analisis ini juga mendapati sumbangan sektor penerbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menyusut sebanyak RM1.72 bilion.

Kedua, kehilangan pekerjaan seramai 5,300 orang dan menghakis daya saing Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

Industri penerbangan diakui di antara pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan sebarang tindakan yang menyekat potensinya hanya akan merugikan ekonomi negara. Levi itu juga bercanggah dengan dasar yang diterima berkenaan cukai yang diterbitkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) sebagai anggota majlis, di mana Malaysia menjadi anggota majlis kepada ICAO.

Malaysia seharusnya menunjukkan kepimpinan dalam mematuhi dasar ICAO ini. Inilah di antara kesan kajian yang telah dibuat dan andaian yang telah dibuat oleh pertubuhan antarabangsa. Maka, kita mengharapkan supaya kerajaan berhati-hati dalam perkara ini dan membuat pertimbangan semula. Saya dengan ini bersetuju untuk tidak menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

5.18ptg

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berbahas sedikit dalam rang undang-undang ini. Levi pelepasan tujuannya adalah untuk memperuntukkan dan pengawasan berhubung dengan levi pelepasan di luar negara dari Malaysia iaitu seksyen 9(1).

Terdapat tiga kategori golongan yang selalu menggunakan *airport* dan antaranya ialah mereka yang biasanya ahli-ahli perniagaan, pelancong, pelajar dan ketiga, rawatan perubatan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga kategori ini biasanya mempunyai kemampuan, kocek orang biasa tidak diusik. Kalau pergi luar negeri sahaja yang merasakannya sedikit sahaja. Isu yang berada di tangan kami, Tuan Yang di-Pertua ialah semua adalah mengenakan pelepasan levi.

Now, ramai antara Ahli Yang Berhormat Senator di sini ada bertanya, levi ini kita gunakan di mana, di *airport* kah, keluar daripada *airport* dan melalui *airport* atau *sea cruise*? *Now*, di seksyen 9 juga mengatakan, "mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia." Di sini Tuan Yang di-Pertua, kita kena *apply the literal interpretations rule*. Meninggalkan Malaysia adalah melalui *airport* atau *sea cruise*. Itu sahaja. *You apply the interpretation rule* ini. *It did not say only by airport*, dengan izin.

■1720

Now, kenapa terdapat ramai pihak yang gagal perasaan terhadap banyak negara ASEAN dan negara-negara lain yang mengenakan cukai pelepasan seperti- ada banyak negara tetapi *I will just say a few* sahaja, Yang Airf. *Sorry*, Tuan Yang di-Pertua. Ini macam biasa hujah dalam mahkamah.

Cambodia- apabila seseorang keluar daripada *Cambodia*, kita kena bayar sebanyak USD25; Hong Kong sebanyak HKD120; Indonesia antara jumlah IDR75,000 ke IDR200,000. Jepun sebanyak JPY1,000; Australia yang kononnya dikatakan maju dalam dunia ini pun kena bayar sebanyak AUD60; Bangladesh, okey, sebanyak BDT353; dan Brunei, negara yang terkaya, salah sebuah yang negara yang terkaya di dalam dunia, kena membayar sebanyak BND5 semasa kita keluar daripada Brunei.

Soalan saya di sini ialah, kenapa kita gembira membayar di negara-negara lain dan tidak membawa sebarang rasa tidak puas hati ke negara tersebut? Negara Filipina menggunakan cukai pelepasan mengikut kelas perjalanan tiket penerbangan.

Salah satu tujuan, antara lain-lain, dengan mengadakan levi pelepasan ini akan membawa satu hasil kepada kerajaan.

Kedua, jikalau ada kemampuan untuk membeli tiket penerbangan untuk pergi ke negara-negara ASEAN atau luar ASEAN, pembayaran sebanyak RM20 dan RM40 masing-masing adalah paling munasabah. Satu lagi, keuntungan untuk levi pelepasan ini akan meningkatkan perjalanan domestik. *Domestic tourism will increase*, dengan izin.

Setelah saya meneliti kesemua seksyen 1 hingga seksyen 64, Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019, saya berpendapat bahawa rang undang-undang tersebut telah didrafkan dengan sempurna dan tiada sebarang kelemahan dan keraguan. Tahniah dan syabas kepada pegawai-pegawai kamar Peguam Negara, Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Kementerian Kewangan. Dengan ini, saya sokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

5.23 ptg.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya akan memberi tiga perkara saja. Akta-akta ini saya anggap belum sangat lengkap. Satu, tidak berapa jelas dalam deskripsi bagaimanakah orang meninggalkan Malaysia. Dengan pesawatkah atau bot? Saya terdengar tadi, *generally is* pesawat dengan bot. Okey? Akan tetapi, tidak jelas.

Kedua, memang kita ada...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, Yang Berhormat. Dia bukan cakap- yang tadi, Yang Berhormat berkata, "meninggalkan negara", tidak sebut- bot, udara, melalui jalan udara atau air...

Datuk Paul Igai: *Sea route, sea route.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Paul Igai: *Okay, thank you. Thank you*, terima kasih atas penjelasan. Memang kita ada fasal 11(1)(a) dan 11(1)(b) untuk memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri menetapkan kadar levi, dapat menurunkan atau menambahkan dan memberi pengecualian kepada siapa-siapa yang akan meninggalkan Malaysia dengan apa-apa caralah, yang tadi. Itu saya setuju. Akan tetapi, dalam fasal 11(2)(a) ada mengatakan, "Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada mesyuarat Dewan Rakyat yang berikutnya." Kenapa tidak dibentangkan juga di Dewan Negara?

Satu lagi, saya tadi tertarik dengan akta ini akan menggalakkan pelancong dalam negara. Akan tetapi, saya tadi baru *search website*, 31 Mei nanti, kita pergi ke KL-Sibu berharga RM1,300. Akan tetapi KL ke Manila berharga RM459. Itu pakai MAS saja, bukan

pakai *AirAsia* yang murah. So, *I think*, saya keliru sedikitlah kenapa itu berbeza sangat jauh. Sekian, mohon diberi penjelasan dan diberi perhatian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh.

5.26 ptg.

Tuan Nga Hock Cheh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang mengambil bahagian perbahasan Rang Undang-undang Levi Pelepasan 2019.

Terlebih dahulu, saya ingin memohon sedikit timbang rasa dan setitik dua susu belas kasihan atas kurang kemampuan...

Seorang Ahli: Ini apa susu?

Tuan Nga Hock Cheh: ...Menggunakan bahasa.

Seorang Ahli: Susu buat apa?

Tuan Nga Hock Cheh: Sebenarnya saya ingin menggunakan bahasa. Bukan saya kurang menghormati bahasa tetapi Bahasa Melayu tulen yang saya guna pada tahun 60-an sudah banyak berubah sekarang... [*Dewan ketawa*] Kita ada korupsi, kleptokrasi, lokasi dan sebagainya... [*Dewan ketawa*] Maksud saya, tidak ada perkara yang demikian.

So, minta sedikit masa, saya akan baca balik bahasa saya dan saya berhasrat satu hari nanti sebelum saya meninggalkan Dewan yang mulia ini, saya akan membuat perbahasan, bukan sahaja membaca perbahasan saya dengan bahasa tulen seperti Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad... [*Tepuk*] *With that*, dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Nga Hock Cheh: *I just want to take one point that is on the penalty imposed in this bill. It appears to me that there is a lack of rational basis or classification for the imposition of penalties. It is, internally, there is a lot of discrepancy and comparatively with other Bill on Customs, there is a great disparity. The Kementerian Kewangan, they want to look into this. I would just give two quick examples because of the time constraint.*

Now, in the bill, you have a section where you refuse to give information. The penalty is quite severe in comparison to the Customs Act, section 134. Under the Customs Act, it is only six months and RM1,000 but under our bill, I think it is section 39, the penalty is RM100,000 fine or not exceeding one year.

So, other section just like they giving wrong information or incorrect filling of forms, it also attracts heavy penalty of imprisonment not exceeding five years or fine of RM500,000. Or the Customs Bill, Excise Bill and this new bill, need to be examine especially on the issue

of penalty being imposed? There must be some rational basis and classification. We just cannot put very arbitrary figures. In fact, some of this fine even heavier than what is imposed in Penal Code.

■1730

I do not think I want to go through all the sections, the various sections- section 9, section 19, section 20, section 36. Even the incorrect filling of forms attracts RM500,000 fine maximum or not more than three years. I hope this aspect of the bill will be looked by the ministry.

With that I also want to say Tuan Yang di-Pertua, the probable wisdom is to take the bull by the horn, that if you tackle the bull by the tail then you risk the fallout from rear portion of its anatomy.

Here we have the Menteri Kewangan trying to tackle the financial 'bull by the horns', but we have pihak tertentu that is trying to pegang the tail and if they continue, then they will risk the fallout. Thank you very much.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Yaakob tak ada. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah beri nama dalam *WhatsApp* group.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam *WhatsApp* group tak ada, saya bukan dalam *WhatsApp* group...

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tak. Saya beri kepada kerani Dewan untuk diberikan kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nama Yang Berhormat tak ada dalam sinilah.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Oh ye kah. Habis sudah beri nama, macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh bahaslah.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tak boleh bahas? Tapi sudah beri nama kepada- sebelum itu dalam *WhatsApp* group sudah ada dah.

Tuan Yang di-Pertua: Tak boleh, kena beri pada saya Yang Berhormat.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Boleh Tuan Yang di-Pertua. Sikit sahaja, *last*. Ini sudah tinggal sepeinggal lagi ini, tak boleh lagi dah bahas ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silalah.

5.31 ptg.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati dan budiman. Oleh sebab *last sekali, last part...* [Dewan ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya sebenarnya tidaklah mahu bercakap panjang kerana kebanyakannya sudah menyentuh tentang RUU ini. Cuma saya hendak menyatakan tentang- berkenaan dengan RUU ini, apabila kerajaan membentangkan Rang Undang-undang Levi Pelepasan ini, ianya terlalu- ramai yang mengatakan bahawa ia akan memberi impak kepada pelancongan, memberi impak dan sebagainya. Akan tetapi saya secara peribadi saya merasakan bahawa ianya mungkin tidak memberikan kesan kepada pelancongan malahan ia membantu sebagaimana rakan-rakan mengatakan ia akan membantu kepada pelancongan domestik.

Akan tetapi apa yang saya *concern*-kan ataupun saya merasakan ketidaksesuaian dibentangkan rang undang-undang ini kerana dalam sesi ini, sudah banyak cukai yang dikenakan. Satu, kita sudah kenakan cukai digital yang saya rasa memang rata-rata masyarakat akan kena. Kemudian dengan cukai soda lagi. Kemudian sekarang ini ada cukai pelepasan. Oleh sebab itu saya hendak menyatakan bahawa bukan saya tidak bersetuju dengan mengadakan cukai levi pelepasan ini, tetapi cukai ini boleh dilakukan tetapi bukan masanya sekarang.

Memang betul kita tahu yang kerajaan memerlukan sebanyak dana dan sebagainya. Akan tetapi saya juga memohon penjelasan kepada pihak kerajaan kenapakah levi pelepasan ini dilaksanakan sekarang?

Sekarang ini, adakah kerana hendak *recoup in another word*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, hendak *recoup* cukai GST yang ditukar kepada SST dengan kerugian yang banyak- *so to recoup* cukai yang kurang itu, diadakan cukai-cukai ini. Sudahlah dikenakan dua cukai yang ada sebelum ini tetapi sekarang ini cukai pelepasan yang saya rasa boleh dielakkan untuk buat masa ini demi menjaga kepentingan rakyat. Kita bercakap tentang kepentingan rakyat yang sudah dibebani dengan cukai-cukai yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini. *That's my concern.*

Keduanya, berkenaan cukai pelepasan ini apabila kita tengok di seksyen 9 dan seksyen 11, ia terlalu terbuka. Maksudnya sebagaimana yang telah dibahaskan oleh rakan-rakan sekalian, kalau kita luluskan rang undang-undang ini, yang saya kira memang akan diluluskan kerana rata-rata Yang Berhormat Senator di sini adalah Yang Berhormat Senator kerajaan yang akan diluluskan saya kira.

Akan tetapi saya hendak melahirkan, *just- my concern* sebab apabila diletakkan dua seksyen ini terlalu terbuka, maka sebagaimana yang dibahaskan oleh rakan-rakan Yang

Berhormat Senator yang lain, ia akan dibolehkan di-*impose*-kan kepada rakyat dalam mana-mana cara pun *mode transportation* yang ada. Maknanya kalau katalah di Johor, di Singapura ramai rakyat Johor yang bekerja bukan pergi ke Singapura untuk melancong, bukan mereka ada duit malahan mereka terpaksa bekerja di Singapura kerana mereka bekerja. Akan tetapi katalah cukai pelepasan ini, mungkin kalau bukan sekarang ini dikenakan kepada penerbangan tetapi disebabkan seksyen 9 dan seksyen 11 ini terlalu terbuka, ia boleh di-*impose* dengan pelbagai jumlah- mana-mana jumlah dan juga mana-mana mod pengangkutan.

So, kita- lagi pula tadi sahabat Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai menyatakan bahawa ia tidak perlu ke Dewan Negara pun lagi selepas ini, diperlukan ke Dewan Rakyat. Kita tahu bahawa memang kalau kita tak luluskan pun, dalam 30 hari ia tetap akan jadi undang-undang dan akan diimplementasikan kerajaan. Akan tetapi kita hendak menyatakan bahawa saya rasa bukan kita tidak bersetuju dengan cukai ini tapi masanya, kerana cukai ini sudah banyak kita luluskan cukai untuk rakyat kali ini.

Keduanya, kenapa cukai ini dikenakan? Kalau di *Singapore*, kita tengok baru-baru ini dia memang umumkan, *1st of April* memang dia ada levi pelepasan. Akan tetapi levi pelepasan yang dikenakan oleh Singapura memang dinyatakan bahawa *it is the expansion of Terminal 5*. Maknanya untuk melebarkan dan membaik pulih terminal yang memang berkenaan dengan *aviation*. Sekarang ini kalau kita tengok pula cukai yang dikenakan oleh kerajaan, walaupun saya ada terbaca bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ada mengatakan bahawa *Passenger Service Charge (PSC)* itu dikenakan kepada *airport*, maknanya dikenakan di *airport* tapi saya pasti bahawa *airport* itu mengutip cukai bagi pihak siapa? Pastinya untuk pihak kerajaan.

Pertama kerajaan sudah mengenakan cukai PSC, kemudian kerajaan mengenakan pula *service tax on the ticket* yang kita beli *six percent*. Kemudian kita ada pula RSC. Lepas itu kalau kita melalui KLIA2 kita kena pula RM3 KLIA *fees on top of the PSC* lagi. Kemudian kita kena pula dengan MAVCOM yang RM1. Lepas itu kemudian kalau cukai *tax* pula, dia bukan- walaupun dia kata RM11, tetapi RM11 itu untuk satu *tax*. Oleh sebab nanti kalau kita naik kapal terbang mesti ada *landing* di suatu *airport* yang lain. So maknanya *service tax* ini RM22 sekarang ini.

Maknanya bukanlah kita tidak bersetuju dengan pelepasan dengan cukai levi pelepasan ini tetapi kalau boleh kita hendak mencadangkan pada pihak kerajaan untuk lihat balik beberapa faktor, beberapa perkara yang boleh dipertimbangkan untuk rakyat. Sebab apa- dan kita hendak tahu jugalah sama ada *tax* ini untuk memang sebenar-benarnya untuk *aviation*. Oleh sebab saya rasa ini bukannya isu pelancongan atau isu sebagainya tetapi *this*

is an aviation issue. Ini adalah isu penerbangan yang mana adakah untuk dibuat *expansion of airport* ataupun dibuat untuk menambahkan kapal terbang ataupun meng... [Disampuk] Ya?

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: ...Bayar hutang itu sebab GST itu sudah dimansuhkan.

So sama ada kita hendak tahu sama ada apakah sebenarnya cukai pelepasan ini betul-betul dapat dimanfaatkan oleh rakyat setelah kita di Dewan yang mulia ini meluluskan pelbagai cukai yang memang rata-ratanya secara *direct* dibebankan kepada rakyat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat tadi Yang Berhormat ada batal tak nama?

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: ...Ya, lupa pula... [Dewan ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Pertamanya secara umumnya ingin saya sentuh mungkin tak sebut satu persatu nama Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian apa yang dibangkitkan dan sebagainya.

Secara umumnya saya hendak sebutkan ialah di dalam mana-mana penggubalan rang undang-undang, memang ianya dibuat secara umum dan kemudiannya diletakkan di situ kuasa ataupun berapa pengecualian yang boleh diberikan.

Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, seorang pengamal undang-undang memang faham tentang kaedah ini. Oleh sebab itulah kita tak namakan ini rang undang-undang levi pelepasan menggunakan pesawat kapal terbang. Ia tidak spesifik sedemikian. Secara umumnya ia adalah satu Rang Undang-undang Levi Pelepasan dan definisinya ialah bagi mereka yang keluar negara.

Pengalaman membentangkan rang undang-undang ini di Dewan Rakyat Tuan Yang di-Pertua, di dalam bacaan kali yang kedua dan keterangan yang diberikan, tak disebut perkara itu dengan jelas seperti mana juga rang undang-undang ini.

Jadi saya ingat keseluruhan perbahasan pada hari itu majoritinya adalah membangkitkan perkara- saya masih ingat Yang Berhormat Limbang. Dia kata, "Takkanlah

kami yang selalu berulang-alik daripada Sarawak kena melalui Brunei, masuk ke Sabah, bawa jenazah pula lagi apa semuanya hendak kena *departure levy* kah”, sebab *nature*-nya begitu.

■1740

Oleh sebab itu pendekatan kali ini di Dewan Negara saya telah sebutkan di awal tadi walaupun rang undang-undang itu bersifat umum tetapi niat kerajaan ialah untuk mengenakan bagi mereka yang keluar negara menggunakan kapal terbang. Satu lagi disebut tidakkah wajar nanti mereka yang menggunakan kapal *cruise* yang juga bukan calang-calang harganya dan memang kalau biasa-biasanya orang tidak pergi *cruise* untuk melancong. Akan tetapi, benda itu ada.

Buat masa ini, kerajaan berhasrat untuk memberikan pengecualian. Akan tetapi kalau sekiranya di suatu masa kelak, kita lihat keperluan seantero Asian ataupun dunia mengenakan *departure levy* kepada mereka yang menggunakan *cruise* ini dan kita merasakan pada ketika itu wajar dikenakan, nah kita sudah ada *departure levy* ini yang boleh kita kuatkuasakan dengan tarik balik pengecualian yang diberikan. Jadi, itu rasional di sebalik kenapa dia tidak menjadi Rang Undang-undang Levi Pelepasan menggunakan kapal terbang. Dia diumumkan sedemikian dan kemudiannya dikhususkan melalui sama ada pengecualian ataupun apa-apa lain yang berkaitan. Termasuk kadar itu sendiri ya.

Jadi kenapa perlu dibentangkan sahaja di Dewan Rakyat dan tidak ke Dewan Negara, itu merupakan prosedurnya. Jadi, kalau perlu sehingga ke Dewan Negara saya ingat ditukarkan keperluan tersebut, maka kerajaan perlu juga untuk membentangkan di Dewan Negara untuk mendapatkan persetujuan.

Satu lagi dari segi secara dasarnya, mana-mana cukai yang hendak dikenakan seperti yang disebut sebahagian daripada Yang Berhormat Senator tadi, cukai perlulah dikenakan kepada mereka yang ada *choice*, ada pilihan untuk melancong contohnya. Dia ada pilihan untuk melancong dalam negeri ataupun melancong ke luar negara. Mereka yang memilih untuk melancong ke luar negara ini sudah tentulah mempunyai kemampuan untuk berbuat demikian kalau tidak dia tidak pergi melancong.

Saya rasa rata-rata B40 tidak akan mengambilnya. Dia pun orang lain melancong, dia pun teringin hendak melancong. Akan tetapi, dia akan mengambil pilihan untuk tidak melancong ke luar negara sebab hendak ada *passport international* pun dah berapa minimum RM250. Sudah tentulah dia akan mengambil pendekatan untuk melancong dalam negara.

Jadi, dalam hal ini apabila kerajaan melihat kepelbagaian sumber hasil kerajaan. Maka, dilihat ini sebagai satu sumber kepada kerajaan. Ke mana hendak digunakan sudah tentulah ia akan dimasukkan dalam akaun disatukan. Kita akan gunakan kepada pelbagai perkara yang sekarang rakyat menuntut. Masih ramai Yang Berhormat Senator pun

membangkitkan dalam perbincangan-perbincangan yang lain. Bagaimana institusi pendidikan kita yang memerlukan dana yang cukup besar? Sekolah-sekolah daif yang bukan hanya sahaja wujud di Sarawak dan di Sabah. Di Semenanjung pun. Mungkin kategorinya tidak mungkin seteruk seperti sebahagian di Sarawak dan Sabah juga memerlukan peruntukan yang besar bagi membuat penyelenggaraan dan sebagainya.

Sudah tentu ini akan membantu kita apatah lagi kerajaan terpaksa, dengan izin, *settle* beban hutang yang- okey hutang kerana pembangunan dan dibuat cara yang betul. Silakan. Okey, kita terima. Akan tetapi kita macam saya dah bentangkan dan sebut dalam Dewan yang mulia ini. Bagaimana untuk satu program ataupun projek yang dibuat oleh kerajaan yang kemudiannya kita *settle* dengan hutang RM31 bilion pokoknya yang kemudian hendak kena bayar dan dah bayar pun. Hampir RM9 bilion untuk *service* faedahnya sahaja RM9 bilion. Jadi, ini benda yang perlu kita terus untuk membayar dan sudah tentu ia akan menjejaskan kemampuan negara untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang lain demi kepentingan rakyat.

Jadi, saya ingat secara dasarnya itulah falsafah di sebalik ini. Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah tadi yang berucap dalam masa kecemasan [*Ketawa*] Baharu teringat kata dia tarik balik tadi tidak apa. Bulan puasa Yang Berhormat. Kasihan bulan puasa, *excuse* apa teruk sahaja semua kita *buh* dekat bulan puasa ya. Tidak!

Jadi, yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah tadi dah terlalu banyak ataupun dibentangkan tentang *digital tax*, saya dah sebutkan tadi. Kita kenakan supaya kita hendak jadikan dia *playing field* yang *level* Tuan Yang di-Pertua untuk memastikan bahawa bukan sahaja pengusaha tempatan yang menjalankan perkhidmatan *online* ini dikenakan, macam mereka dah dikenakan. Akan tetapi yang mengusahakan daripada luar negara *digital tax* itu mereka terlepas. So, kita kenalkan yang itu.

Dalam hal ini, ialah perkara yang saya sebut daripada awal tadi untuk memastikan bahawa kerajaan mempunyai *revenue* yang lebih untuk kita salurkan semula kepada rakyat untuk kesejahteraan rakyat. Sila Yang Berhormat.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat Menteri sedikit penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan. Yang Berhormat Menteri dalam konteks yang sama saya difahamkan juga ada syarikat penerbangan yang sehingga hari ini tidak bayar cukai dengan baik di dalam cukai *airport*.

Perkara itu saya ingat lagi zaman saya di Dewan Rakyat dahulu kita berbahas. Saya rasa perkara itu sehingga hari ini pun masih lagi tidak ditunaikan dengan baik. Saya difahamkan. Malah saya rasa dalam konteks kita tadi membincangkan sama ada individu ini

terbang sebab ada wang lebih, ada yang pergi belajar. Itu pun saya rasa itu perkara yang agak subjektif, kalau kita hendak gunakan sebagai saya punya hujah.

Cuma yang pastinya mereka yang berniaga dalam aspek penerbangan, mengaut keuntungan dan malah yang ingin saya tarik perhatian juga kadang-kadang memang boleh terbang tetapi selalu *delay*. *Daily time*, selalu. Akan tetapi cukai tidak bayar. Kita selagi kita *clock in* sahaja masuk, memang dia dah dapat cukai dah. Dia dapat untung yang saya difahamkanlah dari segi prosesnya. Cuma, saya rasa dari situ kerajaan perlu bertegas kerana syarikat-syarikat ini dia dah menyediakan perkhidmatan, rakyat dah bayar, kerajaan kena sangat tegas kepada mereka ini. Itu sahaja.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut dalam rang undang-undang ini, mereka syarikat penerbangan akan dikenakan *departure levy* ini semasa kita membeli tiket. Bila dia *due* untuk bayar kepada kerajaan, dia *due* untuk bayar kepada kerajaan semasa mula penerbangan itu, berlepas sahaja dah *due*. Kita dah ada semua peruntukan dalam ini Yang Berhormat. Percayalah bahawa ini akan kita kuatkuasakan sebagaimana kita kuatkuasakan oleh pihak Jabatan Kastam untuk cukai perkhidmatan ataupun cukai barangan yang lain.

Kalau mereka nampak macam agak sedikit terlepas dalam kes-kes yang lain sebab yang itu tidak duduk bawah kastam dan yang ini duduk bawah Kastam, kita suruh dia cuba tengok lepas ini. Bila benda ini diluluskan kita akan pastikan Tuan Yang di-Pertua bahawa ia akan dilaksanakan semacam macam mana kita *strict* di dalam kutipan cukai-cukai yang lain.

Tadi juga disebutkan tentang tidak semua yang pergi menggunakan kapal terbang ini ialah untuk melancong ataupun benda *leisure* yang dia ada alternatif ya. Memang betul kita mengharapkan ini juga akan menjadi satu *deterrent*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk rakyat Malaysia, yang disebutkan tadi. Berapa- sembilan daripada 10? Bunyi saya rasa macam tinggi sangat.

Akan tetapi, tidak apa lah. Apa pun *figure* nya Ketua Pengarah *Tourism Malaysia* pernah membangkitkan isu ini bahawa peratusan ataupun nisbah rakyat yang keluar negara untuk melancong bagi rakyat Malaysia ini adalah tinggi. Adalah tinggi! Jadi kita mengharapkan dengan pengenaan ini, ia akan sedikit sebanyak memberi kesan untuk rakyat memilih.

■1750

Sekiranya dia merasakan RM20 tambahan itu merupakan suatu yang cukup besar bagi dia, maka dia akan memilih untuk melancong dalam negara yang sudah tentu kita tahu bahawa yang, pertamanya, aliran keluar wang negara tidak akan berlaku. Sudah tentulah pengusaha chalet, hotel dan juga perkhidmatan restoran dan sebagainya, kalau kita

melancong dalam negara ini, akan mendapat faedah terus daripada aktiviti yang mereka lakukan.

Timbul tadi beberapa soalan bagaimana mereka keluar kerana keperluan yang mendesak. Tidak boleh hendak buat rawatan perubatan itu dalam negara kerana kita tidak ada *expertise*.

Saya ingat buat masa sekarang ini, yang jadi adalah sebaliknya. Kita ada *Malaysian Health Tourism Council* (MHTC) yang cukup giat, walaupun masih kita ketinggalan di belakang Thailand tetapi cukup giat *year on year* punya *growth* untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan dalam negara kita ini. Orang bercakap tentang IJN bila bercakap tentang *cardiology*. Orang bercakap tentang beberapa hospital- IJN tidak apalah sebab kerajaan punya- beberapa hospital swasta yang lain kalau untuk mendapatkan perkhidmatan kanser, rawatan kanser. Bercakap tentang beberapa klinik yang menawarkan *fertility* punya program, kesuburan, untuk mendapatkan anak. Ini memberikan suatu pulangan yang baik.

Jadi kalau ada lah juga contohnya perlu ke luar negara kerana perubatan yang tidak ada servisnya dalam negara ataupun keperluan-keperluan yang telah disebutkan tadi, sebab itulah kita ada kuasa yang diberikan dalam rang undang-undang ini kepada Menteri untuk memberikan pengecualian.

Saya sebut sekali lagi, kita mendengar apa pandangan dan cadangan daripada Yang Berhormat Senator sekalian. Sudah tentu perkara ini akan dibincangkan, dibahaskan. Ini bila kita sebut kuasa Menteri ini bukan makna Menteri Kewangan menggunakan kuasanya untuk-tidak. Ianya kena bentang kepada Kabinet.

Puan Asmak binti Husin: Mohon pencilahan.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Sekejap lagi. Sudah tentulah perkara-perkara yang kita hendak- contoh ada kerisauan tadi mengatakan, "Eh, nanti ini yang berjalan kaki pun kena". Saya ingat sebuah kerajaan yang waras pemikirannya... [*Tepuk*] Akan pastikan keputusan itu tidak akan memudaratkan kedudukan kerajaan itu dalam mana-mana pilihan raya yang akan datang.

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya, sudah tentu. Saya ingat kita semua dalam Dewan ini *we are all politician*, dengan izin, tidak tahulah *reluctant* kah, tidak *reluctant* kah, *whatever it is*, keputusan yang hendak dibuat oleh mana-mana kerajaan sudah tentu akan mengambil perkiraan-perkiraan ini.

Saya ingat tiada siapa yang *in the right state of mind* akan mengenakan *departure levy* kepada sesiapa yang menggunakan berjalan kaki ataupun motosikal, maka yang puluhan ribu yang berulang tiap-tiap hari ke Singapura untuk bekerja seperti yang dibangkitkan oleh

sebahagian senator. Berapa ramai daripada Sarawak masuk Brunei, masuk Sabah, kemudian hendak balik kena lagi. Sudah tentu kita tidak akan mengenakan *departure levy* yang sedemikian. Ini semua gali kubur sebenarnya kalau buat keputusan yang sedemikian.

Akan tetapi, rang undang-undang ini digubal sedemikian rupa supaya kita tidak perlulah hendak pergi balik, pergi balik untuk membahaskan perkara-perkara yang sebenarnya boleh kita *tackle* dalam keadaan sedemikian. Silakan, Yang Berhormat.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin penjelasan dan jaminan daripada kerajaan. Saya ada baca hasil daripada *departure levy* ini mungkin kita akan dapat dalam RM800 juta lebih kurang begitu dan ke atas tetapi mengikut yang dibentangkan oleh kawan-kawan tadi, mengikut IATA iaitu Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa, kita mungkin akan kehilangan pelancong sebanyak 835,000 yang berjumlah RM1.72 bilion. Jadi adakah kajian dibuat antara perbandingan ini? Sebab yang kita kutip itu tidak sampai kepada RM1.72 bilion. Itu satu.

Kedua, mengenai *competitive airport* itu. Oleh sebab saya ingat suatu ketika dahulu *airport* kita di KLIA juga pernah mendapat kunjungan transit yang banyak tetapi kemudiannya suatu ketika transit kapal terbang ini banyak berpindah ke Bangkok atas dasar *tax* dan sebagainya, jadi macam mana kita hendak pastikan yang perkara ini apabila kita dapat yang RM800 juta lebih tetapi kita menanggung beban yang lebih lagi? Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih. Apa yang pastinya bila kita bersetuju dengan rang undang-undang ini dan berdasarkan kepada kadar yang telah dicadangkan itu, yang pastinya antara RM800 juta hingga RM900 juta itu akan masuk dalam *coffer* kerajaan. *Insyah-Allah*, itu pasti. Apa yang kita kurang pasti dan tidak pasti ini ialah apakah benar dari segi penghujahan mengatakan bahawa bila ada *departure levy* ini akan menyebabkan orang *decide* untuk tidak akan datang ke Malaysia.

Saya agak pasti bahawa banyak negara termasuk Indonesia, Thailand dan sebagainya yang mendapat kunjungan pelancong yang begitu ramai bukan kerana *departure levy*-nya tetapi oleh kerana mereka punya tempat pelancongan yang menarik. Kita juga tidak kurangnya tempat yang menarik. Yang mungkin kurang kitanya ialah mungkin pengisian kepada program-program ataupun *tourism products* yang kita ada yang menyebabkan orang memilih satu tempat dan tidak tempat kita.

Jadi itu andaian IATA dan sebagainya itu merupakan andaian. Ya, andaian. Akan tetapi, saya yakin bahawa kalau kita dapat mewujudkan suasana ekosistem pelancongan dalam negara yang cukup baik, kita punya hotel yang terbaik, kita punya tempat-tempat penginapan yang boleh *cater* kepada semua *level*, *backpackers* pun suka datang, yang *Five*

Star, Six Star hotel kita punya, kemudian kita punya keramahan rakyat tempatan dalam menerima pelancong yang datang, kita punya *tourism product* yang menarik dan sebagainya, saya yakin kenalah banyak mana *departure levy* pun tapi kalau tempat itu memang menarik dan memang dibuahkan oleh siapa yang datang, “*You got to go Malaysia because this, this and this...*”, percayalah setakat RM20, RM40 ini tidak akan memberi kesan kepada keputusan mereka untuk masuk ke dalam negara kita...

Datuk Razali bin Idris: [*Bangun*]

Dato’ Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya Yang Berhormat Menteri tidak jawab lagi [*Ketawa*] Sudah hendak habis.

Soalan saya ada satu tadi saya hendak ketetapan yang mana levi dikecualikan kepada orang Islam untuk menunaikan umrah dan haji kali pertama dan pengecualian levi juga turut terpakai kepada penganut agama lain yang kali pertama untuk mengerjakan ibadat mengikut agama masing-masing. Dapatan saya ini bercanggah dengan Yang Berhormat pembahas yang pertama tadi mengatakan hanya dikhususkan kepada mengerjakan haji dan umrah sahaja, tidak kepada agama lain. Jadi soalan saya, yang mana satu betul? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato’ Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya boleh katakan kedua-duanya betul. Sebab, apa yang kita sebutkan ini pengecualian yang sedia ada yang kita cadangkan untuk diberikan. Akan tetapi, berdasarkan maklum balas dan sebagainya semasa di Dewan Rakyat mahupun sekarang di Dewan Negara, ada beberapa cadangan-cadangan yang diberikan dan cadangan ini akan dipertimbangkan keputusan oleh Jemaah Menteri yang akan menggunakan kuasa Menteri yang diberikan di dalam rang undang-undang ini untuk kita pertimbangkan.

Cuma, ada sedikit *technicalities*, Tuan Yang di-Pertua. Contohnya kalau kita kata kita hendak berikan pengecualian kepada mereka keluar negara untuk mendapatkan rawatan. Yang hendak dikutip ini ialah syarikat penerbangan itu. Jadi bagaimana prosedurnya untuk dia pergi buktikan kepada syarikat penerbangan ini bahawa dia pergi untuk mendapatkan rawatan keluar negara yang boleh mendapatkan pengecualian daripada pembayaran *departure levy* ini.

■1800

Dalam hal umrah dan haji ini suatu yang agak spesifik. Pergi ke mana? Ke Makkah ataupun dua Tanah Haram untuk mengerjakan umrah ataupun haji, *very specific*. Akan tetapi untuk agama yang lain kita faham dan memang ada bahawa *pilgrimage* juga berlaku. Cumanya perlu hendak kena ada satu *definition* lah. *Pilgrimage* ini kalau untuk agama Buddha

ke mana? Di mana tempatnya? Kalau *pilgrimage* untuk Kristian, adakah pergi melawat Baitulmuqaddis yang dikatakan tempat kelahiran Jesus Christ ataupun kita dalam Islam kita mengiktirafnya sebagai seorang Nabi dan Rasul iaitu Nabi Isa AS. Adakah di situ tempatnya dan sebagainya. Ini perlu kita lihat dan supaya memudahkan pengecualian itu diberikan. Ini *technicalities* dan standard yang ada. Akan tetapi apa pun ia akan diberi pertimbangan oleh pihak kerajaan dalam hal tersebut.

Tentang tadi disebutkan kita ini sudah *depart* daripada beberapa perjanjian yang ada di kalangan ASEAN atau pun disebut tadi *Chicago Convention* pihak (ICAO) dan sebagainya. Kita akan mengikut trend secara keseluruhannya. Kalau sudah sampai masa dan ketikanya, semua negara-negara ASEAN yang menjadi penandatangan dalam hal ini mengeluarkan ataupun menghentikan penggunaan *departure levy* ini tak akan lah kita di Malaysia ini hendak jadi kerajaan sumbang yang tidak mahu mengikut perkara tersebut. Buat masa ini masih ada lagi yang mengenakannya dan bila sampai masa dan ketikanya kita akan mengikut dan mengotakan apa yang telah ditandatangani itu.

Kemudian tentang transit ya. Transit ini diberikan pengecualian. Cuma nanti ada *argument* tentang transit ini bagaimana? Adakah maksudnya transit di satu *airport* selama dua jam sementara hendak menunggu penerbangan yang seterusnya. Maknanya kalau dua jam itu saya ingat memang dia tak keluar daripada *airport* pun. Itu sahaja transitnya ataupun ada syarikat penerbangan yang mendefinisikan transitnya itu ialah dia daripada Korea hendak ke London.

Jadi dia terbang masuk daripada Korea masuk ke *airport* kita kemudian- KK lah saya ambil contoh. Oleh sebab ini di Kota Kinabalu Tuan Yang di-Pertua, apabila kita pergi tengok di KK sekarang ini, kita pun tak tahu sesetengah tempat itu kita duduk di Korea ke kita duduk di KK sebab tulisan apa semua itu pun dalam bahasa Korea dan terlalu banyak pengunjung Korea yang datang. Adakah bila diturun di KK, dua hari *break* kemudian terbang ke London dan sebagainya dikira transit? Itu antara perkara-perkara yang kita tengok. Akan tetapi secara prinsipalnya mereka yang berada dalam transit ini diberikan pengecualian daripada *departure levy* ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tadi ada disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang tadi, kalau dia batalkan penerbangan dia bagaimana? Maknanya itu tanggungjawab syarikat penerbangan itu untuk *refund* fasal dia pembatal. Jadi adalah setengahnya *within* beberapa hari *forfeiture* itu berapa *percent* dan sebagainya. Akan tetapi memang dia tidak boleh mengambil *departure levy* ini kerana dia belum *due* kepada kerajaan sebab saya sebut tadi *due* kepada kerajaan apabila penerbangan itu berlepas.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat secara umumnya saya telah menyentuh apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi hasrat kita kerajaan bukan untuk mengenakan cukai kepada mereka yang sekarang sudah pun rasa tertekan dengan tekanan hidup ini sebab sudah tentu mereka ini tidak akan memilih untuk ke luar negara untuk melancong kecuali beberapa benda itu pun saya ingat kalau tak ada *assistance* daripada mana-mana pihak dia tak akan hendak buat rawatan pun carilah dekat Malaysia ini yang *free* kan?

Jadi, ianya akan terkena kepada mereka yang mempunyai lebih pendapatan yang memilih untuk ke luar negara untuk apa juga perkara yang dia hendak dapatkan dan kita hendak mengambil itu untuk kita kembalikan kepada kesejahteraan rakyat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[**Fasal-fasal 1 hingga 64** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, aturan-aturan pada hari ini selesai. Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 9 Mei 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.09 petang]